


PROSIDING KONVENSYEN ARKEOLOGI KEBANGSAAN

“MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN KEARIFAN”

3-6 NOV
2023

Hotel Park Avenue, Sungai Petani
Kedah Darul Aman



Prosiding

KONVENSYEN ARKEOLOGI KEBANGSAAN

“MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN KEARIFAN”

3 - 6 November 2023
Hotel Park Avenue, Sungai Petani
Kedah Darul Aman

Prosiding

KONVENSYEN ARKEOLOGI KEBANGSAAN

“MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN KEARIFAN”

3 - 6 November 2023
Hotel Park Avenue, Sungai Petani
Kedah Darul Aman

Penyunting
Zaharudin Abu

Konvensyen Arkeologi Kebangsaan:
“Memperkasa Profesionalisma Dan Kearifan”

Diterbitkan oleh
Jabatan Warisan Negara
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras Mezzanine, 15 – 20, Menara Permodalan Nasional Berhad
No. 201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia

© Hakcipta terpelihara Jabatan Warisan Negara, 2021

e ISBN 978-983-3862-71-9

Tidak dibenarkan mencetak semula, mengeluarkan mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanikal, termasuk fotokopi dan rakaman atau dengan apa jua cara sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Warisan Negara.

Kandungan



NO.		MUKA SURAT
1.	Kata Aluan	5 - 6
2.	Pengenalan	7 - 8
3.	Atur Cara Program	9 - 13
4.	UCAPTAMA	
5.	Cabaran, Faedah dan Potensi Tapak Warisan Arkeologi di Malaysia ke arah Pengiktirafan Warisan Dunia UNESCO. Pesuruhjaya Warisan	14 – 19
6.	RESOLUSI	20 - 24
7.	PEMBENTANGAN	
8.	ARKEOLOGI NEGARA: PENCAPAIAN, CABARAN DAN MASA DEPAN Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon	25 – 44
9.	MODUL PEMBELAJARAN BIDANG ARKEOLOGI DI PERINGKAT UNIVERSITI DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KERJAYA DI MALAYSIA Dr. Yunus Sauman@Sabin	45 – 52
10.	ARKEOLOGI MARITIM DI PULAU MELAKA, BANDAR HILIR, MELAKA Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad	53 – 68
11.	PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA Zaharudin bin Abu	69 – 78

12.	SUMBANGAN KEPAKARAN BIDANG MULTIDISIPLIN DI DALAM PENYELIDIKAN ARKEOLOGI BAWAH AIR NEGARA Prof. Madya Hasrizal bin Shaari	79 – 90
13.	PENGUATKUASAAN WARISAN AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 [AKTA 645] Ruzairy Arbi	91 – 130
14.	CABARAN DALAM PELESTARIAN DAN PENGEKALAN KHAZANAH WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli	131 – 140
15.	PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM PENYELIDIKAN ARKEOLOGI NEGARA Ar. Idr. Td. Noraslinda binti Abdul Rahman	141 – 151

Kata Aluan



YB Dato Sri Tiong King Sing

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah warisan negara merupakan antara aspek yang menjadi keutamaan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). MOTAC sentiasa memberi tumpuan bagi memastikan hasrat tersebut dapat direalisasikan selaras dengan teras utama yang digariskan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) 2021 dan peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. DAKEN telah menjadi inspirasi dan iltizam kepada MOTAC untuk memastikan kelestarian seni, budaya dan warisan dapat diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. MOTAC juga sentiasa memberi sokongan dan kesediaan dalam menyediakan peruntukan, sokongan dan khidmat nasihat untuk menambah baik saluran dan kaedah bagi pemuliharaan dan pemeliharaan warisan arkeologi.

Tapak warisan arkeologi di Malaysia terdedah kepada pelbagai cabaran dan ancaman yang boleh menjejaskan nilai dan integritinya. Justeru, penjagaan tapak warisan arkeologi perlu dilaksanakan dalam pelbagai pendekatan dan kaedah berdasarkan keperluannya. Cabaran dan ancaman tersebut perlu dilihat



secara serius agar negara tidak kehilangan aset warisannya yang amat berharga. Kemusnahan tapak warisan arkeologi amat merugikan kerana akan menjejaskan jalur penceritaan sejarah negara. Sehubungan dengan itu, kawalan pembangunan di tapak yang mempunyai potensi warisan arkeologi perlu diberi penekanan agar mematuhi garis panduan pembangunan bagi memastikan perancangan, kaedah pemuliharaan dan keputusan yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat bagi sesuatu tapak yang mempunyai kepentingan warisan budaya dengan mengambil kira pandangan dari semua agensi dan pihak berkepentingan.

Sehubungan dengan itu, amat penting untuk memastikan penglibatan semua pihak berkepentingan iaitu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pakar profesional dapat membentuk kolaborasi strategik dalam usaha memartabatkan serta memastikan kelestarian warisan arkeologi sentiasa

diberi keutamaan. Penyelarasan dan dialog bersama semua pihak berkepentingan amat mustahak bagi mencari jalan tengah atau *win-win situation* dimana pembangunan masih boleh dilaksanakan tanpa adanya kompromi terhadap nilai dan integriti tapak warisan.

Semoga penerbitan ini akan dijadikan rujukan dan panduan serta digunakan oleh ahli arkeologi, ahli sejarah, agensi pengurusan warisan di semua peringkat baik negeri dan persekutuan di dalam memastikan kelestarian tapak warisan arkeologi negara seterusnya menjadi produk arkeopelancongan penting Malaysia.

*'Malai Kenanga pengubat lara
Melampar sisi jalur gandasuli
Warisan arkeologi perlu dipelihara
Jadi pedoman pegangan diri'*

Kata Aluan



Mohamad Muda bin Bahadin

Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam Malaysia
Madani.

Penerbitan buku prosiding Konvensyen Arkeologi Kebangsaan 2023: Memperkasa Profesionalisme dan Kearifan merupakan keberhasilan dari penganjuran konvensyen yang telah berlangsung pada 3 hingga 6 November 2023 di Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah. Prosiding ini amat istimewa kerana ianya merupakan manifestasi kepada keseriusan dan komitmen berterusan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) dalam pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah warisan arkeologi di Malaysia.

Penerbitan ini juga merupakan kelangsungan kepada kerjasama yang terhasil daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Jabatan Warisan Negara bersama 11 universiti awam pada 16 Mac 2023. Sebagai sebuah jabatan yang menjadi peneraju dan peneroka bagi pengekalan warisan arkeologi di Malaysia, penerbitan ini dilihat sebagai medium untuk menyebarkan maklumat dan kesedaran kepada semua pihak berkepentingan untuk menggandakan usaha penyelidikan bagi meneroka dapatan baharu serta memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip arkeologi yang betul



dan tepat selaras peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Bidang arkeologi di Malaysia tidak terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran, antaranya bencana alam, pembangunan dan aktiviti penggalian haram yang tidak mematuhi peraturan dan tidak berdasarkan kaedah arkeologi yang saintifik dan lain-lain. Sebagai contoh, penggalian haram bukan sahaja mengganggu stratigrafi tanah dan menyebabkan suatu tapak yang mempunyai potensi warisan arkeologi terganggu, bahkan memusnah konteks tapak itu sendiri. Keadaan ini tentunya akan menjejaskan interpretasi ke atas tapak tersebut. Kita perlu akur bahawa dalam usaha untuk memastikan kelangsungan warisan, semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas dan dilaksanakan secara bersepadu.

Buku ini diharapkan akan menjadi jawapan kepada pelbagai polemik dan isu yang berlegar sekitar 'dunia arkeologi' di Malaysia sekaligus dapat menyebar luas ilmu arkeologi dan berupaya meningkatkan kesedaran Masyarakat terhadap warisan arkeologi di Malaysia. Semua pihak perlu bersama-sama berganding bahu dalam meneruskan agenda pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara dengan melaporkan terus kepada Pesuruhjaya Warisan, Pegawai Daerah atau pihak berkuasa sekiranya mengetahui sebarang aktiviti yang merosakkan warisan atau menjumpai objek yang mempunyai signifikan sejarah dan warisan.

Ucapan penghargaan kepada semua pegawai JWN iaitu En. Zaharudin bin Abu dan Puan Juliana binti Suliman sebagai penyusun dan penyelaras penerbitan, Bahagian Arkeologi JWN serta Unit Komunikasi Korporat, JWN. Terima kasih juga kepada para individu yang telah memberikan sumbangan secara tidak langsung kepada penerbitan ini.

Semoga usaha penerbitan ini dapat membantu meningkatkan kesedaran massa di dalam menjamin kelestarian tapak warisan arkeologi agar selari dan harmoni dengan pembangunan fizikal negara.

*Terbang cakraya hinggap di pendapa
Dusik oleh sekawan nundi
Warisan arkeologi kebanggaan negara
Jadi cerminan pegangan diri*

Pengenalan



Polemik dan cabaran yang mewarnai ‘dunia arkeologi’ di Malaysia amat menarik untuk diperkatakan. Selain polemik berkaitan pentarikan di beberapa tapak arkeologi serta perbezaan interpretasi oleh para penyelidik, kebanyakan tapak arkeologi juga terdedah kepada perubahan iklim, alam semula jadi, pembangunan fizikal serta aktiviti penggalian haram. Malah tapak warisan kebudayaan di bawah air juga menghadapi cabaran yang sama termasuklah pemajuan dan pembangunan fizikal serta aktiviti salvaj haram yang boleh menjejaskan nilai, signifikan dan integritinya.

Sebagai reaksi kepada permasalahan tersebut, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menganjurkan Konvensyen Arkeologi Kebangsaan 2023: *Memperkasa Profesionalisme dan Kearifan* yang telah berlangsung pada 3 hingga 6 November 2023 di Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah. Penganjurannya adalah sebagai *platform* untuk perkongsian ilmu dan dapatan baru hasil penyelidikan oleh para penyelidik dari disiplin arkeologi serta multi disiplin yang dapat memberikan nilai tambah dan meningkatkan kualiti hasil penyelidikan warisan arkeologi di Malaysia.

Penerbitan buku prosiding ini merupakan kompilasi sebanyak 8 kertas kerja yang dibentangkan di dalam konvensyen tersebut oleh para penyelidik dari universiti tempatan dan pegawai JWN iaitu Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon dari Universiti Sains Malaysia, Prof. Madya Dr. Asyaari bin Muhamad dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Zuliskandar bin Ramli dari UKM, Prof. Madya Dr. Hasrizal Saari dari Universiti Malaysia Terengganu, Dr. Yunus bin Sauman@Sabin dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Ar. Idr. Ts. Noraslinda binti Abdul Rahman dari Universiti Teknologi Malaysia, En. Ruzairy bin Arbi dan En. Zaharudin bin Abu dari JWN. Para pembentang telah mengupas secara intelektual dan holistik dari pelbagai sudut antaranya berkaitan sumbangan sains dan teknologi terkini di dalam perkembangan disiplin arkeologi, *Conservation Management Plan (CMP)*, cabaran warisan arkeologi, pengurusan warisan arekologi bawah air, penguatkuasaan warisan, potensi tapak arkeopelancongan serta cadangan untuk mewujudkan Dasar Arkeologi Negara selaras dengan peruntukan di bawah Akta 645.

Konvensyen juga telah melahirkan resolusi yang mengandungi 12 perkara yang menyasarkan tentang hala tuju, strategi, peranan dan pendekatan yang perlu dilaksanakan untuk memastikan pelestarian warisan arkeologi di Malaysia. Sesi pembentangan, diskusi, penjanaan idea serta percambahan fikiran dari penganjuran konvensyen diharapkan akan menjadi '*wake up call*' kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penyelidik, Badan Bukan Kerajaan (NGO), agensi di peringkat persekutuan, negeri dan daerah, komuniti serta masyarakat bagi memainkan peranan bersama-sama untuk '*kenali, sayangi dan lestarikan warisan kita*'.



Konvensyen ARKEOLOGI KEBANGSAAN

“MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN KEARIFAN”



3-6 NOV 2023

**Hotel Park Avenue, Sungai Petani
Kedah Darul Aman**



PEMBENTANG

- ◆ **PROF. DR. STEPHEN CHIA**
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
- ◆ **PROF. MADYA DR. ZULISKANDAR RAMLI**
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- ◆ **PROF. MADYA DR. ASYA'ARI MUHAMMAD**
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- ◆ **PROF. MADYA DR. HASRIZAL SAARI**
Pusat Perkhidmatan Penyelidikan
dan Lapangan UMT
- ◆ **DR. YUNUS SAUMAN@SABIN**
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
- ◆ **AR. IDR. TD. NORASLINDA ABDUL RAHMAN**
Pusat Kajian Alam Bina (KALAM)
Universiti Teknologi Malaysia
- ◆ **EN. RUZAIRY ARBI**
Bahagian Daftar Warisan
Jabatan Warisan Negara
- ◆ **EN. ZAHARUDIN ABU**
Bahagian Arkeologi
Jabatan Warisan Negara



SILA IMBAS
KOD QR UNTUK
ATUR CARA
KONVENSYEN

Sekretariat:
Jabatan Warisan Negara
Bangunan Sultan Abdul Samad
Jalan Raja 50050 Kuala Lumpur
Telefon: Dr. Farizah 019 - 244 5569 | Pn. Juliana 019 - 393 7080

KENALI, SAYANGI DAN LESTARI WARISAN KITA

www.heritage.gov.my [f Jabatanwarisannegara](https://www.facebook.com/jabatanwarisannegara) [@X JWNInfo](https://www.instagram.com/jwninfo) [HERITAGE TV](https://www.youtube.com/channel/UC...)

Atur Cara

Konvensyen Arkeologi Kebangsaan “Memperkasakan Profesionalisme dan Kearifan”

3 November 2023 – JUMAAT Ketibaan dan pendaftaran penginapan ahli panel	
4 November 2023 – SABTU	
6.30 – 8.00 pagi	Sarapan pagi (AJK & ahli panel)
8.00 – 9.00 pagi	Pendaftaran peserta
9.00 – 9.20 pagi	Ucuptama oleh Pesuruhjaya Warisan YBrs. En. Mohd. Azmi Mohd. Yusof 'POTENSI TAPAK WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA KE ARAH PENGIKTIRAFAN WARISAN DUNIA UNESCO'
SESI 1 Moderator: Prof. Madya LAr. Dr. Nor'atiah Ismail (UPM)	
10.05 pagi	Pembentang 1: Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon 'WARISAN ARKEOLOGI MALAYSIA: PENCAPAIAN, HARAPAN DAN MASA DEPAN'
10.10 – 10.50 pagi 10.50 – 11.00 pagi	Pembentang 2: Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli 'CABARAN DALAM PELESTARIAN DAN PENGEKALAN KHAZANAH WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA' Soal jawab
11.00 – 11.15 pagi	Minum pagi
SESI 2 Moderator: Prof. Madya Sr. Ts. Dr. Mohammad Asyraf Abdul Rahman (UTHM)	
11.20 pagi – 12.00 t/hari	Pembentang 3: Prof. Madya Dr. Asya'ari Muhammad 'PENGURUSAN ARKEOLOGI DALAM KONTEKS ARKEOLOGI BAWAH AIR NEGARA'
12.05 – 12.45 t/hari 12.45 – 12.55 t/hari	Pembentang 4: En. Zaharudin Abu 'PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA' Soal jawab
12.55 t/hari – 2.00 petang	Makan tengah hari

SESI 3 Moderator: Dr. Fareez Vincent Amos@Mohd. Fadly (UPSI)	
2.05 – 2.45 petang	Pembentang 5: Prof. Madya Dr. Hasrizal Saari 'SUMBANGAN KEPAKARAN BIDANG MULTIDISIPLIN DALAM MEMACU PENYELIDIKAN WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA'
2.50 – 3.25 petang 3.25 – 3.35 petang	Pembentang 6: En. Ruzairy Arbi 'PENGUATKUASAAN WARISAN AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645)' Soal jawab
3.40 – 3.55 petang	Minum petang
SESI 4 Moderator: Dr. Nur Amierah Harun (UniMAP)	
4.00 – 4.45 petang	Pembentang 7: Dr. Yunus Sauman@Sabin 'MODUL PEMBELAJARAN BIDANG ARKEOLOGI DI PERINGKAT UNIVERSITI DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KERJAYA DI MALAYSIA'
4.50 – 5.35 petang 5.35 – 5.50 petang	Pembentang 8: Ar. Idr. Ts. Noraslinda Abdul Rahman 'PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DI DALAM PENYELIDIKAN ARKEOLOGI NEGARA' Soal jawab
6.00 petang – 8.30 malam	Makan malam
8.30 – 10.30 malam	PRA-DISKUSI RESOLUSI
10.30 malam	Kudapan malam

5 November 2023 – AHAD	
SESI 5 Moderator: Dr. Mardiana Nordin (UM)	
6.00 – 8.00 pagi	Sarapan pagi
8.30 – 11.00 pagi	DISKUSI RESOLUSI Ketua Panel: Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon Ahli Panel: En. Ruzairy Arbi Prof. Madya Dr. Asya'ari Muhammad Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli Prof. Madya Dr. Hasrizal Saari Dr. Yunus Sauman@Sabin En. Zaharudin Abu Ar. Idr. Ts. Noraslinda Abdul Rahman
11.00 – 11.15 pagi	Minum pagi
12.30 t/hari – 2.00 petang	Makan tengah hari
3.00 – 5.00 petang	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP

6 November 2023 (ISNIN) - LAWATAN TAPAK	
6.00 – 7.00 pagi	Sarapan pagi
7.00 – 7.30 pagi	Berkumpul di lobi hotel
8.00 - 11.30 pagi	Bertolak untuk program lawatan; - Tapak Arkeologi Pengkalan Bujang - Muzium Arkeologi Lembah Bujang - Tapak Arkeologi Sungai Batu
11.30 pagi	Bertolak pulang ke hotel
12.00 t/hari 1.00 t/hari – 2.00 ptg 2.00 petang	Tiba di hotel Makan tengah hari Daftar keluar hotel

5 November 2023 – AHAD	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
3.00 – 3.20 petang	Ketibaan peserta, pembentang dan tetamu jemputan
3.20 – 3.30 petang	<p>Ketibaan dif-dif kehormat</p> <p>Ketibaan YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</p> <p>Nyanyian lagu 'Negaraku'</p> <p>Persembahan Pembukaan</p> <p>Ucapan Aluan oleh YBrs. En. Mohd. Azmi Mohd. Yusof Pesuruhjaya Warisan</p> <p>Pembentangan Resolusi oleh Ketua Panel YBrs. Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon</p> <p>Penyerahan Resolusi oleh Ketua Panel kepada YBrs. En. Mohamad Muda Bahadin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara</p> <p>Persembahan Selingan</p> <p>Ucapan Perasmian Penutup oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</p> <p>Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pembentang dan Moderator</p> <p>Penyampaian cenderamata oleh Pesuruhjaya Warisan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</p> <p>Sesi fotografi</p> <p>Minum petang</p>
5.00 ptg	Majlis bersurai



Mohd Azmi bin Mohd Yusoff

Pesuruhjaya Warisan,
Jabatan Warisan Negara



Cabaran, Faedah dan Potensi Tapak Warisan Arkeologi di Malaysia ke arah Pengiktirafan Warisan Dunia UNESCO.

*Melati Kuntum Tumbuh Melata
Sayang Merah Di Pohon Cemara
Assalamualaikum Mulanya Kata
Saya Sembah Pembuka Bicara*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari yang istimewa ini, sempena **Konvensyen Arkeologi Kebangsaan; Memperkasa Profesionalisme dan Kearifan** anjuran Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Terlebih dahulu, sukacitanya saya merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak baik PBN, PBT, agensi/jabatan di peringkat persekutuan dan negeri, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan NGO yang bersama-sama menjayakan konvensyen yang akan berlangsung dari 4 hingga 6 November 2023. Sesungguhnya, penganjuran konvensyen ini merupakan suatu usaha murni yang perlu diteladani oleh semua pihak khususnya di kalangan IPT dan NGO bagi membantu pihak kerajaan dalam memberikan pendedahan serta pemahaman dalam mendidik masyarakat mengenai khazanah warisan negara serta membudayakan perkongsian ilmu berkaitan warisan arkeologi. Usaha yang digerakkan adalah selaras dengan tag line JWN iaitu “*kenali, sayangi dan lestarikan warisan kita*”.

Visibiliti Malaysia dalam pemuliharaan warisan di peringkat antarabangsa.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menyertai masyarakat antarabangsa dalam aspek pemeliharaan warisan meliputi warisan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara, warisan semula jadi dan lain-lain. Ini dapat dilihat melalui penerimaan atau usaha meratifikasi konvensyen antarabangsa terutama sekali konvensyen di bawah badan dunia UNESCO. Antara

konvensyen utama berkaitan pemeliharaan warisan yang telah diratifikasi adalah termasuk *Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage 1972* dan *Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage 2003*.

Tanggungjawab sebagai Negara Anggota kepada Konvensyen yang berkaitan menuntut komitmen yang tinggi dalam memelihara warisan yang terdapat dalam Negara Anggota yang terlibat, termasuk Malaysia. Ini bertepatan dengan beberapa Konvensyen yang disertai Malaysia termasuk *Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage 1972*, pada Article 4.

Setiap Konvensyen mewujudkan jawatankuasa tertentu yang berperanan menentukan hala tuju pemeliharaan dan perlindungan warisan; menilai satu-satu warisan sebelum diberikan pengiktirafan dan lain-lain. Kejayaan tertinggi Malaysia dalam Konvensyen berkaitan di peringkat badan dunia tersebut ialah apabila dipilih oleh Negara Anggota untuk menganggotai World Heritage Committee pada tahun 2011- 2015 selepas 22 tahun menjadi Negara Anggota Konvensyen Warisan Dunia 1972.

Selain itu, Malaysia juga pernah terpilih menjadi Naib Presiden *General Assembly State Party to the Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage 1972* pada tahun 2009. Ianya merupakan satu kejayaan, penghormatan, keyakinan dan pengiktirafan tidak ternilai harganya terhadap kepakaran Malaysia dalam bidang pemeliharaan warisan dalam kalangan Negara Anggota.

Terdapat beberapa pengiktirafan warisan di bawah seliaan UNESCO yang penting termasuk UNESCO *World Heritage List* untuk tapak; *Representative List UNESCO* untuk warisan kebudayaan tidak ketara; *Memory of the World International Register (MOW)* untuk dokumen, dokumentari atau manuskrip dan lain-lain. Selain itu, Badan antarabangsa yang lain seperti ISESCO (*Islamic Scientific Education, Science and Culture Organization*) juga turut mempunyai pengiktirafan untuk kategori tapak.

Warisan Malaysia Di Persada Dunia

Sehingga kini, sebanyak 4 tapak di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu Taman Negara Mulu, Sarawak dan Taman Negara Kinabalu, Sabah yang mana kedua-duanya telah diiktiraf pada tahun 2000 di bawah kategori Alam Semula jadi. Bagi Kategori Kebudayaan pula, tapak yang telah diberikan pengiktirafan adalah Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town yang telah diperolehi pada tahun 2008 dan Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong yang telah memperolehi pengiktirafan pada tahun 2012.

Untuk makluman, **inventori JWN merekodkan sebanyak 1168 tapak arkeologi di seluruh Malaysia merangkumi; 1006 tapak arkeologi darat dan 162 tapak arkeologi bawah air. Manakala 15 tapak telah diwartakan dengan status Warisan Kebangsaan, 7 tapak berstatus Warisan serta 5 zon sebagai Zon Yang Dilindungi.**

Senarai Inventori JWN menunjukkan Malaysia mempunyai banyak tapak arkeologi yang berpotensi untuk diangkat ke peringkat antabangsa. Lembah Bujang yang mempunyai beberapa tapak yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*] antaranya Kompleks Pencandian Bukit Choras (Tapak 1), Candi Permatang Pasir (Tapak 31), Tapak Arkeologi Sungai Batu, Candi Pengkalan Bujang (Tapak 23) dan Candi Bukit Batu

Pahat (Tapak 8) juga mempunyai potensi untuk diangkat bagi pengiktirafan UNESCO pada masa hadapan. Usaha tersebut telah mula digerakkan pada tahun 2016, namun masih memerlukan penyelidikan lanjutan dan saintifik serta komitmen sepenuhnya dari pelbagai pihak termasuk PBN sebelum diangkat ke peringkat seterusnya.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mencalonkan tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah, Sarawak kepada pihak UNESCO untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia bagi sesi penilaian 2023/2024. Dokumen pencalonan tersebut telah dikemukakan secara serahan tangan kepada pihak sekretariat UNESCO di Paris pada 31 Januari 2023 dan keputusan dijangka diketahui pada Jun/Julai tahun 2024.

Selain itu, terdapat juga tapak-tapak arkeologi lain yang mempunyai potensi seperti tapak Gua Chawas di Gua Musang. Tapak tersebut amat menarik berdasarkan kepada jumpaan beribu-ribu kalam semah atau *votive tablet* yang mengandungi imej Bodhisattva dan ada kaitan dengan zaman Srivijaya antara abad ke-7 hingga 11 Masihi. Malah Gua Chawas juga mempunyai data dari lapisan budaya Hoabinhian yang berusia antara 12,000 hingga 5,000 tahun yang lalu. Gua Semadong di Perlis telah menemukan lukisan gua menggunakan unsur hematit dan juga arang yang memberi pandangan ianya hasil lukisan pra-sejarah dan kemudian proto-sejarah yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha yang dianggarkan sekitar abad ke-5 hingga abad ke-10 masihi.

Tapak-tapak lain yang turut berpotensi seperti Bukit Tengkorak dan Agup Batu Tulug di Timur Sabah, Kota Johor Lama, Sungai Lembing, dan beberapa lagi yang masih dalam penyelidikan oleh Jabatan Warisan Negara. Justeru, kerjasama strategik dan kolaborasi kepakaran dan teknologi antara kementerian, jabatan atau institusi pengajian tinggi berupaya membuat penyelidikan yang komprehensif dan saintifik untuk mengangkat tapak-tapak arkeologi yang berpotensi untuk pengiktirafan di peringkat dunia.

Cabaran Mendapatkan Pengiktirafan Antarabangsa

Secara umumnya, warisan yang berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa perlu mempunyai signifikan bukan sahaja di peringkat daerah, negeri atau nasional, tetapi mempunyai kepentingan di peringkat antarabangsa atau dunia. Ini merupakan perkara paling utama selaras dengan UNESCO Operational Guidelines 2015. Maklumat ini perlu dinyatakan dalam dokumen atau dossier pencalonan dengan setiap dapatan hasil penyelidikan harus disokong dengan bukti saintifik dan lain-lain.

Selain itu, perkara-perkara berikut perlu diberikan penekanan iaitu;

- a) Mengenal pasti keunikan warisan merupakan satu cabaran yang mana ada kalanya memakan masa bertahun lamanya.
- b) Mengenal pasti kriteria yang bersesuaian. Bagi Tapak Warisan Dunia, terdapat sepuluh kriteria yang ditetapkan (6 kriteria untuk warisan kebudayaan dan 4 kriteria untuk warisan semula jadi). Secara dasarnya, satu kriteria sudah cukup untuk mewajarkannya diangkat untuk pencalonan.
- c) Perkara lain yang diperlukan untuk kategori tapak, bangunan, atau monumen adalah daripada segi keaslian (*authenticity*) dan integriti (*integrity*).

- d) Penyediaan dossier pencalonan berserta dokumen berkaitan mana-mana warisan yang dicalonkan perlu menyediakan dokumen khusus dan lain-lain perkara berkaitan.
- e) Pelan pengurusan pemuliharaan (CMP) perlu disediakan agar kondisi warisan yang dicalonkan berada dalam keadaan baik termasuk semasa dalam proses pencalonan serta pada masa akan datang.
- f) Nilai-nilai Keunggulan Sejagat untuk satu-satu tapak perlu dipelihara bukan sahaja untuk pengekalannya keunikan dan identitinya, bahkan akan dapat menjadi tarikan kepada para pelawat daripada dalam dan luar negara untuk melawat tapak tersebut.

Pencalonan untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa memerlukan persediaan dan komitmen dari pelbagai pihak. Harus difahami bahawa setiap pengiktirafan akan datang bersama garis panduan dan pelan pengurusan yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan daripada status ditarik balik. Ada kalanya garis panduan agak menyusahkan kerana terdapat kawalan tertentu termasuk perlu mengehadkan ketinggian bangunan dalam satu-satu kawasan.

Persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) adalah merupakan perkara penting jika pencalonan untuk kategori tapak. Kebenaran PBN diperlukan sekiranya ia melibatkan pencalonan di bawah kategori tapak. Kebenaran sukar diperolehi ada kalanya disebabkan terdapat perancangan lebih awal telah dibuat untuk pembangunan satu-satu kawasan seperti pembinaan rumah kediaman, pusat komersil atau ruang pejabat.

Namun begitu, pada hakikatnya apabila satu-satu kawasan atau tapak menjadi Tapak Warisan Dunia, peluang ekonomi akan menjadi lebih besar. Sebagai contoh, Tapak Warisan Dunia Melaka berjaya memperolehi kutipan caj warisan sebanyak hampir RM4.0 juta setahun. Justeru, industri pelancongan berasaskan warisan terutama sekali yang telah mendapat pengiktirafan dunia mempunyai potensi untuk pembangunan ekonomi satu-satu kawasan yang secara tidak langsung dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Banyak berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat hinggan ada yang menyatakan bahawa pengiktirafan antarabangsa mempunyai agenda lain termasuk merupakan bentuk penjajahan baru atau pihak luar mempunyai kawalan penuh ke atas pemilikan hartanah yang terlibat. Pada hakikatnya, ianya bukan satu penjajahan bentuk baru atau pengawalan pihak luar, ianya hanyalah janji atau komitmen sebagai Negara Anggota untuk bersedia mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Penerimaan dan kerjasama masyarakat tempatan juga amat penting bagi memastikan status satu-satu warisan yang memperolehi pengiktirafan akan terus kekal terpelihara. Pihak kerajaan tidak mampu untuk berada di seluruh negara bagi memantau warisan pada setiap saat dan masa. Justeru, dengan adanya penerimaan dan kerjasama masyarakat, sikap bertanggungjawab akan terhasil. Sedikit sebanyak akan dapat membantu agar khazanah warisan negara terus terpelihara.

Program-program seumpamanya telah diadakan pada setiap tahun termasuk yang dibuat oleh Bandar Warisan Dunia Melaka dan George Town; Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong dan lain-lain dilakukan dalam usaha menimbulkan minat orang ramai untuk menghargai dan mencintai warisan apabila bersetuju untuk diangkat pengiktirafan antarabangsa.

Usaha mengangkat warisan ke persada antarabangsa kebiasaannya memerlukan peruntukan kewangan yang agak besar terutama sekali untuk penyediaan dossier pencalonan; dokumen pelan pengurusan dan lain-lain. Ini kerana, dokumen tersebut memerlukan kajian terperinci di lapangan atau tapak yang terlibat serta ada kalanya memerlukan tempoh yang panjang serta penggunaan tenaga manusia yang ramai termasuk penglibatan pakar daripada dalam dan luar negara.

Faedah Dan Kelebihan Pengiktirafan Antrabangsa

Faedah atau kelebihan utama hasil pengiktirafan antarabangsa adalah daripada segi pemeliharaan dan perlindungan satu-satu warisan. Ini kerana badan antarabangsa yang terlibat memberikan pengiktirafan kebiasaannya akan memberikan bantuan kepakaran untuk pemeliharaan dan perlindungan. Ianya merupakan antara peranan utama yang dimainkan badan antarabangsa berkaitan selaras dengan ketetapan dalam Konvensyen.

Selain bantuan kepakaran dalam pemeliharaan oleh badan antarabangsa berkaitan, pengiktirafan juga akan menarik perhatian pelbagai pihak dalam negara untuk lebih bersungguh-sungguh memelihara satu-satu warisan. Sebagai contoh, Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town yang mana pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bersama-sama Kerajaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk menyelaraskan pengurusan kedua-dua Tapak Warisan Dunia untuk memenuhi keperluan UNESCO.

Berdasarkan kepada pengalaman di beberapa tempat setelah satu-satu kawasan atau tapak diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia, jangkakan pertambahan kedatangan pelawat adalah berlipat kali ganda. Contohnya Bandar Warisan Dunia Melaka yang mana pada tahun 2007 jumlah kedatangan pelancong adalah sekitar 5.0 juta. Pada tahun 2019, kedatangan pelancong telah meningkat melebihi 18 juta pelancong. Sudah pasti kesan kedatangan ramai pelawat atau pelancong telah memberikan kesan kepada ekonomi serta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta merangsang lain-lain industri hiliran antaranya perhotelan, kraftangan, pelancongan, pengangkutan dan lain-lain. Malahan lebih daripada itu, limpahan pelancong ini juga akan turut dirasai bersama oleh negeri-negeri lain yang berhampiran.

Salah satu faedah yang bakal diperolehi setelah suatu tapak diberikan pengiktirafan dunia adalah secara automatik akan dimasukkan ke dalam peta pelancongan dunia serta kebiasaannya akan menjadi salah satu destinasi penting untuk dilawati. Ini kerana, terdapat banyak kumpulan atau individu tertentu akan memilih atau memberikan keutaman untuk melawat tapak yang telah mendapat *branding* sebagai Warisan Dunia. Pengiktirafan peringkat antarabangsa telah menjadi nilai tambah kepada satu-satu tapak.

Selain itu juga, badan antarabangsa termasuk UNESCO yang memberikan pengiktirafan akan melaksanakan promosi berterusan melalui penerbitan buku, majalah, kalendar, CD dan lain-lain daripada semasa ke semasa. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan promosi dan visibiliti warisan negara yang seterusnya berpotensi meningkatkan kedatangan ramai pelancong.

Kesimpulannya, usaha mengangkat warisan negara ke persada dunia bukanlah satu usaha yang mudah. Ini kerana ianya memerlukan usaha dan kerjasama serta sokongan pelbagai pihak bagi merealisasikan hasrat ini. Namun begitu, terdapat banyak faedah dan kelebihan sekiranya

warisan satu-satu negara mendapat pengiktirafan antarabangsa. Antaranya adalah pemeliharaan, destinasi pilihan utama pelancongan dunia, bantuan kepakaran dan lain-lain. Selain itu, harus kita sedar bahawa pengiktirafan antarabangsa juga memerlukan komitmen yang tinggi serta satu amanah yang harus dipikul oleh semua lapisan masyarakat di mana kita perlu memastikan khazanah warisan yang menjadi perhatian masyarakat dunia akan terus terpelihara daripada dirosakkan serta untuk dikongsi bersama dengan generasi akan datang.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran **Konvensyen Arkeologi Kebangsaan; Memperkasa Profesionalisme dan Kearifan**. Aspirasi saya agar usaha ini dapat diteruskan dan diperkasakan lagi pada masa hadapan. Mudah-mudahan konvensyen ini membuka mata dan kesedaran semua pihak kepada kepentingan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan warisan bukan hanya sebagai sumber ekonomi negara tetapi lebih dari itu dalam membentuk sahsiah, pekerti dan jati diri rakyat Malaysia. Justeru, marilah kita bersama-sama *“kenali, sayangi dan lestarikan warisan kita”*.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.



RESOLUSI
KONVENSYEN ARKEOLOGI KEBANGSAAN
“MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN KEARIFAN”

5 NOVEMBER 2023

- 1. PEMELIHARAAN WARISAN KEBANGSAAN**
 - **KETERANGAN**
 - Penekanan kepentingan memelihara warisan budaya, sejarah dan warisan semulajadi.
 - Menekankan bahawa memelihara warisan negara adalah penting untuk mengekalkan jati diri dan kesinambungan.
 - **RESOLUSI**
 1. Mewujudkan enakmen di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan warisan.

 - 2. PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN WARISAN**
 - **KETERANGAN**
 - Membincangkan keperluan untuk profesional terlatih seperti ahli arkeologi, konservator dan ahli sejarah untuk mengurus dan memelihara tapak warisan.
 - Menekankan profesionalisme dalam memastikan dokumentasi, pemeliharaan dan pemulihan aset warisan yang betul.
 - **RESOLUSI**
 1. Keperluan kepada Arkeologis Berdaftar.
 2. Keperluan kepada Pusat Latihan/ Bengkel Arkeologi & Warisan – dalam dan luar negara (Arkeologi Darat, Arkeologi Bawah Air dan Konservasi Arkeologi).

 - 3. PELANCONGAN MAMPAN DAN FAEDAH EKONOMI**
 - **KETERANGAN**
 - Terangkan bagaimana tapak warisan boleh menjadi sumber pertumbuhan ekonomi melalui pelancongan.
-



- Bincangkan kepentingan mengurus tapak warisan secara profesional untuk memastikan pelancongan mampan yang memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.
 - **RESOLUSI**
 1. Cadangan pembangunan fasiliti tapak arkeologi untuk produk arkeopelancongan – pakej tourism.
 2. Menyediakan blueprint arkeopelancongan negara.
 - 4. **MENGIMBANGI PEMBANGUNAN DENGAN PEMELIHARAAN WARISAN**
 - **KETERANGAN**
 - Menangani cabaran mengimbangi pembangunan ekonomi dengan pemeliharaan warisan.
 - Memperjuangkan dasar yang menggalakkan pembangunan dan bertanggungjawab di sekitar tapak warisan.
 - **RESOLUSI**
 1. *Conservation Management Plan (CMP)* untuk tapak-tapak arkeologi terutamanya Tapak Warisan Kebangsaan (15 butiran) dan Warisan (7 butiran) yang telah diwartakan.
 2. Mewajibkan HIA bagi tapak yang telah diwartakan untuk projek pembangunan, jalanraya, kuari, hidro elektrik, dll.
 3. Mengesyorkan HIA untuk tapak berstatus inventori bagi projek pembangunan, jalanraya, kuari, hidro elektrik, dll.
 - 5. **PENGLIBATAN DAN KEBIJAKSANAAN KOMUNITI**
 - **KETERANGAN**
 - Membincangkan peranan masyarakat tempatan dalam memelihara dan mengurus tapak warisan.
 - Menonjolkan nilai ilmu dan kebijaksanaan tradisional yang diwarisi turun-temurun.
 - **RESOLUSI**
 1. Pertingkatkan libat urus dengan komuniti setempat (*focus group discussion*) dan NGO secara berterusan bagi melahirkan lagi ramai pelapis.
-



6. PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

• **KETERANGAN**

- Menekankan keperluan mendidik orang ramai tentang kepentingan warisan negara.
- Menerangkan bagaimana kempen kesedaran boleh menggalakkan tingkah-laku bertanggungjawab terhadap tapak warisan.

• **RESOLUSI**

1. Mengadakan Konvensyen & Hari Arkeologi Kebangsaan (setiap tahun).
2. Mengadakan Persidangan Arkeologi Antarabangsa (setiap 2 tahun).
3. Menubuhkan Pusat Latihan Arkeologi Bawah Air di Asia Tenggara dan Galeri Arkeologi Bawah Air di Malaysia.

7. DASAR DAN PEMBIAYAAN KERAJAAN

• **KETERANGAN**

- Menerangkan tentang keperluan sokongan kerajaan melalui dasar, peraturan dan pembiayaan.
- Menekankan peranan kerajaan dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pemeliharaan warisan.

• **RESOLUSI**

1. Mengesyorkan penyediaan Dana Penyelidikan arkeologi kepada MOTAC/JWN untuk disalurkan kepada Universiti yang akan melaksanakan penyelidikan arkeologi.
2. Menggalakkan penyertaan swasta/korporat menyumbang dana/menubuhkan yayasan untuk kelestarian arkeologi/ warisan dengan memperolehi potongan cukai LHDN melalui JWN MOTAC.

8. KERJASAMA PERINGKAT ANTARABANGSA

• **KETERANGAN**

- Menyatakan faedah kerjasama antarabangsa dalam berkongsi amalan terbaik dan sumber untuk pemeliharaan warisan.
- Menyokong kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti UNESCO.



9. CABARAN DAN ANCAMAN

• **KETERANGAN**

- Menangani ancaman biasa terhadap warisan negara, seperti pembandaran, pencemaran, perubahan iklim dan perdagangan haram artifak.
- Serlahkan keperluan untuk memerangi ancaman ini melalui profesionalisme dan kebijaksanaan.

• **RESOLUSI**

1. Mengesyorkan penyediaan Pelan Risiko Bencana ke atas tapak warisan.

10. MENGUKUR KEJAYAAN DAN AKAUNTABILITI

• **KETERANGAN**

- Bincangkan kepentingan mewujudkan metrik untuk mengukur kejayaan usaha pemeliharaan warisan.
- Menekankan keperluan akauntabiliti dalam pengurusan warisan.

• **RESOLUSI**

1. KPT/ KPM perlu memastikan piawaian atau *standard* pembudayaan arkeologi negara dalam sistem pendidikan negara.

11. PERKONGSIAN AWAM-SWASTA

• **KETERANGAN**

- Membincangkan peranan organisasi sektor swasta dan institusi dermawan dalam menyokong inisiatif pemeliharaan warisan.
- Terangkan bagaimana perkongsian awam-swasta boleh menyediakan sumber dan kepakaran tambahan.

• **RESOLUSI**

1. Sinergi di antara Persekutuan, PBN, IPT, PBT, Swasta, NGO & Komuniti. (cth. Festival UNESCO Lenggong, Festival Kedah Tua, SDG11).



12. PERUNDANGAN DAN RANGKA KERJA PERUNDANGAN

• **KETERANGAN**

- Kepentingan rangka kerja undang-undang yang kukuh untuk pemeliharaan warisan.
- Membincangkan peranan perundangan dalam mencegah penggalian haram, pemerdagangan dan vandalisme tapak warisan.

• **RESOLUSI**

1. Mengenalpasti dan menuntut semula relik arkeologi dari luar negara.
2. Memperkasa penguatkuasaan Akta JWN 2005 dengan agensi berkaitan peringkat persekutuan dan negeri.



PROF. DR. STEPHEN CHIA MING SOON
KETUA PANEL
KONVENSYEN ARKEOLOGI
KEBANGSAAN

ENCIK MOHAMAD MUDA BIN BAHADIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
JABATAN WARISAN NEGARA

ENCIK MOHD. AZMI BIN MOHD. YUSOF
PESURUHJAYA WARISAN



PROF. DR. STEPHEN CHIA MING SOON
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia

PROFESOR DR. STEPHEN CHIA MING SOON adalah Pengarah di Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (sejak 2021 hingga kini) di mana beliau bertugas sebagai pensyarah, penyelidik dan perunding dalam bidang Arkeologi dan Warisan Budaya selama hampir 30 tahun. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian dalam Sains Kimia (1989), Sarjana (1993) dan Doktor Falsafah (1997) dalam Arkeologi dari Universiti Sains Malaysia. Beliau telah menjalankan penyelidikan dan latihan arkeologi di Malaysia dan juga di Asia Tenggara, Amerika Syarikat, India, Jepun, China dan Bosnia. Hasil penyelidikan beliau telah diterbitkan di buku, monograf dan lebih daripada 150 makalah, bab dalam buku, majalah, dokumentari, kertas kerja dalam jurnal, seminar, ceramah, dan persidangan kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga aktif dalam konservasi serta latihan arkeologi dan warisan budaya, khususnya dengan Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia di Malaysia dan Asia Tenggara. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pakar Warisan Tapak Arkeologi dan Kebudayaan di Bawah Air; Ahli Jawatankuasa Polemik Jabatan Arkib Negara; Kurator Kehormat Arkeologi Jabatan Muzium Sarawak, Ahli Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang, dan Ahli Majlis serta Wakil Kanan kawasan Asia Tenggara dan Pasifik untuk *World Archaeological Congress*.

ARKEOLOGI NEGARA: PENCAPAIAN, CABARAN DAN MASA DEPAN

*Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang*

ABSTRAK

Sejarah arkeologi negara telah bermula sejak Zaman Kolonial pada abad ke-19 Masihi sehingga hari ini. Jangka masa yang merangkumi lebih dari 180 tahun telah melihat arkeologi negara berkembang dari aktiviti eksplorasi untuk mencari bahan artifak oleh pegawai British atau ahli arkeologi amatir ke sebuah program penyelidikan arkeologi yang dijalankan oleh ahli arkeologi professional daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Kaedah penyelidikan arkeologi negara juga telah berubah secara beransur-ansur daripada pendekatan yang bersifat mencari artifak, deskriptif dan spekulatif program penyelidikan yang sistematik, saintifik dan multidisiplin. Bab ini akan mengemaskini dan membincang secara ringkas tentang Sejarah perkembangan dan pencapaian arkeologi negara sejak 1840 hingga kini. Isu dan cabaran arkeologi negara akan dibincangkan dari segi penyelidikan arkeologi, perlindungan dan pemeliharaan artifak atau tapak, serta pembangunan dan pengurusan warisan arkeologi negara untuk tujuan pelancongan dan menjana ekonomi negara. Akhir sekali, cadangan dan rekomendasi perkembangan dan kemajuan masa depan arkeologi negara akan dibincangkan.

PENGENALAN

Sejarah kajian arkeologi di Malaysia telah bermula sejak Zaman kolonial British sekitar pertengahan abad ke-19 Masihi sehingga kini. Sejarah kajian arkeologi yang lama iaitu lebih dari 180 tahun ini telah menghasilkan banyak data dan pengetahuan tentang arkeologi dan prasejarah Malaysia (Chia 2017a, 2018). Sejarah kajian arkeologi di Semenanjung Malaysia telah dibincangkan oleh pengkaji awal seperti W.G. Solheim II (1980, et al. 1985), Adi Haji Taha (1987, 2007), Nik Hassan Shuhaimi (1987, 1995, 1998), Leong Sau Heng (1999), Zolkurnian Hassan (1998), Zuraina Majid (2003), Mokhtar Saidin (2010) dan Stephen Chia (2017a). Di Sarawak, sejarah kajian arkeologi di negeri tersebut telah pun diulas oleh Tom Harrisson (1954, 1955, 1958a, 1958b, 1970), W.G. Solheim II (1961, 1974, 1983), Cheng Te K'un (1969), Lucas Chin & Robert Nyandoh (1975), Zuraina Majid (1982), Ipoi Datan (1993), Graeme Barker (2013) dan Stephen Chia (2017), manakala sejarah arkeologi Sabah telah ditulis oleh Tom & Barbara Harrisson (1971), W.G. Solheim II (1973a-b), Peter Molijol & Jeffrey Abdullah (2014) dan Stephen Chia (2016, 2017). Secara ringkasnya, kajian awal arkeologi negara hanya melibatkan survei dan eksplorasi yang dijalankan oleh ahli arkeologi amatir yang terdiri daripada pegawai British untuk mencari maklumat atau bahan antik untuk muzium-muzium di England dan juga di Malaya, Sarawak dan Sabah. Selepas Malaya memperolehi

kemerdekaan pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia dengan Sarawak dan Sabah pada tahun 1963, kajian arkeologi mula menjadi yang lebih sistematik dan dijalankan oleh ahli arkeologi yang terlatih. Pertengahan tahun 1970-an dan 1980-an merupakan titik perubahan dalam sejarah arkeologi negara di mana pengkaji tempatan mulai menceburi diri dalam bidang arkeologi. Sejak itu, kajian arkeologi bukan lagi dijalankan oleh golongan amatir tetapi ianya telah diaktifkan semula oleh ahli arkeologi tempatan yang terlatih. Akibatnya, banyak tapak baru dengan data dan maklumat yang signifikan telah dihasilkan mengenai prasejarah dan sejarah awal Malaysia. Sehingga kini, masih terdapat isu dan cabaran yang dihadapi oleh arkeologi negara, terutamanya kekurangan kepakaran dan sumber manusia di universiti, jabatan-jabatan muzium dan warisan, sumber dana atau kewangan yang terhad serta kemudahan, ruang dan peralatan yang tidak mencukupi. Beberapa masalah baru juga muncul disebabkan oleh peningkatan pelancongan warisan arkeologi selain isu-isu lama yang berkaitan dengan kelemahan dalam pembentukan dan pelaksanaan perundangan untuk menjaga warisan arkeologi negara. Bab ini membincangkan secara ringkas sejarah arkeologi Malaysia, pencapaian, cabaran dan masa depan arkeologi negara.

ISU DAN CABARAN DALAM WARISAN ARKEOLOGI NEGARA

Di Malaysia, ancaman terhadap warisan arkeologi Malaysia sering berlaku disebabkan oleh dua faktor iaitu faktor semulajadi dan faktor manusia. Faktor semulajadi seperti banjir, tanah runtuh, hujan dan matahari panas akan merosak warisan tapak dan artifak arkeologi dengan edaran masa. Namun, faktor manusia merupakan ancaman yang lebih serious disebabkan oleh pembangunan seperti pembinaan lebuh raya, jalan raya dan empangan, pembangunan bandar, aktiviti menggali guano, kuari, pertanian khususnya ladang sawit dan mencari harta karun (Chia 2011; 2017b). Walaupun undang-undang telah diperkenalkan selepas 1957 untuk melindungi dan menjaga warisan arkeologi di negara, namun pelaksanaan undang-undang tersebut adalah terhad, terutamanya sebelum akhir tahun 1990-an. Dari tahun 1950-an hingga 1990-an, aktiviti menggali guano dan mencari harta karun merupakan punca utama kemusnahan tapak arkeologi yang terletak di dalam gua di seluruh negara. Contoh yang paling baik adalah penggalian guano secara besar-besaran yang dilakukan di gua-gua yang mempunyai nilai arkeologi seperti Gua Niah di Sarawak, dan di Lembah Lenggong, Perak. Guano atau najis daripada kelawar yang mendiami gua merupakan baja organik yang baik dan telah dikumpul secara tradisi oleh penduduk dan petani tempatan untuk digunakan di penanaman padi, sayur, buah-buahan dan bunga. Selain itu, aktiviti kuari di bukit batu kapur telah merosakkan gua dan pelindung batuan yang ada nilai arkeologi, contohnya di kompleks batu kapur Gua Badak, Lenggong, Perak, yang mengandungi lukisan gua purba telah dirosakkan oleh aktiviti kuari pada awal 1990-an. Laporan telah dibuat oleh penduduk tempatan kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti dan tindakan diambil untuk menghentikan projek tersebut. Pada 2007, satu lagi tapak arkeologi yang penting di Pulau Balambangan, Kudat, Sabah turut diancam kemusnahan oleh aktiviti kuari dan pembukaan ladang kelapa sawit. Mujurlah ia segera diselamatkan oleh *World Wildlife Fund Malaysia*, Jabatan Muzium Sabah, dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain.

Pembinaan lebuhraya, jalan raya, saluran paip gas dan empangan yang melibatkan penggalian secara besar-besaran terus mengancam warisan arkeologi di negara ini. Sebelum 1990-an, majoriti projek tersebut telah dijalankan tanpa sebarang bentuk penilaian impak arkeologi. Ramai pemaju mungkin tidak tahu lokasi tapak arkeologi kerana kekurangan pengetahuan atau penulisan tentang kewujudan tapak arkeologi. Di samping itu, tiada penalti dikenakan jika pemaju gagal melaporkan penemuan tapak atau artifak arkeologi secara tidak sengaja. Mungkin juga pemaju jarang melaporkan jumpaan arkeologi kerana takut ianya akan melambatkan dan meningkatkan kos projek - pihak berkuasa negeri, muzium dan warisan biasanya akan campur tangan atau menghentikan projek apabila penemuan arkeologi dilaporkan kepada mereka. Pembinaan lebuhraya Gerik-Kuala Kangsar di Perak pada tahun 1996 adalah satu contoh yang baik ancaman sebegini. Alat batu purba telah digali dan dijumpai secara tidak sengaja semasa kerja-kerja pembinaan lebuhraya di Bukit Jawa, Kampung Gelok, Lenggong. Seorang penduduk tempatan yang telah bekerja selama bertahun-tahun dengan PPAM di USM, Pulau Pinang telah mengenal pasti alat-alat batu ini dan melaporkannya kepada USM. Selepas itu, Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Perak telah mengeluarkan arahan berhenti kerja untuk membolehkan kumpulan ahli arkeologi dari USM untuk menjalankan ekskavasi menyelamat, yang akhirnya membawa kepada penemuan salah satu tapak Paleolitik yang tertua di negara ini (Zuraina Majid 1997). Di Ulu Terengganu pula, beberapa bukit batu kapur yang mengandungi gua dan kepentingan arkeologi dipercayai telah tenggelam dalam air semasa pembinaan empangan di Tasik Kenyir di antara tahun 1978 dan 1985 (Price 2002). Baru-baru ini, nasib yang sama bakal melanda warisan arkeologi di Ulu Kelantan kerana terdapat cadangan untuk Projek Pembangunan Tenaga Hidroelektrik Lebir di Gua Musang yang akan membina sebuah empangan dan tenggelami kawasan seluas 15,400 hektar termasuk beberapa tapak arkeologi yang terpenting di negara ini seperti Gua Cha, Gua Chawas dan Gua Peraling di Ulu Kelantan (*New Straits Times*, 23 March 2017). Pada November 2022, semasa menjalankan kajian impak arkeologi di Lembah Nenggeri, penyelidik daripada UKM telah menemui pengkebumian rangka manusia lengkap dalam posisi terlipat bersama artifak batu di Gua Keledung Kecil yang dipercayai dari Zaman Paleolitik (Bernama, 31 Mei 2023).

Satu lagi ancaman utama terhadap warisan arkeologi negara adalah aktiviti pertanian, khususnya pembukaan tanah secara besar-besaran untuk ladang getah dan kelapa sawit di kawasan kaya dengan warisan arkeologi yang telah mengganggu atau merosakkan lapisan tanah yang mengandungi artifak dan bukit budaya arkeologi negara. Contohnya kawasan-kawasan seperti tapak Kota Tampan, Bukit Jawa dan Bukit Bunuh di Lembah Lenggong, Perak dan tapak Sungai Batu di Lembah Bujang, Kedah. Ancaman lain terhadap warisan arkeologi negara adalah agama, nilai atau kepercayaan seperti kes di Bario, Sarawak apabila majoriti masyarakat asli Kelabit di Bario telah memeluk agama Kristian sejak 1940-an dan tidak lagi mengamalkan penyembahan batu megalit. Jabatan Muzium Sarawak terpaksa campur tangan untuk menghentikan kemusnahan secara sengaja pada monumen purba megalit di Bario (Ipoi Datan, Pengarah Muzium Sarawak, komunikasi peribadi, Januari 2017).

Di Malaysia, beberapa tapak arkeologi, muzium dan taman telah dibangunkan untuk arkeopelancongan contohnya Gua Niah di Sarawak, Lembah Lenggong di Perak, Lembah

Bujang di Kedah, dan Bukit Tengkorak di Sabah (Chia 2010). Keempat-empat kawasan tersebut adalah antara yang terkaya dengan warisan arkeologi dan terkenal sekali di negara ini. Namun, pembangunan pelancongan di kawasan ini turut menimbulkan beberapa isu dan cabaran baru dalam pengurusan, pemuliharaan dan perlindungan warisan arkeologi negara.

Di Gua Niah, kajian arkeologi yang dijalankan sejak tahun 1950-an telah menghasilkan beberapa penemuan yang penting tentang prasejarah Malaysia (Harrisson 1957, 1958; Zuraina Majid 1982; Barker et.al. 2002; Barker 2005, 2013). Antara penemuan terpenting adalah tengkorak manusia tertua di negara ini, bertarikh sekitar 40,000 tahun yang lalu serta kira-kira 166 kubur manusia dari zaman pra-Neolitik dan Neolitik yang dikebumikan dengan tembikar, artifak batu dan sisa makanan (Harrisson 1967). Gua Niah juga mempunyai lukisan gua yang unik dan pengebumian perahu sejak 1,000 hingga 2,000 tahun lalu (Harrisson 1958c). Pada 1998, Muzium Arkeologi Niah telah dibina di Taman Negara Niah untuk mempamerkan penemuan arkeologi dan menarik lebih ramai pelancong ke Gua Niah. Taman Negara Niah kini diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Sarawak, tetapi tapak muzium dan tapak arkeologi masih di bawah jagaan Jabatan Muzium Sarawak. Setiap tahun, dianggarkan sekitar 25,000 pelancong melawat Muzium Arkeologi Niah dan tapak arkeologi di Niah (Anyie Wan, Pembantu Kanan Muzium Sarawak, komunikasi peribadi, Mei 2017). Untuk mengurangkan ancaman dari pelancong (dan juga penggali guano dan pengumpul sarang burung tempatan), Muzium Sarawak telah melaksanakan beberapa langkah perlindungan warisan arkeologi. Ini termasuklah memagarkan tapak arkeologi yang penting di Gua Niah seperti West Mouth dan Painted Cave. Ini berkesan dalam mencegah aktiviti penggalian guano, pencerobohan oleh pelancong dan pelawat memasuki dan merosakkan tapak arkeologi. Penggali guano, bagaimanapun, dibenarkan oleh Taman Negara Niah dan pihak berkuasa muzium untuk menggali di kawasan yang tidak ada kepentingan arkeologi di Gua Niah. Pelancong dan pelawat masih boleh melihat tapak ekskavasi dan lukisan gua melalui pagar dawai tetapi terdapat aduan bahawa ianya tidak boleh dilihat dengan jelas dari jauh. Pada tahun 2009, muzium telah menangani isu ini dengan meletakkan panel maklumat dan gambar mengenai penemuan arkeologi dan lukisan gua pada pintu pagar. Untuk memelihara dan mempromosikan arkeologi Gua Niah dengan lebih baik, kerajaan negeri Sarawak telah mengambil inisiatif dan memberikan peruntukan besar untuk menyediakan dosier untuk permohonan Kompleks Taman Negara Gua Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Usaha pencalonan tersebut telah bermula sejak 2019 dengan dokumen Senarai Tentatif dihantar kepada UNESCO pada 22 Januari 2021 dan 31 Januari 2023. Kompleks Gua Taman Negara Niah di Sarawak akhirnya berjaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia UNESCO di New Delhi, India pada 31 Julai 2024 (Bernama, 27 Julai 2024).

Lembah Lenggong di Ulu Perak adalah satu lagi kawasan yang kaya dengan warisan arkeologi dan telah menghasilkan penemuan yang penting mengenai prasejarah Malaysia. Bermula pada tahun 1987, penyelidikan arkeologi oleh USM, Pulau Pinang, telah menyumbang banyak pengetahuan mengenai prasejarah Lembah Lenggong, Malaysia dan Asia Tenggara (Zuraina Majid 2003; Mokhtar Saidin dan Jeffrey Abdullah 2007; Zolkurnian 1998; Chia 1997). Kebanyakan artifak arkeologi dari Lembah Lenggong kini dipamerkan di Galeri Arkeologi Lenggong di Perak, yang dibina oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti dari tahun 1998 hingga

2001. Sejak dibuka pada 2003, galeri tersebut telah menarik kira-kira 5,000 hingga 6,000 pelawat setiap bulan, kebanyakannya pelancong tempatan tetapi terdapat juga sejumlah kecil pelancong asing (Nur Aidah, kakitangan Galeri Arkeologi Lenggong, komunikasi peribadi, 10 April 2014). Pada tahun 2012, galeri ini telah diletakkan di bawah jagaan Jabatan Warisan Negara dan mempamerkan artifak dari Zaman Paleolitik dan Neolitik serta budaya Zaman Logam. Salah satu penemuan yang paling penting yang disimpan dan dipamerkan di galeri ini adalah Manusia Perak, rangka berusia 10,000 tahun yang ditemui di Gua Gunung Runtuh, Lenggong, Perak (Zuraina Majid 1994; 2005). Oleh kerana kepentingannya, Manusia Perak telah dipelihara dengan baik dalam persekitaran yang terkawal sejak 26 tahun yang lalu (Chia dan Sam 1994; Chia 2005b). Di Lembah Lenggong, Jabatan Warisan Negara telah membina panel maklumat dan jalan ke beberapa tapak arkeologi utama untuk menarik lebih pengunjung. Walau bagaimanapun, peningkatan pembangunan dan jumlah pelancong di Lembah Lenggong telah mengakibatkan beberapa lukisan gua di Gua Badak dan Gua Batu Tukang dirosakkan dengan grafiti oleh pengunjung yang tidak bertanggungjawab. Jabatan Warisan Negara telah menangani masalah ini dengan meletakkan pagar di beberapa pintu masuk gua dan menganjurkan lawatan berpandu ke tapak-tapak tersebut. Pada 2011, Jabatan Warisan Negara dengan bantuan USM telah menyediakan dan mengemukakan dossier Warisan Arkeologi Lembah Lenggong kepada UNESCO untuk disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia. Warisan Arkeologi Lembah Lenggong berjaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012 dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Lembah Lenggong telah dikemukakan kepada UNESCO pada Januari 2014 (Dermawan 2014). Pelan pengurusan tersebut meliputi perlindungan bagi tanah dan tapak, pengurusan pelancongan, pemantauan dan dokumentasi, pengurusan kewangan, tadbir urus, pengurusan 'outreach', penyelidikan arkeologi, pemuliharaan, pengurusan risiko dan penyelenggaraan tapak. Sejak Julai 2023, Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan telah menyerahkan pengurusan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong kepada Kerajaan Negeri Perak.

Kawasan Lembah Bujang juga kaya dengan warisan arkeologi di mana kajian arkeologi telah dimulakan sejak 1840-an oleh pegawai-pegawai British dan diteruskan pada tahun 1970 oleh ahli arkeologi tempatan yang mendedahkan kehadiran tamadun awal bertarikh dari abad ke-3 hingga abad ke-14 Masihi (Leong 1980; Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim 1992; Mohd Supian Sabtu 2002). Antara penemuan yang dijumpai adalah struktur kuil Hindu-Buddha dan artifak seperti arca, batu bersurat, seramik, syiling, manik dan artifak kaca. Secara ringkasnya, kajian menunjukkan bahawa Lembah Bujang merupakan pusat awal Kerajaan Sriwijaya yang aktif semasa abad ke-7 Masihi hasil perdagangan maritim dengan China dan India, dan ianya adalah satu *entrepot* yang penting pada abad ke-9 atau abad ke-10 Masihi. Kajian terbaru mencadangkan bahawa Sungai Batu pernah menjadi pertempatan sebuah kerajaan yang paling terawal di Kedah, bertarikh abad pertama Masihi (Mokhtar et al. 2011). Pada 1978-1980, Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dibina oleh Muzium Negara untuk mempamerkan artifak yang digali dari tapak-tapak di Lembah Bujang. Menurut laporan tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM 2015), Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah menerima kira-kira 140,000 hingga 160,000 pengunjung sejak 2011-2013 di mana kebanyakannya adalah pelawat tempatan. Antara isu dan masalah di Lembah Bujang adalah kekurangan pemantauan dan kerosakan pada tapak akibat dari pembangunan bandar, pelawat

dan pencuri. Terdapat lebih daripada 100 tapak-tapak terbuka di Lembah Bujang, termasuk runtuhannya kuil Hindu-Buddha, jeti purba dan tapak peleburan besi. Tugas untuk melindungi dan memantau tapak arkeologi di Lembah Bujang merupakan satu cabaran yang besar kerana kawasan arkeologinya yang luas, kira-kira 400 km persegi yang bersempadan dengan Bukit Choras dan Gunung Jerai, dan Selat Melaka di barat dan Sungai Muda di selatan. Di tapak Sungai Batu, terdapat beberapa kes kecurian batu bata dari tapak kajian yang dipercayai digunakan sebagai objek ritual atau untuk tujuan lain yang tidak diketahui. Setelah itu, para penyelidik dari USM dan pihak berkuasa terpaksa menjalankan pemantauan sekuriti 24 jam untuk menjaga tapak di Sungai Batu. Dalam satu lagi kejadian yang terbaru, sebuah kuil Hindu abad ke-8 M yang dikenali sebagai Candi No. 11 di Sungai Batu, Lembah Bujang telah dirobuhkan secara senyap oleh pemaju perumahan (Lai dan Chua 2013). Kuil purba tersebut telah dirosakkan sebelum dilaporkan kepada pihak jabatan warisan negeri dan persekutuan kerana ianya terletak di atas tanah milik persendirian seperti kebanyakan tapak-tapak lain di Lembah Bujang. Pemaju tersebut kemudiannya didenda dan diarahkan oleh pihak berwajib untuk membina semula kuil purba tersebut. Penemuan terbaru tinggalan candi dan relik Buddha berusia 1,200 tahun pada oleh pasukan penyelidik arkeologi USM di Bukit Choras, Yan, Kedah telah menarik lebih banyak minat dalam kajian dan pembangunan arkeologi di Lembah Bujang, Kedah (Astroawani, 26 Jun 2024). Pelbagai usaha dan perancangan kini sedang dibuat oleh Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan, Kerajaan Negeri Kedah dan Universiti Sains Malaysia untuk mempergiatkan lagi program penyelidikan, konservasi dan pembangunan Bukit Choras dan tapak-tapak arkeologi lain di Lembah Bujang bagi tujuan pendidikan dan arkeopelancongan negara (Berita Harian, 26 Jun 2024).

Di Sabah, tapak Bukit Tengkorak di Semporna adalah sebuah tapak arkeologi yang penting kerana mendedahkan tapak pembuatan tembikar prasejarah yang besar dan hipotesis mengenai perdagangan maritim dan pertukaran jarak jauh terpanjang di kawasan Asia Tenggara dan rantau Pasifik (Bellwood dan Koon 1989; Chia 2008, 2006, 2005a, 2003a, 2003b, 2003c, 2001; Vandiver dan Chia 1997; Tykot dan Chia 1997). Kajian juga mencadangkan teknologi pelayaran awal dan pergerakan manusia ke arah barat dari Lautan Pasifik ke Asia Tenggara pada zaman Neolitik, 2,000-3,000 tahun sebelum Captain James Cook menjelajahi lautan Asia Selatan dan Lautan Pasifik pada tahun 1768-1779. Pada 2007-2008, Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Jabatan Muzium Sabah dan USM mula membangunkan tapak Bukit Tengkorak dan sebuah galeri arkeologi telah siap dibina pada 2010 untuk mempamerkan penemuan dari tapak ini serta tapak-tapak lain di Semporna. Pada masa kini, jumlah pelancong ke Bukit Tengkorak telah mencecah lebih daripada 42,000 orang pada tahun 2016 (Mahrof Raisin, Muzium Sabah, komunikasi peribadi, 29 Mei 2017). Walau bagaimanapun, vandalisme dan grafiti oleh pengunjung masih menjadi masalah utama di tapak ini, di mana panel maklumat yang diletakkan di tapak telah rosak dan permukaan batu diconteng dengan cat semburan. Terdapat juga masalah populasi monyet liar yang semakin meningkat dan merosakkan kemudahan seperti papan tanda, menyelongkar tong sampah untuk mencari makanan dan menakutkan pelawat di tapak ini. Selain Bukit Tengkorak, tapak arkeologi lain di Semporna seperti Melanta Tutup, Bukit Kamiri dan Bugaya (Chia 2008) juga telah dirosakkan oleh pelawat atau pencari harta karun yang beranggapan bahawa tapak-tapak ini mengandungi artifak berharga dan bernilai. Sejak itu, Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Sabah

telah membina pagar di tapak Melanta Tutup dan Bukit Kamiri serta mendapatkan khidmat bantuan daripada penduduk tempatan untuk menjaga tapak-tapak ini. Di tapak Melanta Tutup dan Bugaya, tiga keranda kayu purba turut diganggu dan salah satu telah dibakar oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Dua daripada keranda di Bugaya telah diselamatkan oleh Muzium Sabah dan USM dan dipindahkan ke Galeri Arkeologi Bukit Tengkorak untuk dipelihara dan dipamerkan kepada pelancong.

Dari segi penyelidikan, kekurangan ahli arkeologi, kepakaran dan dana masih merupakan masalah utama dalam arkeologi sejak merdeka sehingga hari ini. Bilangan ahli arkeologi tempatan yang terlatih telah bertambah dengan perlahan sejak lewat 1970-an dari beberapa orang sehingga puluhan orang daripada generasi kedua dan ketiga pada masa kini. Majoriti ahli arkeologi yang aktif sekarang bekerja sebagai pensyarah/penyelidik di universiti awam seperti USM, UKM, UM, UPSI dan UMS. Sebilangan kecil pula bekerja di jabatan warisan dan muzium peringkat persekutuan dan negeri. Secara amnya, kajian di USM tertumpu pada arkeologi prasejarah manakala kajian di UKM, UM dan UPSI tertumpu pada arkeologi protosejarah dan sejarah awal manakala kajian di UMS pada arkeologi maritim dan sejarah awal. Negara masih memerlukan lebih ramai lagi ahli arkeologi yang terlatih, khususnya pada peringkat PhD kerana terdapat hanya sekitar 15 orang ahli arkeologi yang mempunyai kelulusan PhD di negara ini sekarang. Tetapi masalah yang sering dihadapi adalah peluang pekerjaan yang terhad di universiti awam, jabatan muzium dan warisan. Oleh sebab itu, pihak berwajib khususnya Jabatan Warisan Negara dan Negeri perlu mengambil inisiatif untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Jepun di mana perlaksanaan perundangan yang ketat terhadap warisan arkeologi mewajibkan setiap projek pembangunan yang melibatkan penggalian menjalankan kajian impak arkeologi di kawasan yang mempunyai nilai arkeologi. Hal tersebut akan mewujudkan jawatan arkeologi di syarikat swasta dan ramai ahli arkeologi boleh digunakan untuk menjalankan kajian impak arkeologi dan membantu dalam pengurusan warisan arkeologi negara. Sejak merdeka, kajian arkeologi juga telah mula berubah menjadi satu bidang multidisipin dan saintifik. Kelebihan pendekatan ini adalah kajian arkeologi dapat menghasilkan lebih banyak data untuk memahami prasejarah negara. Namun, dalam usaha untuk menjadikan kajian arkeologi lebih saintifik terdapat juga risiko dan kelemahan kerana kajian arkeologi telah menjadi terlalu saintifik dan hilang perspektif antropologi yang merupakan matlamat utama kajian arkeologi.

Dari segi penerbitan arkeologi, kebanyakan hasil kajian kini ditulis dalam bahasa melayu dan diterbitkan dalam jurnal dan buku tempatan yang mempunyai pembaca dan penyebaran yang terhad. Penerbitan kajian arkeologi perlu diterjemahkan dalam bahasa Inggeris agar lebih ramai orang boleh mengetahui dan merujuk tentang arkeologi negara, khususnya jumpaan arkeologi yang penting dan baru. Sehubungan itu, hasil jumpaan dan kajian, khususnya yang penting dan boleh mengubah sejarah negara, Asia Tenggara ataupun dunia bukan sahaja perlu dibentangkan dalam persidangan antarabangsa tetapi juga wajib dihantar untuk penilaian dan penerbitan di jurnal-jurnal terindeks dalam ISI dengan faktor impak tinggi seperti *Nature* dan *Science* supaya dapat disahkan oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan sebelum hasil kajian boleh diterima

dan dicatatkan dalam sejarah negara, pameran tetap di galeri atau muzium, buku teks negara atau disebarakan kepada pembaca antarabangsa.

Dari segi pengurusan warisan arkeologi negara, pihak Jabatan Warisan dan Muzium masih kekurangan ahli konservator yang terlatih dengan pengetahuan saintifik yang baik untuk menyelesaikan isu-isu pemeliharaan dan pemuliharaan serta masalah tapak arkeologi dan artifak. Pada masa ini, majoriti kakitangan teknikal muzium biasanya menjalankan pembersihan asas dan penyelenggaraan tapak arkeologi dan artifak. Mereka kurang kemahiran dan pengetahuan untuk menangani isu dan masalah baru dalam pemeliharaan dan pemuliharaan dalam kawasan tropika. Tugas menyelamatkan dan memulihara tapak arkeologi dan artifak menjadi lebih mencabar dengan iklim panas dan lembap yang mempercepatkan proses kerosakan tapak dan artifak. Antara pemeliharaan warisan arkeologi yang paling mencabar adalah lukisan gua seperti yang terdapat di Gua Kain Hitam, Niah dan Gua Tambun, Perak kerana lukisan tersebut tidak dilindungi dan terdedah kepada persekitaran yang tidak stabil dan juga tumbuh-tumbuhan seperti alga dan lumut (Harrisson 1958; Tan dan Chia 2010; 2011; 2012). Kekurangan ruang penyimpanan dan kemudahan pemeliharaan yang kurang baik di jabatan warisan, muzium dan universiti merupakan masalah yang besar di Malaysia. Setiap tahun, banyak artifak diperolehi daripada survei dan ekskavasi arkeologi yang memerlukan pendaftaran, pemeliharaan dan penyimpanan. Kebanyakan artifak sering tidak dikatalog dengan teliti dan disimpan dalam kotak kertas atau plastik kerana kekangan masa dan kekurangan ruang penyimpanan. Selain itu, persekitaran kebanyakan muzium di negara ini adalah tidak sesuai untuk menyimpan dan memelihara artifak, terutamanya artifak organik. Artifak biasanya disimpan dalam keadaan yang tidak stabil (penghawa dingin hanya dihidupkan pada waktu pejabat, kira-kira 8 jam sehari menyebabkan suhu dan kelembapan yang tidak stabil) dan memudaratkan artifak. Faktor-faktor lain seperti pencemaran udara, tindakan kimia cahaya, dan biodegradasi yang disebabkan oleh kulat dan serangga turut menjadi punca kerosakan bahan arkeologi. Dalam usaha untuk melindungi tapak dan artifak arkeologi, langkah penyelenggaraan tapak dan pemantauan tapak perlu dipertingkatkan lagi. Pembinaan kemudahan untuk pemuliharaan dan penyimpanan bahan arkeologi yang baik juga perlu seperti yang telah dilakukan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Muzium Sarawak. Memandangkan tapak dan artifak arkeologi sering ditemui dalam keadaan yang terganggu dan rosak, perlindungan dan pemeliharaan menjadi satu tugas yang sukar dan mencabar. Tambahan pula, ekskavasi arkeologi adalah aktiviti yang memusnahkan dan artifak yang didedahkan semasa ekskavasi kepada suhu dan kelembapan yang tinggi boleh dan telah menyebabkan kerosakan yang teruk kepada bahan arkeologi. Oleh sebab itu, artifak yang dijumpai semasa ekskavasi perlu penjagaan dan perhatian yang segera oleh ahli konservator yang terlatih semasa dan selepas ekskavasi tetapi malangnya hal tersebut sering tidak berlaku di Malaysia kerana kekurangan dana dan kakitangan yang terlatih untuk memelihara dan menyimpan artifak yang sering dijumpai dalam jumlah yang banyak.

PERUNDANGAN MALAYSIA WARISAN ARKEOLOGI

Setelah kemerdekaan Tanah Melayu atau Malaya pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia dengan Sarawak dan Sabah pada tahun 1963, tapak dan artifak arkeologi telah dilindungi di bawah undang-undang yang berasingan di tiga kawasan utama di Malaysia, iaitu Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Di Semenanjung Malaysia, pada mulanya dilindungi di bawah Akta Antikuiti 1976 (Akta 168) dan Akta *Trove Treasure* 1957 (Akta 542) yang mengawal pemeliharaan dan kajian monumen lama dan bersejarah, tapak prasejarah, artifak prasejarah dan bersejarah, dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan eksport artifak prasejarah dan bersejarah. Akta ini memerlukan kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia untuk menjalankan penggalian di tapak arkeologi. Pada bulan Mac 2005, Akta Antikuiti 1976 dan Akta Harta Karun 1957 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 di bawah Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk memberi perlindungan yang lebih baik bagi terhadap warisan arkeologi dan budaya di Malaysia

Di Sarawak, tapak arkeologi dan artifak kini dilindungi oleh Ordinan Warisan Budaya Sarawak 1993 yang menggantikan Antikuiti Ordinan Cap. 134 (1958 Ed). Ordinan ini memberi peruntukan bagi pemeliharaan antik, monumen dan tapak yang berunsurkan budaya, arkeologi, seni bina, seni, agama atau nilai tradisional untuk faedah negeri dan sebagai warisan rakyat. Di Sabah pula, Antikuiti dan Harta Karun Enakmen No.11 Tahun 1977 diperuntukkan untuk mengawal dan memelihara monumen lama dan bersejarah, tapak dan peninggalan zaman purba dan antik negara. Undang-undang ini telah dipinda dan digantikan dengan Antikuiti dan Harta Karun (Pindaan) 2006. Selain itu, tapak arkeologi juga boleh diisytiharkan sebagai Warisan Kebudayaan di bawah Enakmen Warisan Budaya (Pemuliharaan) 1997. Selain daripada undang-undang utama, terdapat juga undang-undang lain di negara ini untuk mewartakan dan melindungi tapak arkeologi seperti Kanun Tanah Negara 1965, Ordinan Tanah Sabah (Cap 68) 1950 dan Kanun Tanah Sarawak (Cap 81) 1958. Undang-undang adat penduduk asli juga telah digunakan untuk melindungi tanah, warisan dan cara hidup golongan minoriti peribumi di Malaysia. Undang-undang ini termasuk Akta Orang Asli 1954 (menggabungkan segala pindaan hingga 1 Januari 2006) di semenanjung Malaysia, Ordinan Mahkamah Anak Negeri, 1992 (Ord. 9/92) dan Adat Undang-undang Ordinan Anak Negeri (cap. 51) di Sarawak, dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992: Mahkamah Anak Negeri (*Native Customary Laws*) Peraturan 1995 di Sabah.

Walaupun terdapat pelbagai perundangan namun ianya masih boleh diperbaiki lagi untuk melindungi kawasan-kawasan yang kaya dengan warisan arkeologi. Salah satu pembaikan adalah keperluan untuk mewajibkan penilaian impak arkeologi sebelum bermulanya sebarang projek berskala besar seperti kuari, pembinaan empangan dan lebuh raya, penebangan hutan atau pembukaan kawasan besar tanah untuk ladang kelapa sawit. Pada masa ini, penilaian kesan alam sekitar (EIA) bagi projek-projek pembangunan dikawal secara berasingan dan berbeza di setiap negeri. Dalam usaha untuk mempunyai keseragaman dan kawalan yang lebih baik ke atas keputusan mengenai keperluan EIA bagi projek-projek pembangunan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia kini sedang mengkaji untuk meletakkan semua projek

EIA di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Setakat ini, bagaimanapun, penilaian impak arkeologi masih belum diwajibkan bagi semua projek EIA di Malaysia. Walau bagaimanapun, kesedaran tentang kepentingan dan keperluan penilai impak arkeologi untuk melindungi sejarah negara daripada kemusnahan telah disedari dalam tempoh 10 tahun yang lalu oleh beberapa projek pembangunan besar seperti Projek Paip Gas PETRONAS di Semenanjung Malaysia dari tahun 1989 - 1995 dan pembinaan empangan Bakun, Murum dan Baram di Sarawak pada 1994 - 1995, 2010 dan 2013 masing-masing. Semasa Projek Paip Gas PETRONAS, tiga tapak megalitik di kawasan Negeri Sembilan-Melaka telah diselamatkan pada tahun 1989, dan dipindahkan ke Kuala Lumpur dan selepas itu ke Putrajaya (Zuraina Majid 1993). Di Sarawak pula, kerajaan negeri telah mula mengambil kira penglibatan masyarakat pribumi dalam perlindungan budaya warisan, nilai serta hak-hak mereka semasa pembinaan empangan Bakun, Murum dan Baram hidroelektrik di Sarawak. Kajian EIA telah mengandungi komponen arkeologi untuk mengenal pasti dan penempatan semula perkuburan purba, tapak suci dan rumah panjang lama orang Kayan, Kenyah dan Penan yang terjejas akibat projek empangan tersebut. Undang-undang adat penduduk asli (Adat Undang-undang Ordinan Native [cap. 51] di Sarawak) telah digunakan untuk membayar pampasan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penempatan semula dan banjir pada penempatan mereka. Manakala di Baram, setelah bantahan yang berterusan daripada penduduk pribumi, akhirnya Ketua Menteri Sarawak mengumumkan bahawa pembinaan empangan di Baram telah ditangguhkan (The Borneo Post, 19 Nov 2015). Selain perundangan dalam negara, Malaysia juga telah melindungi dua tapak dalam senarai tapak warisan dunia UNESCO. Kedua-dua tapak warisan dunia tersebut adalah Warisan Arkeologi Lembah Lenggong di Perak yang diisytiharkan pada 2 Julai 2012 dan bandar bersejarah Melaka & George Town pada 7 Julai 2008. Sejak itu, peningkatan pelancongan dan ekonomi di kedua-dua tapak warisan dunia ini telah mencetuskan lebih banyak minat dan sokongan daripada pihak kerajaan, swasta dan orang awam untuk memelihara kelestarian warisan arkeologi dan budaya negara. Baru-baru ini negara telah menambahkan satu lagi Tapak Warisan Dunia UNESCO Kompleks Taman Negara Gua Niah pada 31 Julai 2024.

MASA DEPAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA

Pengurusan warisan arkeologi yang baik bukan sahaja akan memastikan manfaat ekonomi yang mampan dalam jangka masa panjang untuk semua orang, tetapi ia juga akan memberi perlindungan kepada warisan arkeologi negara. Salah satu isu penting yang perlu ditangani dengan segera ialah keperluan untuk mewujudkan satu pelan pengurusan induk untuk warisan arkeologi negara berdasarkan piawaian antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh UNESCO World Heritage, ICCROM, ICOMOS dan IUCN. Pengurusan warisan arkeologi yang baik memerlukan input, penglibatan dan interaksi yang kompleks di antara semua pihak yang berkepentingan, termasuk individu yang mempunyai latar belakang dan pelbagai kepakaran. Pendekatan sedemikian adalah penting demi kejayaan rancangan pengurusan warisan arkeologi kerana ia memerlukan sokongan dan penyertaan pada setiap peringkat samada peringkat kementerian, negeri dan kerajaan tempatan, jabatan muzium dan warisan, universiti, organisasi warisan bukan kerajaan, individual serta masyarakat tempatan. Namun, pendekatan

yang ideal sedemikian jarang dilihat secara seimbang seperti yang dialami oleh Tapak Warisan Dunia di Luang Prabang, Laos (*Sims dan Winter 2016*). Ini adalah kerana terdapat isu dan masalah dalam mewujudkan saluran komunikasi, menjana pendapatan dan memastikan penyertaan dalam membuat keputusan semuanya bergantung kepada persekitaran politik dan ekonomi negara (Aas et al. 2005). Sejak penubuhannya pada tahun 2005, Jabatan Warisan Negara di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk melindungi dan menjaga warisan budaya dan arkeologi di negara ini. Memandangkan tapak arkeologi dan artifak jarang ditemui dalam keadaan yang terpelihara serta ekskavasi arkeologi adalah merosakkan, ahli arkeologi dan pihak berwajib perlu memulihara tapak dan artifak semasa dan selepas kajian. Ini boleh menjadi sangat mahal, terutamanya jika tapak ekskavasi meliputi kawasan yang luas dan kaya dengan tinggalan arkeologi. Sebaik-baiknya, etika arkeologi memerlukan semua tapak dipelihara dan dipulihara, tetapi banyak faktor seperti kos, kepakaran dan isu pemilikan tapak sering menghadkannya. Satu amalan yang sering digunakan oleh ahli arkeologi adalah menghadkan tapak ekskavasi dan kambus kembali petak ekskavasi yang tidak penting atau tapak yang memberikan maklumat yang sama selepas penggalian, tetapi malangnya bukan semua ahli arkeologi mengamalkannya di Malaysia. Oleh sebab itu, keutamaan seharusnya diberi untuk memelihara dan melindungi tapak dan artifak yang penting dahulu di negara ini. Usaha ini telah dilakukan sejak tahun 2005 oleh Jabatan Warisan Negara dengan bantuan ahli arkeologi tempatan dengan meletakkan tapak atau artifak yang paling penting dalam Senarai Warisan Kebangsaan, manakala tapak dan artifak penting yang lain dimasukkan dalam Senarai Warisan. Selain itu, Jabatan Warisan Negara telah mempertingkatkan perlindungan Warisan Arkeologi Lembah Lenggong sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2012. Sehingga kini, inventori tapak arkeologi negara berjumlah 1,169 tapak yang terdiri daripada 1,010 tapak darat dan 159 tapak bawah air (Ruzairy Arbi, Timbalan Pesuruhjaya Warisan, temubual, 28 Mac 2024). Terdapat 15 tapak arkeologi yang berstatus Warisan Kebangsaan iaitu Candi Pengkalan Bujang (Tapak 8 and 23) di Merbok, Tapak Arkeologi Sungai Batu di Semeling, Kedah; Bukit Jawa, Kota Tampan, Bukit Bunuh, Gua Teluk Kelawar, Gua Harimau di Lenggong, Gua Batu Tambun, Ipoh, Pulau Kelumpang, Kuala Selinsing, Perak; Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas, Linggi, Negeri Sembilan; Bastion Middelburg dan Runtuhan Gereja St. Paul di Bandar Hilir, Melaka; Kota Johor Lama di Kota Tinggi, Johor. Terdapat 7 tapak arkeologi berstatus Warisan iaitu Candi Bukit Choras di Yan, Candi Permatang Pasir di Kuala Muda, Kedah; Gua Badak di Lenggong, Perak; Bukit Raja di Kuala Selangor; Runtuhan Gereja St. John di Melaka; Tapak kawasan Tinggalan Perahu Bunga Mas di Kota Bharu dan Gua Cha di Lembah Nenggiri, Kelantan. Banyak lagi tapak arkeologi dalam proses pewartaan di bawah Akta 645 oleh Jawatankuasa Pakar Warisan Tapak Arkeologi dan Kebudayaan Bawah Air di bawah Pesuruhjaya Warisan JWN.

Untuk menjaga warisan arkeologi negara dengan lebih baik, seharusnya setiap negeri mewujudkan enakman warisan di peringkat negeri masing-masing. Setakat ini, negeri yang mempunyai enakman Warisan adalah Sarawak, Sabah, Melaka, Pulau Pinang dan Johor. Selain itu, adalah lebih sesuai jika tapak atau artifak arkeologi boleh diwartakan sebagai warisan negeri terlebih dahulu sebelum diangkat ke peringkat kebangsaan di JWN. Pendekatan ini akan bantu menjaga warisan arkeologi dengan lebih baik dan proses pewartaan akan menjadi lebih

lancar sebab urusan tanah di bawah kuasa negeri masing-masing. Tambahan lagi terdapat dua lapisan perlindungan dan penjagaan tapak arkeologi bersama dana daripada negeri dan persekutuan. Terdapat juga cadangan agar ahli arkeologi berdaftar diwujudkan untuk memastikan kerja dan kajian arkeologi dijalankan oleh mereka yang betul-betul pakar dalam bidang arkeologi yang berkenaan. Selain itu isu repatriasi artifak arkeologi daripada luar negara balik ke Malaysia mesti dipergiatkan lagi dan ianya memerlukan persetujuan di antara kerajaan dan penggunaan jaringan yang sesuai dan efektif seperti ASEAN.

Di Sabah, empat tapak arkeologi (Bukit Tengkorak, Agop Batu Tulug, Lumuyu dan Tingkayu) telah diwartakan dan tiga tapak pertama tersebut telah diisytiharkan sebagai Warisan Budaya di bawah Enakmen Warisan Budaya (Pemuliharaan) 1997. Di Sarawak, tapak arkeologi Gua Niah telah diwartakan sebagai sebahagian daripada Monumen Sejarah Negara pada tahun 1958, dan pada tahun 1974, sebanyak 3,100 hektar hutan dan batu kapur Gua Niah telah diwartakan sebagai Taman Negara Niah oleh kerajaan negeri. Pihak berwajib seperti jabatan warisan dan agensi pelancongan tempatan, majlis daerah dan orang awam juga perlu memainkan peranan mereka dalam pemeliharaan warisan arkeologi negara. Untuk memastikan pemeliharaan, perlindungan serta pelaksanaan dasar dan pengurusan yang lebih berkesan, setiap negeri perlu ada senarai tapak arkeologi sendiri dan pihak berwajib yang berkaitan perlu bertanggungjawab untuk melindunginya, terutama majlis-majlis kerajaan tempatan yang meluluskan dan mengeluarkan permit untuk projek-projek pembangunan bandar dan tanah. Dalam konteks Malaysia, adalah penting untuk menubuhkan jawatankuasa pengurusan yang terdiri daripada wakil-wakil dari semua pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa warisan dan muzium, ahli arkeologi, agensi pelancongan persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan dan penduduk kampung yang terlibat supaya isu-isu dan konflik seperti bajet, tenaga kerja, pemilikan dan dasar boleh dibincangkan dan diselesaikan dengan berkesan. Kurangnya kesedaran dan pengetahuan sering membawa kepada kemusnahan tapak arkeologi, terutamanya apabila tapak yang akan dibangunkan terletak di atas tanah milik persendirian. Sebaik-baiknya, kerajaan negeri atau persekutuan perlu membeli tanah yang ada warisan arkeologi penting tetapi malangnya kerajaan negeri dan persekutuan sering tidak mampu membayar beratus-ratus juta ringgit untuk membeli tanah-tanah tersebut. Cara yang lebih praktikal, murah dan berkesan untuk menangani masalah ini adalah dengan mendidik bukan sahaja pembuat dasar dan pihak berkuasa tetapi juga orang awam, termasuklah pemaju mengenai kepentingan dan keperluan untuk melindungi warisan arkeologi kita. Jabatan Warisan Negara, misalnya, telah proaktif dalam mengadakan sesi dialog dan seminar dengan pihak berkuasa tempatan, pemaju dan penduduk kampung di Lembah Lenggong untuk membincangkan isu dan masalah mengenai penggunaan tanah dan pembangunan di zon teras dan zon penampakan Warisan Arkeologi Lembah Lenggong. Dalam hal ini, agensi pelancongan arkeologi juga boleh memainkan peranan penting dalam mendidik orang ramai tentang "*Do's and Dont's*" semasa di tapak dan tentang kepentingan untuk melindungi tapak dan artifak. Jabatan Warisan Negara, agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Mac 2006 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jabatan ini bertanggungjawab bagi pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara dan semula jadi, warisan budaya yang nyata dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air dan harta karun. Walaupun terdapat perubahan undang-undang, namun masih terdapat masalah berkaitan

dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang kerana kekurangan kakitangan penguatkuasa untuk memantau tapak arkeologi dan budaya yang banyak dan tersebar di seluruh negara. Terdapat juga banyak tapak arkeologi yang sukar diakses dan dipantau kerana terletak jauh di dalam hutan hujan. Dalam kes seperti ini, Jabatan Muzium Sabah dan Sarawak khususnya telah menggunakan bantuan dan perkhidmatan penduduk tempatan untuk memantau dan melindungi tapak-tapak arkeologi dan budaya. Namun, penduduk kampung atau pegawai warisan dan muzium tidak mempunyai kuasa untuk menangkap pesalah dan terpaksa bergantung kepada bantuan polis untuk menangkap dan menghukum pesalah. Mungkin hukuman yang lebih berat perlu dikenakan untuk menghalang pesalah daripada memusnahkan tapak arkeologi dan artifak. Pada masa ini, hukuman maksimum bagi mana-mana orang yang melakukan sesuatu kesalahan hanya melibatkan penjara tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya. Di samping itu, usaha dan peruntukan perlu disediakan untuk melatih lebih ramai ahli arkeologi dan konservator. Sebaik-baiknya setiap jabatan warisan dan muzium negeri di negara ini mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli arkeologi dan seorang konservator terlatih, makmal pemuliharaan dan kemudahan menyimpan artifak yang baik seperti yang telah diusahakan oleh Jabatan Muzium Malaysia di Kuala Lumpur. Di tempat lain, Jabatan Muzium Sarawak kini dalam proses membina kemudahan pemuliharaan dan penyimpanan yang sesuai untuk koleksinya. Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia merupakan agensi yang perlu memulakan dan mewujudkan saluran komunikasi untuk menggalakkan kerjasama di kalangan ahli-ahli arkeologi, konservator, kurator muzium, pemandu pelancong dan masyarakat setempat. Pendekatan kerjasama sebegini amat diperlukan untuk mengurangkan kos dan juga kerosakan pada tapak arkeologi dan artifak. Tapak arkeologi dan artifak adalah warisan budaya yang tidak ternilai, terhad dan menjadi sebahagian aset penting warisan negara. Justeru, warisan arkeologi negara perlu dipelihara dan dilindungi bagi manfaat dan pengetahuan generasi yang akan datang

RUJUKAN

- Aas, C., Ladkin, A. dan Fletcher, J. 2005. "Stakeholder Collaboration and Heritage Management". *Annals of Tourism Research* 31 (1): 28-48.
- Adi Haji Taha. 1987. "Archaeology in Peninsular Malaysia: Past, Present and Future". *Journal of Southeast Asian Studies*, 18 (2): 205-211.
- Adi Haji Taha. 2007. *Archaeology of Ulu Kelantan*, Department of Museums Malaysia.
- Barker, G. 2005. "The Archaeology of Foraging and Farming at Niah Cave, Sarawak". *Asian Perspectives* 44 (1): 90-106.
- Barker, G., ed. 2013. *Rainforest Foraging and Farming in Island Southeast Asia: The Archaeology and Environment History of the Niah Caves, 1954-2004*. Niah Cave Project Monograph. McDonald Institute Monograph Series.

- Barker, G., Barton, H., Beavitt, P., Bird, M., Daly, P., Doherty, C., Gilbertson, D., Hunt, C., Krigbaum, J., Lewis, H., Manster, J., McClaren, S., Paz, V., Piper, P., Pyatt, B., Rabett, R., Reynolds, T., Rose, J., Rushworth, G. dan Stephens, M. 2002. "Prehistoric Foragers and Framers in Southeast Asia: Renewed Investigations at Niah Cave, Sarawak". *Proceedings of the Prehistoric Society*: 147-164.
- Bellwood P. dan Koon, P. 1989. "Lapita Colonists Leave Boats Unburned". *Antiquity* 63: 613-622.
- Cheng, T. K. 1969. *Archaeology in Sarawak*. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd. and University of Toronto Press.
- Chia, S. 1997. *Prehistoric Pottery Sources and Technology in Peninsular Malaysia based on Compositional and Morphological Studies*. Monograph of Malaysia Museums Journal, Vol. 33 New Series, Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquity Malaysia.
- Chia, S. 2001. "The Prehistory of Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia". *Journal of Southeast Asian Archaeology* 21: 146-159.
- Chia, S. 2003a. *The Prehistory of Bukit Tengkorak as a Major Prehistoric Pottery Making Site in Southeast Asia*. Sabah Museum Monograph, Vol 8. Kota Kinabalu, Malaysia.
- Chia, S. 2003b. "Prehistoric Pottery Production and Technology at Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia". Di dalam *Earthenware in Southeast Asia*, 187-200. Singapura: National University Singapore Press.
- Chia, S. 2003c. "Obsidian Sourcing at Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia". *Sabah Society Journal* Vol. 20: 45-64.
- Chia, S. 2005. 'Archaeological research in Semporna, Sabah', *Test Pit No.6*, Chronicle of The University of the Philippines Archaeological Studies Program, Diliman, Quezon City, Philippines, pp 18-22.
- Chia, S. 2005a. "Prehistoric Earthenware of Malaysia, Special Issue on Earthenware and Glazed Ceramics of Southeast Asia". *Journal of Sophia Asian Studies* No. 23: 201-235.
- Chia, S. 2005b. "Preservation of the Perak Man". Di dalam *The Excavation of Gua Gunung Runtuh and the Discovery of the Perak Man in Malaysia*, 109-118. Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquity Malaysia.
- Chia, S. 2008. "Prehistoric Sites and Research in Semporna, Sabah, Malaysia". *Bulletin of the*

Society for East Asian Archaeology (BSEAA) Vol. 2, <http://www.seaa-web.org>., 1-7.

Chia, S. 2010. "Archaeotourism in Malaysia". Di dalam *Tourism Research in Malaysia*, 337-350. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia Press.

Chia, S. 2011. "Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan Arkeologi Malaysia". Di dalam *Kelestarian Warisan Negara*. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, 97-110. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Chia, S. 2016. "History of Archaeology in Sabah". Di dalam *The Collective History of North Borneo*, 13-22, Vol. 1. Kota Kinabalu, Sabah: Opus Publication.

Chia, S. 2017a. "The History and Practice Archaeology in Malaysia". Di dalam *Handbook of East and Southeast Asian Archaeology*. New York: Springer Press. (In Press).

Chia, S. 2017b. "Protection and Conservation of Archaeological Heritage in Malaysia". Di dalam *Promise and Peril: Archaeology Engaging with Economic Development*. One World Archaeology, Springer Press.

Chia, S. (2018) *Sejarah dan Perkembangan Arkeologi di Malaysia: Isu, Cabaran dan Masa Depan*, Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor, Penerbit Universiti Sains Malaysia, pp 1-48.

Chia, S. dan Sam, T. W. 1994. "The Removal, Reconstruction and Conservation of Ancient Human Remains: A Practical Guide". Di dalam *The Excavation of Gua Gunung Runtuh and the Discovery of the Perak Man in Malaysia*, 97-112. Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquity Malaysia.

Chin, L. dan Nyandoh, R. 1975. "Archaeological Work in Sarawak". *Sarawak Museum Journal*, 23(44): 1-8.

Datan, I. 1993. "Archaeological Excavations at Gua Sireh (Serian) and Lubang Angin (Gunung Mulu National Park), Sarawak, Malaysia". *Sarawak Museum Journal*, No. 56 (Special Monograph Number 6).

Datan, I., Chia, S. dan Nicholas Daby. 2012. "Earthen Crocodile Effigies of the Iban of Sarawak: A Preliminary Study". *Sarawak Museum Journal*, Vo. LXX, No. 9 (New Series): 145-160.

Dermawan, A. 2014. "Protecting Lenggong Valley". *New Sunday Times*, 16 Februari 2014, p.15.

Harrison, T. 1957. "The Great Cave of Niah: A Preliminary Report on Bornean Prehistory". *Man*, 57: 161-166.

- Harrisson, T. 1958. "The Caves of Niah: A History of Prehistory". *Sarawak Museum Journal* 8: 549-595.
- Harrisson, T. 1954. "Bornean Archaeology to 1955". *Sarawak Museum Journal*, 6(4): 188-192.
- Harrison, T. 1955. "Editorial Preface". *Sarawak Museum Journal* VI (N.S. 5): 7-16.
- Harrisson, T. 1957. "The Great Cave of Niah, A Preliminary Report on Bornean Prehistory". *Man*, 57: 161-166.
- Harrisson, T. 1958a. "Alfred Russel Wallace and A Century of Evolution in Borneo". *Proceedings of the Centery and Biocetenary Congress of Biology*: 25-38. Singapore: Craftsman Press.
- Harrisson, T. 1958b. "The Caves of Niah: A History of Prehistory". *Sarawak Museum Journal*, 8(12): 549-595.
- Harrisson, T. 1958c. "The Great Niah Caves, Sarawak: A-Ship-of-the-Dead Cult and Related Rock Paintings". *Archaeological Newsletter*, 6(9): 199-203.
- Harrisson, T. 1970. "The Prehistory of Borneo". *Asian Perspectives*, 13: 17-46.
- Harrisson, T. dan B. 1971. "The Prehistory of Sabah". *Sabah Society Journal* 4 (1969-1970). Monograph, Kota Kinabalu.
- JMM. *Department of Museums Malaysia Annual Reports, 2011-2013*.
<http://www.jmm.gov.my/en/annual-reports> (dicapai pada 18 Ogos 2015).
- Lai, I. dan Chua, K. 2013. "Row Over Temple Demolition". *The Star*, 2 Disember 2013, p. 3.
- Leong, S. H. 1980. "*Lembah Bujang (Monograph Lembah Bujang)*". Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Leong, S. H. 1999. "Archaeology in Malaysia since the Mid-seventies". Kertas kerja yang dibentangkan pada *International Colloquium on Archaeology in Southeast Asia in the 3rd Millennium*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 26-30 September 1999.
- Mohd Supian Sabtu. 2002. *Tamadun awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Saidin. 2010. *Bukti prasejarah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mokhtar Saidin dan Jeffrey Abdullah. 2007. "Sungai Perak Kuno: Sumbangannya kepada Zaman Paleolitik Malaysia". *Jurnal Arkeologi Malaysia* 20: 14-21.
- Mokhtar Saidin, Jeffery Abdullah, Abdul Jalil Osman dan Azam Abdullah. 2011. "Issues and Problems of Previous Studies in the Bujang Valley and the Discovery of Sungai Batu". Di dalam *Bujang Valley and Early Civilisations in Southeast Asia*, 15-26. Department of National Heritage, Ministry of Information, Communications and Culture, Malaysia.
- Molijol, P. dan Jeffrey Abdullah. 2014. "Sejarah Penyelidikan Arkeologi di Sabah". Di dalam *Sumbangan Sabah kepada Arkeologi Asia Tenggara: Hasil Penyelidikan 20 tahun (1993-2013)*, 15-27. Kota Kinabalu: Monograf Muzium Sabah 12.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1987. "A Decade of Prehistoric Archaeology in Malaysia, 1976-1986: An Overview", 221-229. Bangkok: *Proceedings of the SPFA Seminar in Prehistory of Southeast Asia*. Final Report.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman dan Othman Mohd Yatim. 1992. *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Ikatan Arkeologi Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi. 1995. "Arkeologi di Malaysia: Antara Matlamat dan Reality". *Jurnal Arkeologi Malaysia*, No. 8: 1-9.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, ed. 1998. *The Encyclopedia of Malaysia Volume 4: Early History*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Price, Liz. 2002. "Caves of Tasik Kenyir". *Malaysian Naturalist* 56 (2): 31-33.
- Sims, K., and Winter, T. 2016. "In the slipstream of development: World Heritage and development-induced displacement in Laos". Dalam *Urban Heritage, Development and Sustainability: international frameworks, national and local governance. Key Issues in Cultural Heritage*. Routledge, Abingdon, UK, pp. 23-36.
- Solheim II, W. G. 1961. "Archaeology in Borneo". *Archaeology* 14(1): 23-30.
- Solheim II, W. G. 1973a. "Review of the Prehistory of Sabah by Tom & Barbara Harrisson" *Journal of Oriental Studies*: 181-182.
- Solheim II, W. G. 1973b. "Review of the Prehistory of Sabah by Tom & Barbara Harrisson" *Journal of Archaeology Science* XXXII (4): 746-748.
- Solheim II, W. G. 1974. "Borneo Archaeology, Past and Future". *Sabah Society Journal* 6 (1): 27-37.
- Solheim II, W. G. 1983. "Archaeological Research in Sarawak, Past and Future". *Sarawak*

Museum Journal, Vol. XXXII, No. 53 (New Series) Special Issues No.3: 35-58.

Solheim II, W. G. 1980. "Archaeology in Malaysia, Brunei and Singapore". *Indonesian Circle*. No. 22:63.

Solheim II, W. G., Wheeler, F. dan Wheeler, J. A. 1985. "Archaeology in Malaysia, Brunei and Singapore". Di dalam *Malaysian Studies: Archaeology Histogramy, Geography and Bibliography*, 1-83. Occasional papers number 11. Center for Southeast Asian Studies Northern Illinois University.

Tan, N. H. dan Chia, S. 2010. "New Rock Art from Gua Tambun, Perak, Malaysia". *Rock Art Research*, Vol 27, No. 1: 9-18.

Tan, N. H. dan Chia, S. 2011. "Current Research on Rock art at Gua Tambun, Perak, Malaysia".

Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association, Vol 31: 93-108.

Tan, N. H. dan Chia, S. 2012. "Revisiting the Rock Arts at Gua Tambun, Perak, Malaysia". Di dalam *Crossing Borders: Selected Papers from the 13th International Conference of the European Association of Southeast Asian Archaeologists*, 181-198, Vol. 1. Singapore: NUS Press.

Tykot, R. H. dan Chia, S. 1997. "Long-distance Obsidian Trade in Indonesia". Di dalam *Materials Issues in Art and Archaeology V*, Vol. 462, Symposium Proceedings of the Materials Research Society, 175-180. Warrendale, PA1997, USA.

Vandiver, P. dan Chia, S. 1997. "The Pottery Technology from Bukit Tengkorak, A 3000-5000 Year-old Site in Borneo, Malaysia". Di dalam *Materials Issues in Art and Archaeology V*, Vol. 462 Symposium Proceedings of the Materials Research Society, 269-277. Warrendale, PA1997, USA.

Zolkurnian Hassan. 1998. "Urutan Kebudayaan Prasejarah Lembah Lenggong, Hulu Perak, Perak pada Zaman Holosen". Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Zuraina Majid. 1982. "The West Mouth Niah in the Prehistory of Southeast Asia". *Sarawak Museum Journal* 31(52), Special Monograph 3.

Zuraina Majid. 1993. "Archaeological Excavations of Three Megalithic Sites in Negeri Sembilan and Melaka". *Purba (Jurnal Persatuan Muzium Malaysia)* 12: 1-53.

Zuraina Majid. ed. 1994. *The Excavation of Gua Gunung Runtuh and the Discovery of the Perak Man in Malaysia*. Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquity Malaysia.

Zuraina Majid. 1997. "The Discovery of Bukit Jawa, Gelok, a Middle-Late Pleistocene Site in Perak, Malaysia". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 70(2): 49-52.

Zuriana Majid. 2003. *Archaeology in Malaysia*. Centre for Archaeological Research Malaysia, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Zuraina Majid, ed. 2005. *The Perak Man and Other Prehistoric Skeletons of Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press.



DR. YUNUS SAUMAN@SABIN
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

DR. YUNUS BIN SAUMAN @ SABIN merupakan Ketua Jabatan, Jabatan Sejarah daripada Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dan Ijazah Sarjana (Arkeologi) Sastera dari Universiti Malaya, dan Ijazah Kedoktoran dari Universiti Kebangsaan Malaysia di dalam bidang pengkhususan Arkeologi. Bidang kepakaran beliau adalah prasejarah dan protosejarah.

MODUL PEMBELAJARAN BIDANG ARKEOLOGI DI PERINGKAT UNIVERSITI DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KERJAYA DI MALAYSIA

Dr. Yunus Sauman@Sabin
Jabatan Sejarah, FSK, UPSI

ABSTRAK

Bidang arkeologi telahpun diperkenalkan di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia semenjak tahun 60an lagi sejajar dengan penubuhan semula Universiti Malaya pada 1 Januari 1962. Pada ketika itu, subjek arkeologi ditawarkan di bawah Jabatan Sejarah. Semenjak dari itu subjek arkeologi mula berkembang dengan lahirnya beberapa tokoh arkeologis tempatan yang kemudiannya mengajar di beberapa universiti awam lain iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Pada peringkat awal, pembelajaran bidang arkeologi ini hanyalah memberi tumpuan kepada mencari data baharu untuk melengkapkan kronologi sejarah negara. Walau bagaimanapun, perkembangan pembangunan negara yang semakin pesat pada hari ini menuntut perubahan yang drastik dalam bidang arkeologi supaya dapat menyumbang kearah kemampunan pembangunan negara dan bergerak seiringan dengan kepesatan kemajuan teknologi. Justeru kerta kerja ini akan melihat sejauhmana bidang arkeologi yang ditawarkan di IPTA mampu untuk memenuhi keperluan kerjaya semasa di Malaysia.

SLAID PERSEMBAHAN

MODUL PEMBELAJARAN BIDANG ARKEOLOGI DI PERINGKAT UNIVERSITI DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KERJAYA DI MALAYSIA

YUNUS SAUMAN SABIN
JABATAN SEJARAH, FSK, UPSI
SEMPENA – KONVENSYEN ARKEOLOGI KEBANGSAAN 2023
JABATAN WARISAN NEGARA



PENGENALAN – APA ITU ARKEOLOGI

- Arkeologi merupakan satu2nya bidang dalam disiplin sains sosial yang memberi tumpuan kepada pembinaan semula tingkah laku manusia berdasarkan kepada tinggalan budaya kebendaan oleh masyarakat silam.
- Jadi, bidang ini sangat berkait rapat dengan bidang2 lain terutamanya bidang sejarah dan antropologi – peringkat awal
- Pd hari ini, bidang arkeologi lebih terbuka kerana tuntutan kejituan dalam analisis dan interpretasi – ahli sains boleh menjadi ahli arkeologi
- Kenapa ini perlu difahami? – ahli arkeologi di Malaysia datang drpd pelbagai latar belakang disiplin ilmu.
- Gambaran umum ttg arkeologi di IPTA – arkeologi merupakan satu bidang yang menyelit dalam tujahan utama sesebuah universiti.

SEJARAHAWAL ARKEOLOGI DAN IPTA

- Sebelum Merdeka – aktiviti arkeologi sinonim kegiatan yang dilakukan oleh Muzium (Muzium Raffles di Singapura dan Muzium Taiping)
- Subjek 'arkeologi' mula diajar di Universiti Awam di Malaysia seiring dengan penubuhan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang ditubuhkan 15 Januari 1959.
- Antara ahli akademik yang terlibat seperti A. Lamb, B.A.V. Peacock, F.L. Dunn – Nik Hassan Suhaimi dan Leong Sau Heng – Supian Sabtu (arwah) dan ehem ehem.
- 1969 – USM ditubuhkan. 1970an - Merekrut pelajar terbaik dan pengajar dari UM untuk dijadikan sebagai tenaga pengajar (Dato Zuraina Abdul Majid)
- Awal 70an – UKM ditubuhkan dan merekrut pelajar terbaik dari UM untuk dijadikan sebagai tenaga pengajar (Dato Nik Hassan Shuhaimi) – Kamaruzaman – Asyaari - Zuliskandar

-
- Penghujung 1980an USM mulai merekrut pelajar pasca dalam bidang arkeologi (Cth. Prof Stephen Chia dan Prof Mokhtar)
 - 1995 – Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia (PPAM) ditubuhkan dan kemudian dinaiktaraf kpd PPAG pada 2009 – menawarkan subjek minor dalam bidang arkeologi untuk ijazah pertama.
 - PPAG sekarang ini terus berkembang apabila berjaya *setup* makmal arkeologi yang paling lengkap di Malaysia.
 - PPAG menawarkan program pasca secara sepenuh masa dalam bidang arkeologi dalam pelbagai lapangan.
 - Antara tanaga pengajar yg prolific – Dr Vellat, Dr Jeffrey (arwah), Dr Hamid Esa (arwah), Dr Goh (pindah), Dr Nasha, Dr Suresh, Dr Khairunnisa.

-
- 1994 UMS ditubuhkan
: Hanya awal tahun 2000 subjek arkeologi diperkenalkan
 - 2006 UMK Ditubuhkan
: Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan



APA SUBJEK YG BERKAITAN DENGAN ARKEOLOGI DI IPTA – IJAZAH PERTAMA

- UPSI
 - : Zaman Prasejarah dan Protosejarah Malaysia
 - : Asia Tenggara abad 9 Hingga 1800
- UMS
 - : Pengantar Arkeologi
 - : Pengurusan Sumber Warisan
 - : Sejarah Peradaban Maritim Nusantara



- UM
 - : Pengajian Arkeologi 1
 - : Pengajian Arkeologi 2
- UKM
 - : Sejarah Awal
- USM
 - : Pengenalan Kepada Arkeologi
 - : Perkembangan Manusia dan Ketamadunan
 - : Sains Dalam Arkeologi
 - : Arkeologi Asia Tenggara
 - : Ekskavasi Arkeologi



- UMK
- : Subjek Warisan
- : Konservasi



SUBJEK ARKEOLOGI DI PERINGKAT PASCA

- Untuk peringkat Pasca sama ada Sarjana atau Doktor Falsafah, biasanya tidak ada batasan sub bidang.
- Ia tergantung kepada kehendak perbincangan antara tenaga pengajar dengan pelajarinya.
- Masing2 universiti mempunyai matlamat untuk menambah pelajar pasca dalam apa juga bidang.



PERSOALAN

- Sejuahmana subjek arkeologi di IPTA mampu menghasilkan mahasiswa yang benar-benar kompeten dalam bidang pekerjaan selepas bergraduan – saya tiada jawapan tuntas. Ia memerlukan satu kaji selidik yang menyeluruh.
- Dalam konteks UPSI – memadai untuk membekalkan ilmu pengetahuan sebagai seorang bakal guru
- Dalam konteks IPTA yang lain – untuk menyediakan graduan yang mampu mengisi jawatan kosong dalam pelbagai sektor Kerajaan dan swasta – perlu persaingan ketat kerana jajaran peluang yang sempit

PROSPEK PEMBANGUNAN KERJAYA

- Kurator – JWN, JMM, Muz Negeri, Muzium Jab Kerajaan, Muzium Swasta
- Pegawai Kerajaan (Pentadbiran Awam)
- Perunding Warisan / Perunding Arkeologi (sendiri atau menumpang)
 - : Memerlukan kemahiran tertentu
 - : Memerlukan kelulusan dlm bidang yang lebih tinggi spt MA/PhD
 - : Perlukan modal
- Konservator – arkeologi dan warisan
- Instruktur
 - : heritage diving



- Tour guide – tapak warisan
- Content creator (warisan)
:Youtube, Tik tok, IG, Facebook dll

Cth – Primitive Technology (<https://www.youtube.com/@primitivetechnology9550>)



- Utk generasi muda – timba pengalaman sebanyak mungkin.
- Mudah2an kita semua enjoy dan mendapat rezeki yang baik daripada bidang arkeologi dan warisan ini

SEKIAN
Dan Terima Kasih





PROF. MADYA DR. ASYA'ARI MUHAMAD
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

PROF. MADYA DR. ASYA'ARI MUHAMAD adalah Pengarah di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) bermula pada 24 Februari 2023 sehingga kini. Sebelumnya merupakan Timbalan Pengarah ATMA. Merupakan pakar dalam bidang Arkeologi Darat dan Arkeologi Maritim. Pernah dilantik sebagai Pakarujuk dalam Jawatankuasa Penilaian Objek, Tapak Warisan Arkeologi dan Maritim oleh Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia dari tahun 2014-2021. Banyak melakukan penyelidikan berhubung dengan bidang arkeologi sejak tahun 1996 hingga sekarang. Menghasilkan beberapa buah penulisan Buku dan pernah memenangi Anugerah Buku Cemerlang 2019 di peringkat Kebangsaan. Banyak menulis dalam artikel berhubung dengan pakar bidang seperti dalam Jurnal tempatan dan Antarabangsa. Menghadiri dan membentang kertas kerja di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sejak 1998 hingga 2020.

ARKEOLOGI MARITIM DI PULAU MELAKA, BANDAR HILIR, MELAKA

*Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)*

ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan berkenaan kajian arkeologi maritim di kawasan bekas tambakan laut di Pulau Melaka, Melaka. Penemuan secara tidak sengaja oleh beberapa orang penyelidik bebas dari melaka telah menemukan pelbagai jenis artifak seperti seramik, wang syiling, serpihan pecahan kayu dan sebagainya di permukaan kawasan ini. Pada tahun 2021, beberapa agensi kerajaan mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian secara survei dan membuat kajian arkeologi menyelamat di kawasan tersebut. Antaranya ialah Jabatan Warisan Negara (JWN), Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasilnya, sebuah kapal purba yang dianggarkan sezaman dengan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-15 telah ditemui di tapak itu. Selain daripada penemuan kapal, kajian juga mendapati terdapat banyak penemuan serpihan seramik zaman Ming dan wang syiling sekitar abad ke-15 masihi ditemukan di dalam bahagian kapal itu. Hasil kajian pada fasa 1 yang begitu memberangsangkan itu, pada tahun 2022, PERZIM dan UKM sekali lagi membuat kajian dengan lebih teliti dan serius di tapak tersebut. Hasil penemuan pada fasa 2 yang amat memberangsangkan itu telah mendedahkan bahawa Melaka antara sebuah negeri yang menjadi destinasi tarikan para pedagang dari rantau ini serta luar negara yang giat melakukan aktiviti perdagangan sekitar abad ke-15 masihi tersebut.

kata kunci: Arkeologi, Maritim, Artifak, kapal.

PENGENALAN

Meskipun arkeologi lahir daripada kajian ke atas tapak di daratan khususnya zaman prasejarah, hal ini tidak menghalang kelahiran bentuk kajian arkeologi yang lain. Misalnya, kajian arkeologi bawah air yang berbeza dari segi kerja, letakan, dan ciri tinggalan budaya hanyalah perbezaan fizikalnya. (Asyaari, 2018). Pengertian dan matlamat asasnya tetap kekal sebagai ilmu yang mengkaji dan merekonstruksi masa lampau. Hanya sebagai asas kepada bidang arkeologi yang mengkhusus kepada kajian di bawah air. Bermakna, arkeologi bawah air hanyalah satu pelabelan untuk semua kajian arkeologi yang dijalankan di tapak bawah air ataupun istilah induk bagi disiplin arkeologi yang tapaknya bersifat akuatik. (Asyaari. 2001)

Melaka merupakan sebuah negeri yang kaya dengan khazanah sejarah, warisan dan kebudayaan terutamanya pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka abad ke-15 Masihi. (Abdul Latiff Abu Bakar. 1984). Selain terkenal sebagai sebuah negeri yang bersejarah,

Melaka juga terkenal dengan kehebatannya sebagai sebuah pelabuhan tradisional yang menjadi tumpuan para pedagang dari dalam dan luar negara pada abad tersebut. (Ahmad Jelani. 2006). Kehebatan dan keagungan negeri Melaka pada abad tersebut bukan sahaja digambarkan oleh pengkaji tempatan. Ia juga banyak dikaji oleh orang barat misalnya dalam karya Tom Pires dalam buku yang bertajuk *The Suma Oriental*. (Amando Cortesao (ed.). 1944).

Sejajar dengan beberapa perkembangan penyelidikan Arkeologi Maritim di Malaysia sejak awal tahun 1990 sehingga 2000an, difikirkan suatu kewajaran untuk merancang satu penyelidikan arkeologi maritim di negeri Melaka secara holistik. *JK Hidro & Oceanography Consultant Sdn.Bhd. 2020*. Penemuan secara tidak sengaja sebuah kapal/perahu karam yang terletak di tepi pantai Pulau Melaka, sekitar akhir tahun 2020 hingga Mac 2021, telah menjadi faktor pemangkin untuk menerokai penyelidikan arkeologi maritim di Melaka secara lebih serius (Lihat foto 1). Kajian awalan berbentuk survei di permukaan di kawasan terbabit melalui teknik pemerhatian dan alat pengesanan bahan logam (*metal detector*) telah menemui pelbagai kesan bentuk kebudayaan material atau artifak yang ditinggalkan di kawasan tersebut seperti wang syiling, seramik, sisa cengkerang dan sisa kayu kapal/perahu. Justeru itu, pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) dengan kerjasama dengan penyelidik dari Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah memulakan operasi kajian survei dan ekskavasi arkeologi menyelamat pada 25 Mac – 1 April 2021 di Pulau Melaka. Hasil kajian awalan ini, pasukan penyelidik telah menemukan banyak pecahan artifak separa lengkap seperti seramik, duit syiling zaman Kesultanan Melayu Melaka, peluru meriam dan satu penemuan yang besar iaitu rangka kapal/perahu purba yang masih dalam kajian. (Asyaari, 2021).



Foto 1: Rangka perahu/kapal purba yang ditemui semasa kajian arkeologi menyelamat di Pulau Melaka, Bandar Hilir, Melaka


Penemuan rangka kapal serta beberapa bahan bukti artifak (Lihat foto 2) yang diperkirakan mempunyai konteks dari sudut arkeologi di kawasan ini telah membawa satu sinar dan harapan baru terutamanya dari aspek pelancongan, warisan dan sejarah negeri Melaka.



Foto 2: Pelbagai penemuan seramik porselin biru dan putih, wang syiling zaman Kesultanan Melayu Melaka, syiling Portugis dan logam lain.

2.0 LOKASI KAJIAN

Kajian ini terletak di tepi pantai Pulau Melaka di daerah Bandar Hilir, Melaka. (Lihat foto 3 dan foto 4 menunjukkan lokasi kajian sebelum dan selepas penambakan).



Peta 1: Lokasi Pulau Melaka sebelum ditambak.



Foto 3: Lokasi kajian sebelum penambakan (kotak merah).



Foto 4: Lokasi kajian selepas penambakan, 2013

3.0 LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS

Kajian survei arkeologi bawah air di perairan Melaka pernah dilakukan pada tahun 2005. Kajian survei kapal karam tersebut dilakukan oleh sebuah syarikat swasta iaitu *Maritime Explorations (M) Sdn. Bhd*, kerjasama dengan Jabatan Muzium dan Antikuiti, PERZIM serta Jabatan Laut Malaysia. Mereka mendapat kebenaran daripada agensi terbabit selama seminggu untuk melakukan kerja survei tapak kapal karam di perairan Melaka. Lokasi kajian mereka berdekatan dengan Pulau Upeh yang mempunyai kedalaman dasar laut antara 27 – 42 meter. Semasa kajian dilakukan, mereka menggunakan kaedah saintifik dan penyelaman. Enam kaedah pendekatan survei telah mereka lakukan. Antaranya menggunakan peralatan Side Scan Sonar (Fishers SSS-100K), Magnetometer (Geometric G-877), Depth Sounder (Garmin 160 Fish Finder), GPS (Garmin 172C), komputer dan pemeriksaan manual secara penyelaman scuba. Hasil daripada kegiatan survei itu, pengkaji lepas telah menemui beberapa bahan bukti atau imej seperti bentuk kapal karam dan beberapa jenis artifak. Hasil daripada kajian survei tersebut, mereka telah mencadangkan agar kajian lanjutan iaitu ekskavasi arkeologi bawah air dilakukan secara menyeluruh. Namun demikian, kajian lanjutan tidak dapat dilakukan kerana faktor-faktor tertentu (Michael Flekker, 2005).

Pada tahun 2007, Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama dari PERZIM, TLDM dan Jabatan Laut sekali lagi melakukan kajian survei tapak kapal karam bersejarah di Selat Melaka. Hasil kajian tersebut, pasukan penyelidik ini telah mendapat kesan lebih kurang 33 tapak kapal karam bersejarah di perairan Selat Melaka khususnya antara Melaka dan sempadan Negeri Sembilan (Laporan Projek Survei, 2007). Jumpaan beberapa jenis artifak berjaya dikesan dan antaranya ialah seramik dari China, Eropah, botol kaca, bahan logam, kayu dan lain-lain. Sejak dari itu, setelah 13 tahun kemudiannya, kajian HIA yang memerlukan kajian survei arkeologi bawah air sekali lagi dilakukan di kawasan tapak projek yang bakal dibangunkan itu. (Asyaari, 2020).

Pada bulan Julai – September 2020, satu kajian kesan impak warisan arkeologi bawah air (HIA) telah dilakukan di perairan Melaka Tengah iaitu di Klebang, Kajian ini dilakukan ekoran satu projek penambakan laut oleh sebuah konsortium penambakan laut di Melaka. Hasil kajian tersebut ditemui beberapa bahan bukti artifak seperti porselin biru dan putih yang banyak terdapat di perairan Melaka. (Asyaari, 2020).

Kajian terkini (25 Mac-31 Mac 2021) iaitu kajian arkeologi menyelamat di Pulau Melaka oleh Jabatan Warisan Negara (JWN), PERZIM dan penyelidik bebas telah menemukan sebuah rangka kapal purba serta pelbagai jenis artifak yang lain. Ekoran daripada penemuan inilah, satu kajian arkeologi berskala besar yang bertujuan untuk menyelamat dan mengalihkan rangka kapal itu telah dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan. Penemuan secara tidak sengaja ini telah membawa kepada kajian fasa 1 yang menjadi pemangkin untuk menerokai penyelidikan arkeologi maritim di Melaka secara lebih serius.

Kawasan penemuan tapak arkeologi ini merupakan bekas kawasan tambakan laut di sekitar Pulau Melaka. Pulau Melaka dengan kedudukan lebih kurang 2 kilometer ke arah pantai purba/asal. Kajian fasa 1 ini diketuai oleh JWN bertujuan untuk melakukan kerja survei dan

gali cari menyelamat di kawasan berkenaan. Hasil tinjauan awal selama seminggu mendapati kawasan ini amat berpotensi dari sudut peninggalan kesan arkeologi, sejarah dan warisan negeri Melaka. Antara hasil jumpaan tersebut ialah rangka perahu/ kapal purba, pelbagai jenis artifak seperti seramik, duit syiling, sisa muatan perahu/ kapal, logam dan tulang-temulang. Didapati juga penemuan rangka perahu/ kapal ini dijangka berusia sejak abad ke-15 Masihi berdasarkan pentarikan jumpaan artifak di dalam dan di sekeliling perahu/ kapal tersebut (Lihat foto 5).



Foto 5: Penemuan rangka kapal/ perahu purba di kawasan kajian.

Penemuan kajian di Pulau Melaka ini telah mendapat liputan akhbar dan media massa tempatan dengan melibatkan kenyataan akhbar oleh YB. Datuk Jailani Khamis selaku Exco Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Melaka pada ketika itu. Hasil tinjauan dan penemuan awalan di tapak tersebut, ia telah menunjukkan kawasan itu berpotensi untuk diselidiki dengan lebih terperinci. (Lihat foto 6 dan foto 7). Dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka telah memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk diteruskan kajian ke fasa berikutnya dan diketuai oleh PERZIM dengan kerjasama penyelidik/ arkeologis dari Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Foto 6: Lawatan tapak dan kenyataan akhbar oleh Datuk Datuk Jailani Khamis.



Foto 7: Keratan akhbar kajian arkeologi maritim di Pulau Melaka

Hasil kajian singkat fasa 1 telah membuktikan tapak ini berupaya untuk diteruskan ke peringkat seterusnya. Hal ini kerana, penemuan rangka perahu/kapal purba tersebut merupakan penemuan pertama kali ditemui di kawasan bekas tambakan pantai di Melaka bahkan ia antara penemuan terpenting dalam menyumbang kepada sejarah, arkeologi dan warisan di Malaysia. Jumpaan pelbagai jenis artifak seperti seramik asing, wang syiling dan logam sekitar abad ke-15 hingga ke-17 Masihi, mencadangkan tapak ini berusia sekitar abad tersebut. Maka, sejumlah peruntukan kewangan telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PERZIM untuk meneruskan kajian di fasa berikutnya. Oleh itu, fasa berikutnya ekskavasi penyelamatan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada pihak PERZIM untuk menjalankan kajian di tapak itu dan pemindahan rangka tersebut ke Muzium Kapal Selam Melaka.

4.0 KAJIAN TERKINI

Kajian lanjutan fasa 2 dijalankan pada 20 Oktober 2021 hingga 2 Disember 2021 yang diketuai oleh Drs. Mohd Nasruddin Rahman selaku Pengurus Besar PERZIM dan pelantikan bersama Prof. Madya. Dr. Asyaari Muhamad dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Ketua Penyelidik. Kajian lapangan ini dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan PERZIM. Kajian fasa 2 adalah bermatlamat bagi meneruskan kerja-kerja cari gali menyelamat, mengeluarkan rangka kapal dan menyelamatkan artifak yang terdapat di dalam kapal. Kajian ini juga membolehkan pendedahan keseluruhan struktur kapal yang terbenam di dasar timbunan tanah dan merekonstruksi semula bentuk kapal, mengenal pasti jenis kapal, mengenal pasti usia sebenar kapal serta memindahkan rangka tersebut ke Muzium Kapal Selam. Seterusnya, bagi menjalankan analisis saintifik terhadap bahan binaan kapal dan artifak, menganalisis sebarang penemuan artifak dan ekofak yang ditemui di kawasan kajian. Kajian ini dapat mengesan jika terdapat rangka/ perahu yang berdekatan dengan tapak kajian.

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif iaitu mengenal pasti fungsi tapak kapal karam dan mendokumentasikan taburan tapak kapal karam di Perairan Melaka. Menentukan perkaitannya dengan tapak-tapak kapal karam lain di seluruh Malaysia serta di rantau ini khususnya di Indonesia, Thailand dan Filipina melalui kajian perbandingan. Selain itu, kajian dan analisis secara fizikal dan saintifik untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang aktiviti masyarakat yang mengamalkan budaya sea faring ketika itu. Kajian ini juga dijangka dapat mengaitkan hubungan perdagangan antarabangsa di rantau Asia Tenggara ketika itu. Di samping bagi menentukan pentarikan sebenar jenis kapal dan artifak yang ditemui di sekitar kawasan tersebut. Menyediakan pelan perancangan pembangunan Warisan, Sejarah dan Pelancongan di Perairan negeri Melaka yang teratur dan bersistematik untuk dimanfaatkan dalam sektor arkeo-pelancongan. Tidak ketinggalan, dapat melakukan kerja konservasi dan membaikpulih struktur kapal/perahu yang ditemui sebelum dipindahkan ke tempat lain.

5.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian pada fasa 2 ini telah menemukan rangka perahu/ kapal yang melibatkan penggalian di bahagian utara, lebih kurang 5 meter daripada rangka kapal lama (Lihat foto 8). Penemuan rangka kapal ini telah mendedahkan sebahagian besar komponen badan kapal. Sampel kayu serta penemuan di dalam kapal tersebut akan dianalisis secara fizikal dan saintifik bagi mengenal pasti jenis kayu yang digunakan semasa membina kapal/perahu itu. Melalui penemuan kapal/perahu ini, dijangkakan banyak lagi bahagian serta bentuk keseluruhan kapak tertanam di kawasan kajian. Justeru itu, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mencari dan mengenal pasti bentuk, saiz, usia dan asal-usul kapal itu. Penemuan artifak yang berada di dalam kapal menunjukkan ia seusia dengan kapal tersebut sekitar abad ke-16 hingga 17 Masihi. Kajian mengenal pasti kayu perahu/kapal tersebut di peringkat awal merupakan kayu jenis merbau.





Foto 8: Rangka kapal/perahu purba yang dijumpai

Selain itu, kajian ini menemukan artifak di sekitar kawasan cari gali (Lihat foto 9). Terdapat banyak artifak yang berupa seramik seperti porselin biru dan putih, celadon, tembikar batu dan tembikar tanah. Kebanyakan seramik yang ditemui berasal dari China, sekitar abad ke-15 hingga 18 Masihi (tempoh masa Zaman Ming- Ching). Tambahan itu, penemuan tembikar batu dan tembikar tanah berkemungkinan sebahagian daripada perkakas yang digunakan di dalam kapal. Pelbagai bentuk dan jenis seramik dikenal pasti dan ini berkemungkinan besar dijadikan sebagai barangan dagangan. Wang syiling yang ditemui didapati dari Zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi, dan sekitar abad ini semasa penjajahan Portugis dan Belanda (Lihat foto 10). Wang syiling digunakan sebagai matawang pada ketika itu, sekaligus menunjukkan bukti yang jelas bahawa urusan niaga dilakukan dengan menggunakan mata wang selain daripada sistem barter. Bahan logam juga berada di kawasan kajian bagi penggunaan seperti pembinaan kapal dan peluru. Tulang haiwan juga ditemui di kawasan kajian.



Foto 9: Penemuan artifak seramik



Foto 10: Wang syiling Kesultanan Melayu Melaka, abad ke-15 Masihi

Kajian yang dijalankan di Pulau Melaka ini juga menunjukkan penemuan artifak yang terbanyak adalah seramik dengan 90%. Terdapat 3 jenis artifak seramik yang ditemui iaitu 80% kategori porselin biru dan putih yang berasal dari zaman Dinasti Ming pada abad ke-15 hingga 17 Masihi dan zaman Dinasti Ching pada abad ke-19 Masihi (Lihat foto 11). Selain itu, kategori tembikar batu sebanyak 15% yang didapati berasal dari akhir abad Dinasti Ming dan pada awal Dinasti Ching pada abad ke-17 hingga abad ke-19 Masihi dan kategori tembikar tanah dijumpai sebanyak 5% yang dipercayai dihasilkan pada abad ke-19 Masihi (Lihat foto 12). Seramik yang ditemui dipercayai dijadikan bahan dagangan dan juga perkakas dalaman kapal/perahu. Penemuan seramik dagangan ini disimpan di dalam bahagian kapal dan disusun secara rapi. Asal-usul seramik ini berasal dari China di daerah Jiajing dan Jingdezhen. Jenis seramik yang

ditemui terdiri daripada pinggan, mangkuk dan cawan yang mempunyai pelbagai motif hiasan seperti fauna (naga, monyet, burung bangau dan ikan), flora (bunga kiambang, teratai) dan pemandangan alam semulajadi. Kebanyakan seramik berada dalam keadaan 30% lengkap dan 70% dalam keadaan pecahan.





Foto 11: Jumpaan pelbagai motif hiasan seramik porselin biru dan putih



Foto 12: Jumpaan tembikar batu/ celedon/ tembikar tanah

Secara keseluruhannya, kajian arkeologi maritim di Pulau Melaka telah menunjukkan jumpaan artifak seramik dengan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 70%, diikuti dengan rangka kapal/ perahu sebanyak 20%, syiling sebanyak 8% dan yang terendah adalah jumpaan artifak lain-lain sebanyak 2%.




Carta 1: Peratusan taburan jumpaan artifak dan ekofak di tapak.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, jangka masa kajian yang dijalankan pada fasa 2 yang bermula dari 20 Oktober 2021 hingga 2 Disember 2021 telah berjaya mendedahkan hampir 35% penemuan struktur kapal. Ini diikuti dengan hipotesis awal yang mendapati kapal tersebut berusia lebih kurang 600 tahun dahulu melalui pentarikan relatif. Dari segi saiz kapal, dianggarkan lebih kurang 100 kaki panjang x 25 kaki lebar dan jenis kayu yang dikesan dari spesies merbau. Pelbagai jenis seramik yang dijumpai terutamanya dari China sejak abad ke-15 Masihi seperti porselin biru dan putih, tembikar batu dan tembikar tanah. Wang syiling zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi, wang syiling zaman Portugis dan Belanda juga banyak ditemui. Oleh itu, kajian arkeologi maritim yang dijalankan di Pulau Melaka telah memberikan peluang kepada para penyelidik untuk meneroka lebih banyak penemuan sejarah dan kebudayaan yang dapat dijadikan warisan negara.

Melalui hasil kajian pada fasa 2 di Pulau Melaka ini diharapkan usaha ini dapat diteruskan ke fasa-fasa berikutnya untuk mencapai objektif kajian. Penglibatan kajian ini membolehkan pengenalpastian kapasiti guna tenaga manusia serta kepakaran untuk menyelidik di tapak arkeologi ini. Di samping itu, dapat menambah pembantu penyelidik di lapangan bagi kerja-kerja seperti penyeliaan, perekodan artifak dan struktur kapal, penggalian dan konservasi. Kajian ini juga, membolehkan perkongsian pandangan dari pakar luar dalam hal yang berkaitan dengan penyelidikan yang bakal diteruskan. Perancangan jangka pendek aspek pengurusan sumber tenaga kerja perlu ditambah baik serta penyediaan tempat kerja yang lebih kondusif. Selain keperluan sumber manusia, keperluan logistik serta peralatan kajian perlu ditambah baik agar pelaksanaan penyelidikan dapat dioptimumkan. Kajian ini turut membenarkan pentarikan sebenar rangka kapal dan jenis bahan buatan melalui ujian saintifik.

Bagi tujuan perancangan jangka panjang terhadap kajian di Pulau Melaka ini, pemindahan rangka kapal dan artifak ke galeri kapal selam dapat dijadikan pameran, bahan penyelidikan dan pendidikan kepada masyarakat. Tambahan itu, tindakan bagi mewartakan tapak tersebut sebagai tapak lindungan warisan dan kajian menyeluruh di kawasan tersebut perlu dipergiat sebelum sebarang pembangunan dilakukan. Kajian ini dapat menawarkan kepada pelajar yang ingin membuat kajian tentang arkeologi maritim di Pulau Melaka sama ada di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (Ph.D). Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan sebagai pusat latihan kajian arkeologi maritim serantau dan penganjuran seminar di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa berkaitan arkeologi maritim khususnya hasil penyelidikan di Pulau Melaka. Melalui kajian ini, penglibatan penyelidik dapat dimanfaatkan bagi menerbitkan buku, artikel dalam jurnal antarabangsa di samping dapat menambah produk arkeo-pelancongan bagi menarik minat pelancong dalam dan luar negara terhadap warisan negara.



Carta 2: Peratusan kepentingan kajian secara menyeluruh.

Kajian HIA perlu dijalankan dengan terperinci sebelum sebarang projek pembangunan dan tambakan laut dilakukan kerana Melaka merupakan sebuah negeri yang mengandungi banyak bahan sumber sejarah yang penting. Ini perlu dilakukan demi menjaga kehilangan sumber dan fakta sejarah untuk generasi akan datang sebelum sesuatu kawasan itu dilakukan sebarang pembangunan fizikal. (Ana Pereira Roders, Aland Bond & Jacques Teller. 2013).

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar. 1984. **Sejarah Di Selat Melaka**. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Melaka (PSMCM), Melaka.
- Ahmad Jelani. 2006. **Perdagangan dan Perkapalan Melayu Di Selat Melaka Abad ke-15 Hingga Ke-18**. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Amando Cortesao (ed.). 1944. **The Suma Oriental of Tom Pires**. Vol.1. Hakluyt Society. London.
- Ana Pereira Roders, Aland Bond & Jacques Teller. 2013. "Determining Effectiveness in Heritage Impact Assessments" in, *IAIA 13 Conference Proceedings: Impact Assessment the Next Generation*, 33rd Annual Meeting of the International Association fo Impact Assessment 13- 16 May 2013, Calgary, Alberta, Canada.
- Asyaari Muhamad. 2001. **Laporan Kajian Arkeologi Kota Melaka**. Jabatan Muzium & Antikuiti. Kuala Lumpur.
- Asyaari Muhamad. 2018. "Kegemilangan Arkeologi Melaka".dalam, **Persidangan Kebangsaan Melaka Agong Sejak Azali 2018, (ASAL)**. Astro Awani. Kuala Lumpur.



EN. ZAHARUDIN BIN ABU

Bahagian Arkeologi
Jabatan Warisan Negara

ZAHARUDIN BIN ABU dilahirkan pada 22 Jun 1978. Beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi di Universiti Malaya dan telah mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (BA Hons (Arts), UM). Beliau pernah menyumbang beberapa artikel dan penulisan penulisan buku bertajuk Nyonya Tan: Tokoh Dondang Sayang pada tahun 2010, Jurnal Warisan Bil.3/2012 bertajuk Awang Batil Terakhir, Jurnal Warisan Edisi Khas Arkeologi Jilid 1 Bil.4/2021 – Menyingkap Kehidupan Etnis Bonggi di Sabah: Satu Kajian dari Perspektif Etnoarkeologi, Buku Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) 2021, Dewan Sastera, Tunas Cipta dan beberapa artikel mengenai permainan tradisi di Dewan Pelajar. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengarah di Bahagian Arkeologi, Jabatan Warisan Negara.

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN WARISAN ARKEOLOGI DI MALAYSIA

*Zaharudin bin Abu
Bahagian Arkeologi
Jabatan Warisan Negara*

ABSTRAK

Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*] merupakan langkah responsif kerajaan atas kesedaran untuk memperkasakan aspek pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara. Akta ini memberikan perlindungan ke atas khazanah warisan negara merangkumi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan bawah air, harta karun serta perkara yang berkaitan.

Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara merupakan antara matlamat utama penubuhan Jabatan Warisan Negara. Justeru, salah satu instrumen yang berkesan untuk memberi perlindungan kepada aset warisan arkeologi adalah melalui pewartaan di bawah Akta 645. Justeru, perlunya satu pelan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan yang sistematik dan efisien disediakan bagi membolehkan kelangsungan dan kelestarian aset-aset warisan negara baik ketara dan tidak ketara.

EKSPOSISI

Sebanyak 1168 tapak warisan arkeologi direkodkan di seluruh Malaysia merangkumi; 1006 tapak arkeologi darat dan 162 tapak arkeologi bawah air. Manakala 15 tapak telah diwartakan dengan status Warisan Kebangsaan, 7 tapak berstatus warisan serta 5 zon sebagai Zon yang dilindungi (ZYD) di bawah Akta 645. Manakala 5 objek/relik arkeologi telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan. Jumlah pewartaan akan sentiasa bertambah dengan terdapatnya banyak jumpaan baharu dan juga penyelidikan yang aktif dilakukan oleh JWN dengan kerjasama universiti-universiti di Malaysia.

INVENTORI	WARISAN	WARISAN KEBANGSAAN
1169	7	15

**Setakat Disember 2023*

Jadual 1: Statistik Tapak Arkeologi Di Malaysia

Satu persoalan yang sentiasa dibangkitkan adalah siapa yang bertanggungjawab terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan tapak-tapak tersebut. Tanggungjawab untuk melindungi kesemua tapak-tapak tersebut bukan perkara mudah terutamanya yang belum diwartakan di bawah Akta 645 dan merupakan milik persendirian. JWN sentiasa menggalakkan dan mengesyorkan agar pemilik tapak yang belum diwartakan untuk mengikut Garis Panduan Pemuliharaan dan Pemeliharaan Arkeologi bagi memastikan nilai dan integritinya terpelihara. Manakala bagi tapak yang telah diwartakan, selaras dengan Seksyen 42, Akta 645, tanggungjawab untuk menjaga dan memastikan tapak dalam keadaan yang baik adalah di bawah pemilik. Walau bagaimanapun, JWN sentiasa membantu dalam hal kewangan dan juga memberi khidmat nasihat dari segi teknikal terutamanya dalam hal berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan.

BIL	NEGERI	DARAT	BAWAH AIR
1	Johor	40	23
2	Kedah	57	7
3	Kelantan	55	5
4	Kuala Lumpur	2	-
5	Labuan	10	11
6	Melaka	43	30
7	Negeri Sembilan	47	14
8	Pahang	110	21
9	Perak	209	5
10	Perlis	68	-
11	Pulau Pinang	7	9
12	Sabah	274	11
13	Sarawak	39	10
14	Selangor	33	7
15	Terengganu	16	8
JUMLAH TAPAK		1010	159
KESELURUHAN		1169	

**Setakat Disember 2023*

Jadual 2: Senarai Inventori Tapak Arkeologi di Malaysia

BIL	NEGERI	TAPAK	TARIKH ISYTIHAR
1	Melaka	Runtuhan Gereja St. John, Melaka Tengah	12/5/1977
2	Selangor	Bukit Raja	14/10/1999
3	Kelantan	Tapak Kawasan Tinggalan Perahu Bunga Mas	29/05/2003
4	Perak	Tapak Arkeologi Gua Badak (Lukisan Gua), Lenggong	07/01/2010
5	Kelantan	Gua Cha, Kelantan	16/06/2016
6	Kedah	Kompleks Percandian Bukit Choras (Tapak 1) Bukit Choras, Yan	28/12/2016
7	Kedah	Candi Permatang Pasir (Tapak 31) Kuala Muda, Rantau Panjang	17/04/2018

Jadual 3: Senarai Tapak Arkeologi dengan status warisan

BIL	NEGERI	TAPAK	TARIKH ISYTIHAR
1	Perak	Gua Gunung Runtuh Bukit Kepala Gajah, Lenggong	14/2/2009
2	Perak	Kota Tampan Lenggong	14/2/2009
3	Perak	Tapak Arkeologi Bukit Jawa Kampung Gelok, Lenggong	14/2/2009
4	Melaka	Bastion Middelburg, Banda Hilir	3/4/2010
5	Perak	Bukit Bunuh, Lenggong	10/5/2012
6	Perak	Gua Batu Tambun, Kinta, Ipoh	10/5/2012
7	Kedah	Tapak Arkeologi Sungai Batu	10/5/2012
8	Melaka	Runtuhan Gereja St. Paul, Banda Hilir	10/5/2012
9	Perak	Gua Teluk Kelawar Bukit Kepala Gajah, Perak	11/8/2015
10	Perak	Pulau Kalumpang Kuala Selinsing, Matang	11/8/2015
11	Perak	Gua Harimau, Lenggong	11/8/2015
12	Negeri Sembilan	Tapak Megalitik Pengkalan Kempas, Kuala Pilah	11/8/2015
13	Johor	Kota Johor Lama, Kota Tinggi	11/8/2015
14	Kedah	Candi Pengkalan Bujang (Tapak 23) Pengkalan Bujang, Kuala Muda	17/10/2018

BIL	NEGERI	TAPAK	TARIKH ISYTIHAR
15	Kedah	Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8) Bukit Batu Pahat, Merbok	17/10/2018

Jadual 4: Senarai Tapak Arkeologi dengan status Warisan Kebangsaan

BIL	BUTIRAN	TARIKH WARTA
1	Patung Avalokiteshvara	12/11/2009
2	Arca Buddha Duduk	12/11/2009
3	Alat Batu Dalam Suevit, Bukit Bunuh	12/11/2009
4	Loceng Gangsa	12/11/2009
5	Manusia Perak	13/05/2010

Jadual 5: Senarai Relik Arkeologi dengan status Warisan Kebangsaan

BIL	ZON YANG DILINDUNGI	TARIKH WARTA
1	Perairan Tanjung Tuan, Negeri Sembilan	10/05/2011
2	Perairan Pulau Upeh - Pulau Besar, Melaka	10/05/2011
3	Perairan Pulau Tioman, Pahang	10/05/2011
4	Perairan Wilayah Persekutuan Labuan	23/09/2011
5	Perairan Pulau Bidong, Terengganu	02/02/2018

Jadual 6: Senarai Zon yang dilindungi

CABARAN TAPAK WARISAN

Bidang arkeologi di Malaysia tidak terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran. Kebanyakan tapak warisan arkeologi terdedah kepada perubahan iklim, persekitaran luar dan alam semula jadi. Selain itu, cabaran lain adalah pembangunan fizikal serta aktiviti penggalian haram yang tidak mematuhi peraturan dan tidak berdasarkan kaedah arkeologi yang saintifik. Pembangunan dan penggalian haram bukan sahaja mengganggu stratigrafi tanah dan menyebabkan suatu tapak yang mempunyai potensi warisan arkeologi akan terganggu. Keadaan ini tentunya akan menjejaskan interpretasi ke atas tapak tersebut dan risiko kehilangan data berkaitan sejarah negara.

Kita juga akur bahawa warisan arkeologi negara termasuklah tapak warisan kebudayaan bawah air, kini berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah pemajuan dan pembangunan

fizikal yang boleh menjejaskan nilai, signifikan dan integritinya. Beberapa projek tambakan laut di Melaka sehingga memasuki ZYD Perairan Pulau Upeh dan Pulau Besar dilihat boleh menjejaskan nilai dan signifikan zon tersebut yang telah diwartakan di bawah Akta 645. Seharusnya tiada sebarang aktiviti yang boleh dilakukan di dalam Zon Yang Dilindungi tanpa mendapat kebenaran secara bertulis dari Pesuruhjaya Warisan (PJW). Apabila kebenaran untuk melakukan pembangunan di dalam ZYD ianya akan bercangah dengan *spirit* Akta 645 yang berperanan untuk melindungi zon tersebut yang mempunyai potensi untuk jumpaan kapal karam dan objek di bawah air serta menjaganya dari gangguan dan kemusnahan.

Selain itu, aktiviti penggalian haram yang tidak mematuhi peraturan dan tidak berdasarkan kaedah arkeologi yang saintifik juga semakin berleluasa. Pemburu harta karun menggunakan *metal detector* juga tanpa rasa takut berkongsi kegiatan mereka di media sosial. Malah ada pihak yang menganjurkan bengkel untuk mengajar cara-cara menggunakan *metal detector*. Sehubungan dengan itu, aktiviti penggalian haram bukan sahaja mengganggu stratigrafi tanah dan boleh menyebabkan suatu tapak yang mempunyai potensi warisan arkeologi akan terganggu. Keadaan ini tentunya akan menjejaskan data konteks dan interpretasi yang akan dilakukan oleh penyelidik ke atas tapak tersebut.

Persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) merupakan perkara penting sekiranya cadangan pewartaan untuk kategori tapak dilakukan termasuklah melibatkan tapak arkeologi. Selaras dengan seksyen 30, Akta 645, kebenaran PBN adalah kunci utama bagi proses pewartaan melibatkan kategori tapak. Cabaran utama adalah kesukaran untuk mendapatkan kebenaran dari pihak PBN disebabkan terdapat perancangan lebih awal telah dibuat untuk pembangunan di satu-satu kawasan seperti rumah kediaman, pusat komersil atau sebagainya.

Malahan beberapa isu lain antaranya kekurangan dana bagi tujuan penyelidikan dan pemuliharaan tapak warisan arkeologi juga perlu diberi perhatian. Isu kewangan ini menyebabkan kekurangan aset dan peralatan saintifik yang digunakan ketika penyelidikan dijalankan. Selain itu, Malaysia juga masih kekurangan pakar-pakar arkeologi yang mahir dan terlatih. Selain daripada Jabatan Warisan Negara, kebanyakan pakar-pakar arkeologi terdapat di universiti-universiti tempatan antaranya di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Namun jumlahnya tidak seramai negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Indonesia dan Thailand. Kekurangan pakar yang ketara juga adalah dalam bidang arkeologi bawah air kerana hanya beberapa pakar yang menjalankan penyelidikan dan boleh dirujuk sekiranya terdapat sebarang isu yang timbul berkaitan perkara tersebut.

Kekurangan dari segi peralatan dan aset juga merupakan antara kekangan dalam pemantauan dan penguatkuasaan Akta 645 bagi mencegah kecurian dan aktiviti salvaj haram yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. JWN sukar untuk membuat pemantauan di tapak-tapak karaman dan ZYD oleh kerana kekurangan dari segi aset dan kelengkapan. Selain itu, bidang kuasa Akta 645 bagi perairan meliputi sehingga 12 batu nautika sahaja dan ini telah menghadkan pemantauan dan penguatkuasaan kerana kebanyakan lokasi karaman atau tapak yang mempunyai signifikan kebudayaan bawah air terletak melebihi jarak tersebut.

PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN

Pemuliharaan aset warisan negara merupakan antara matlamat utama penubuhan jabatan ini. Salah satu instrumen yang ampuh untuk memberi perlindungan kepada aset warisan negara adalah melalui pewartaan di bawah Akta 645. Senarai Inventori JWN juga menunjukkan Malaysia mempunyai banyak tapak arkeologi yang berpotensi untuk diangkat ke peringkat antabangsa. Lembah Bujang yang mempunyai beberapa tapak yang telah diwartakan di bawah Akta 645 antaranya Kompleks Pencandian Bukit Choras (Tapak 1), Candi Permatang Pasir (Tapak 31), Tapak Arkeologi Sungai Batu, Candi Pengkalan Bujang (Tapak 23) dan Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8) juga mempunyai potensi untuk diangkat bagi pengiktirafan UNESCO pada masa hadapan. Usaha tersebut telah mula digerakkan pada tahun 2016, namun masih memerlukan penyelidikan lanjutan dan saintifik serta komitmen sepenuhnya dari pelbagai pihak termasuk PBN sebelum di angkat ke peringkat seterusnya.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mencalonkan tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah, Sarawak kepada pihak UNESCO untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia bagi sesi penilaian 2023/2024. Dokumen pencalonan tersebut telah dikemukakan secara serahan tangan kepada pihak sekretariat UNESCO di Paris pada 31 Januari 2023 dan keputusan dijangka diketahui pada Jun/Julai tahun 2024.

Selain itu, terdapat juga tapak-tapak arkeologi lain yang mempunyai potensi seperti tapak Gua Chawas di Gua Musang. Tapak tersebut amat menarik berdasarkan kepada jumpaan beribu-ribu kalam semah atau votive tablet yang mengandungi imej Bodhisattva dan ada kaitan dengan zaman Srivijaya antara abad ke-7 hingga 11 Masihi. Malah Gua Chawas juga mempunyai data dari lapisan budaya Hoabinhian yang berusia antara 12,000 hingga 5,000 tahun yang lalu. Gua Semadong di Perlis telah menemukan lukisan gua menggunakan unsur hematit dan juga arang yang memberi pandangan ianya hasil lukisan pra-sejarah dan kemudian proto-sejarah yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha yang dianggarkan sekitar abad ke-5 hingga abad ke-10 masihi.

Tapak-tapak lain yang turut berpotensi seperti Bukit Tengkorak dan Agup Batu Tulug di Timur Sabah, Kota Johor Lama, Sungai Lembing, dan beberapa lagi yang masih dalam penyelidikan oleh Jabatan Warisan Negara. Justeru, kerjasama strategik dan kolaborasi kepakaran dan teknologi antara kementerian, jabatan atau institusi pengajian tinggi berupaya membuat penyelidikan yang komprehensif dan saintifik untuk mengangkat tapak-tapak arkeologi yang berpotensi untuk pengiktirafan di peringkat dunia.

Ancaman terhadap tapak warisan arkeologi ini perlu dilihat secara serius agar negara tidak kehilangan aset warisan yang amat berharga. Kemusnahannya amat merugikan kerana ianya akan menjejaskan naratif jalur penceritaan sejarah negara. Sehubungan dengan itu, kawalan pembangunan di tapak yang mempunyai potensi warisan arkeologi perlu diberi penekanan

dan mematuhi garis panduan pembangunan bagi memastikan perancangan, kaedah pemuliharaan dan keputusan yang dibuat adalah bersesuaian bagi sesuatu tapak yang mempunyai kepentingan warisan budaya dengan mengambil kira pandangan dari semua agensi dan pihak berkepentingan. Oleh itu, adalah penting untuk memanggil semua pihak berkepentingan di semua peringkat baik PBN, PBT, jabatan dan agensi persekutuan dengan menyediakan platform dialog bersama pakar profesional untuk mencari jalan tengah atau situasi menang-menang.

HALA TUJU

JWN perlu kerap mengadakan sesi libat urus dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk memberikan pemahaman berkaitan pewartaan bagi tapak warisan. Ini kerana kunci utama bagi pewartaan tapak selaras dengan seksyen 30, Akta 645 adalah mendapat keizinan dari PBN. Tanpa keizinan PBN, adalah mustahil pewartaan bagi tapak termasuklah tapak arkeologi akan dapat direalisasikan. Selain itu, sesi libat urus dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti juga perlu diadakan bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab semua pihak terhadap suatu tapak warisan apabila ianya telah diwartakan di bawah Akta 645. JWN mempunyai aspirasi agar semua pihak mengambil tanggungjawab dan berkongsi rasa kepunyaan terhadap tapak warisan yang terdapat di kawasan tempat tinggal mereka.

JWN akan terus mempromosikan kepada setiap negeri untuk mewujudkan enakmen warisan di peringkat negeri bagi pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah warisan. Enakmen warisan negeri akan membuka ruang dan memudahkan pewartaan di peringkat kebangsaan sekiranya dilaksanakan kelak. Ini kerana tidak semua butiran yang mempunyai nilai warisan di peringkat negeri mempunyai signifikan dan nilai untuk diwartakan di peringkat kebangsaan iaitu di bawah Akta 645. Ada butiran mempunyai nilai warisan di peringkat komuniti, kampung, daerah dan negeri. Justeru, pewartaan di peringkat enakmen warisan negeri amat penting bagi memelihara dan memastikan signifikan butiran tersebut kekal terpelihara. Sehingga tahun 2023, hanya Pulau Pinang, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan Selangor mempunyai enakmen/ordinan warisan di peringkat negeri masing-masing. Manakala Pahang sedang menyediakan draf enakmen warisan bagi negeri tersebut.

Conservation Management Plan (CMP) merupakan suatu dokumen yang dijadikan panduan utama untuk pemuliharaan dan pengurusan tapak warisan. Seksyen 45, Akta 645 telah memperuntukkan agar tapak yang telah diwartakan perlu dipulihara dan dipelihara mengikut pelan pengurusan pemuliharaan atau CMP. Objektif utama CMP adalah untuk memastikan bahawa perancangan, kaedah pemuliharaan dan keputusan yang dibuat adalah bersesuaian bagi sesuatu tapak yang mempunyai kepentingan warisan budaya dengan mengambil kira pandangan dari semua agensi dan pihak berkepentingan. Namun begitu, hanya beberapa tapak arkeologi sahaja yang mempunyai CMP sendiri. Proses untuk menyediakan CMP bagi suatu tapak memakan masa dan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama strategik antara JWN dengan pelbagai agensi dan jabatan di peringkat persekutuan, negeri serta IPT akan berupaya menghasilkan dokumen CMP secara berperingkat yang komprehensif dan memenuhi

keperluan tapak yang akhirnya akan memberi impak positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi negara.

Selain itu, bagi meningkatkan penyelidikan dan pemantauan bagi warisan kebudayaan di bawah air, perancangan untuk membentuk dan melatih lebih ramai pakar dalam bidang arkeologi bawah air wajar diberi keutamaan. Terdapat pegawai-pegawai dari JWN telah dihantar ke luar negara antaranya Thailand dan Australia bagi mendapatkan latihan yang komprehensif dan inklusif bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan agar kompeten dalam aspek pengurusan dan penyelidikan arkeologi bawah air. Malah JWN juga dalam usaha melihat semula dan meminda Akta 645 dengan menyuntik elemen-elemen baharu yang bersesuaian dengan keperluan bagi memastikan akta tersebut terus relevan dengan perkembangan semasa.

Kerjasama serta sinergi dari pelbagai pihak antaranya PBN, PBT, NGO, komuniti dan individu diharapkan dapat memainkan peranan untuk bersama-sama melindungi tapak-tapak warisan arkeologi tersebut. Kebanyakan tapak warisan arkeologi terdedah kepada perubahan iklim, persekitaran luar dan alam semula jadi. Justeru, penjagaan suatu tapak warisan arkeologi mesti dilihat dalam pelbagai pendekatan dan berdasarkan keperluannya. Kita juga akur bahawa warisan arkeologi negara termasuklah tapak warisan kebudayaan di bawah air, kini berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah pemajuan dan pembangunan fizikal yang boleh menjejaskan nilai, signifikan dan integritinya.

PENUTUP

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa menumpukan kesediaan dalam menyediakan peruntukan, sokongan dan khidmat nasihat untuk menambah baik saluran dan kaedah bagi memulihara dan memelihara warisan arkeologi. Secara keseluruhannya, melalui penganjuran konvensyen seperti ini dapat menyebar luas dan berupaya meningkatkan kesedaran awam di dalam menjamin kelestarian tapak warisan arkeologi selari dengan pembangunan dasar dan wilayah bandar serta negara.

Oleh itu, adalah amat penting untuk memastikan penglibatan pihak berkepentingan di peringkat negeri, persekutuan dan pakar profesional membentuk kolaborasi strategik dalam usaha memartabatkan serta memastikan kelestarian warisan sentiasa diberi keutamaan. Kita perlu akur bahawa dalam usaha untuk memastikan kelangsungan warisan, semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas dan dilaksanakan secara bersepadu.

Semua pihak perlu bersama-sama berganding bahu dalam meneruskan agenda pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara dengan melaporkan terus kepada Pesuruhjaya Warisan, Pegawai Daerah atau pihak berkuasa sekiranya mengetahui sebarang aktiviti yang merosakkan warisan atau menjumpai objek yang mempunyai signifikan sejarah dan warisan selaras dengan Akta 645.

Kelestarian warisan amat penting untuk generasi akan datang kerana sekali kita kehilangan khazanah tersebut bermakna kita akan kehilangan buat selama-lamanya seperti '*Patah tak tumbuh, hilang tak berganti*'.



PROF. MADYA DR. HASRIZAL SAARI
Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan
Universiti Malaysia Terengganu

DR HASRIZAL BIN SHAARI ialah Profesor Madya Program Geosains Marin di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Beliau telah dianugerahkan Ph.D. dalam bidang Sains Alam Sekitar dari Universiti Hokkaido, Hokkaido, Jepun pada tahun 2013. Beliau juga merupakan seorang pentadbir di peringkat universiti sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Lapangan (CRaFS). Bidang pengkhususan kajian beliau adalah geokimia marin, penanda organik dan bukan organik, paleo-sekitaran, paleo-iklim dan arkeologi bawah air. Hasil penyelidikan beliau telah diterbitkan di dalam banyak jurnal-jurnal terindek “SCOPUS” dan *Web of Science* di peringkat antarabangsa dan nasional. Kecenderungan penyelidikan terkini beliau adalah melibatkan warisan kebudayaan bawah air yang mana ianya selari dengan bidang tujahan dan penyelidikan UMT iaitu marin dan maritim. Kecenderungan ini telah diujarkannya dengan baik oleh beliau dengan pengalaman selama 22 tahun dalam aktiviti selam skuba dan kelayakan profesional sebagai Divemaster Scuba Diver. Kelayakan profesional dalam selam skuba membolehkan beliau menjalankan penggalian saintifik di tapak arkeologi bawah air Kapal Karam Bidong. Berdasarkan kelayakan dan kebolehannya, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengeluarkan permit penggalian di tapak Kapal Karam Bidong kepada beliau pada tahun 2022 dan 2023. Hasrizal juga merupakan ahli Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Institut Geologi Malaysia (IGM) dan Ahli Profesional Geologi di bawah Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG). Beliau juga merupakan sebahagian daripada Persatuan Arkeologi Malaysia (IKM) yang merupakan persatuan arkeologi berdaftar di Malaysia.

SUMBANGAN KEPAKARAN BIDANG MULTIDISIPLIN DI DALAM PENYELIDIKAN ARKEOLOGI BAWAH AIR NEGARA

Prof. Madya Dr. Hasrizal bin Shaari

Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan,

Universiti Malaysia Terengganu

21030 Kuala Nerus, Terengganu.

Email Pengarang: riz@umt.edu.my

Abstrak

Penyelidikan bersifat multidisiplin dalam arkeologi merupakan paradigma yang kuat dalam usaha untuk merungkai kerumitan masa lalu manusia. Pendekatan ini memanfaatkan pandangan dan metodologi daripada korpus pengetahuan saintifik dan kemanusiaan untuk memberi penerangan baharu tentang tapak arkeologi, artifak dan komuniti masa lampau. Penyelidikan arkeologi secara tradisinya bergantung pada pendekatan disiplin tunggal, seperti antropologi, geologi, atau sejarah. Penyelidikan bersifat multidisiplin mengintegrasikan pelbagai bidang sains gunaan dan teknologi seperti biologi, kimia, penderiaan jauh, geofizik, sains komputer dan sebagainya untuk memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang konteks arkeologi. Salah satu faedah utama penyelidikan multidisiplin ialah keupayaan untuk menawarkan tafsiran yang lebih holistik tentang masa lalu. Gabungan perspektif saintifik dan kemanusiaan membolehkan pemurnian teknik pentarikhan, analisis DNA purba, kajian tandatangan isotop dalam rangka manusia, dan pemeriksaan data iklim dan persekitaran. Evolusi penyelidikan ini membawa kepada kronologi yang lebih tepat, pemahaman yang lebih baik tentang migrasi yang berlaku pada masa lampau dan pengenalpastian rangkaian perdagangan zaman dahulu. Kajian multidisiplin akan menyerlahkan keperluan untuk mengwujudkan kerjasama rentas disiplin, serta intergrasi teknologi termaju, seperti LiDAR, GIS, multibeam, pemprofilan sub-permukaan (SBP) dan pemodelan 3D ke dalam kajian arkeologi. Kesimpulannya, penyelidikan multidisiplin dalam arkeologi telah menjadi satu komponen penting untuk membentuk semula pemahaman kita tentang sejarah khususnya bagi dunia Melayu. Dengan menerima pelbagai metodologi dan perspektif, ia memperkayakan pengetahuan kita tentang masa lalu, memupuk penghayatan yang lebih mendalam tentang kerumitan dan kesalinghubungan tamadun purba.

PENGENALAN

Secara asasnya, arkeologi adalah kajian saintifik mengenai sesuatu kebudayaan dengan cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalannya (Kamus Dewan, 2010). Namun, kajian arkeologi moden telah menjadi satu bidang yang bersifat multidisiplin dengan melibatkan intergrasi pelbagai korpus ilmu bagi menghasilkan satu intepretasi dapatan yang

berimpak tinggi. Mempunyai pakar dari pelbagai bidang seperti antropologi, biologi, geologi, kimia dan banyak lagi membolehkan pemahaman menyeluruh tentang sesuatu ketamadunan purba. Setiap disiplin membawa perspektif, metodologi, dan instrumennya yang tersendiri, memperkayakan tafsiran data arkeologi.

Terdapat lebih 10 kapal karam yang telah ditemui di perairan Malaysia antara 1984 dan 2002, termasuk Sabah dan Sarawak. Antara kapal karam yang terkenal adalah seperti Turiang (~ 1370 M), Nanyang (~1380 M), Longquan (~1400 M), Royal Nanhai (~ 1460 M), Xuande (~ 1540 M), Singtai (~1550 M), Nassau (1606 M), Risdam (1727 M), Diana (1817 M) dan bangkai kapal Desaru (~1845 CE) telah berjaya diselva oleh perunding yang dilantik oleh kerajaan Malaysia (Sjostrand et al., 2006; Zainuddin dan Stephen, 2020). Melihat kepada jumlah kapal karam yang telah ditemui, terdapat potensi besar untuk lebih banyak kapal karam yang akan ditemui di perairan negara.

Oleh itu, penglibatan pelbagai disiplin dan latar belakang ilmu khususnya daripada kepakaran tempatan akan membolehkan pentafsiran sesuatu penemuan arkeologi bawah air menjadi lebih baik dan menyumbang kepada polimik yang minima. Contohnya, pasukan yang terdiri daripada ahli arkeologi, ahli kimia dan saintis bahan boleh menganalisis artifak untuk menentukan komposisi, umur dan teknik pembuatannya di mana ianya memberi penerangan tentang rangkaian perdagangan purba, kemajuan teknologi dan amalan budaya.

Secara tidak langsung penglibatan pelbagai disiplin ini akan memudahkan proses memahami konteks persekitaran tapak arkeologi serta pentafsiran tingkah laku manusia pada masa lalu. Ahli geologi, klimatologi dan saintis alam sekitar boleh menyumbang kepakaran mereka untuk membina semula landskap, iklim dan keadaan ekologi yang lalu, membantu ahli arkeologi memahami cara masyarakat purba berinteraksi dengan persekitaran mereka.


Memasuki zaman milenium, kemajuan teknologi tidak lagi dapat dipisahkan dengan bidang arkeologi, kemajuan dalam teknologi digital telah membolehkan aplikasi teknik penderiaan jauh seperti pengesanan jarak cahaya (LiDAR), sistem maklumat geografi (GIS) dan fotogrametri untuk proses pengukuran yang lebih jitu, pemetaan dan visualisasi tapak arkeologi secara lebih berinovatif. Kerjasama antara ahli arkeologi, ahli geografi dan saintis komputer ini memudahkan pengumpulan, analisis dan tafsiran data dengan cara yang tidak mungkin dilakukan sebelum ini.

Ringkasnya, kepakaran bidang pelbagai disiplin dapat memperkayakan penyelidikan arkeologi dengan menyediakan pelbagai perspektif, metodologi dan teknologi terbaharu untuk mentafsir masa lalu, memajukan pengetahuan tentang tamadun purba, dan menangani isu masyarakat kontemporari yang berkaitan dengan pengurusan warisan dan budaya.

PRA-ESKAVASI

Bagi aktiviti eksplorasi arkeologi bawah air atau fasa pra-eskavasi, survei awalan adalah melibatkan bidang kajian geofizik marin. Kebiasaannya teknik yang digunakan ialah multibeam seperti di rajah 1, side scan sonar (SSS) dan pemprofil sub-dasar (SBP) bagi


mengetahui maklumat awal bagi sesuatu tapak arkeologi yang telah dikenalpasti. Maklumat yang diperolehi dalam bentuk imej adalah sangat berguna bagi membantu program eskavasi (Tian, 2010; Plets et al., 2011) yang akan dilakukan oleh pasukan selaman teknikal di sesuatu tapak arkeologi bawah air.



Rajah 1 Survei awalan dengan menggunakan kaedah multibeam

EKSKAVASI

Sesuai program eskavasi di tapak arkeologi bawah air dapat dilakukan dengan berkesan berdasar kepada imej yang dihasilkan. Rajah 2 menunjukkan imej yang dihasilkan daripada peralatan survei SSS di tapak Kapal Karam Bidong. Imej yang dihasilkan ini telah memberikan gambaran berkenaan taburan artifak-artifak dan juga kedudukan kapal di dasar laut.



Rajah 2 Kapal Karam Bidong ditangkap oleh sistem sonar Klein 4900. Imej yang diproses sonar menunjukkan dua penyelam dengan buih mereka (bulatan biru) dan artifak. Garis putus-putus merah menunjukkan kemungkinan bentuk Kapal Karam Bidong (Sumber: Baharim et al., 2023)


Bidang arkeologi bawah air merupakan satu bidang yang unik kerana ianya memerlukan tambahan kepakaran tambahan iaitu selaman scuba. Sumbangan kepakaran selaman scuba sangat membantu dalam aktiviti eskavasi arkeologi bawah air seperti yang telah dilakukan di tapak Kapal Karam Bidong. Kepakaran khusus ini telah membantu kerja-kerja penyelamatan artifak-artifak (Rajah 3, 4, 5 dan 6) daripada tapak Kapal Karam Bidong pada tahun 2017 (Fasa 1), 2022 (Fasa 2) dan 2023 (Fasa 3).



Rajah 3 Penandaan artifak dalam petak-petak di tapak arkeologi Kapal Karam Bidong



Rajah 4 Artifak-artifak yang akan diselamatkan daripada tapak arkeologi di masukkan ke dalam bakul



Rajah 5 Bakul-bakul yang mempunyai artifak-artifak dinaikkan dengan menggunakan beg udara



Rajah 6 Artifak dipindahkan ke Stesen Penyelidikan Marin UMT, Pulau Bidong untuk perekodan dan rawatan

PASCA-EKSKAVASI

KONSERVASI


Pasca-eskavasi merupakan satu fasa yang penting bagi bidang arkeologi bawah air. Artifak-artifak yang telah diselamatkan khususnya seramik, kayu dan logam perlu melalui rawatan asas iaitu rawatan nyahgaram (Rajah 7) dengan menggunakan air tawar (Baharim et al., 2023). Kaedah ini adalah bertujuan mengelakkan artifak-artifak yang telah diselamatkan mengalami kerosakan fizikal sebelum dilakukan kajian lanjutan. Proses ini juga adalah penting bagi menjamin kualiti analisa-analisa pasca-eskavasi yang akan dilakukan terhadap artifak-artifak yang telah diselamatkan.



Rajah 7 Rawatan nyahgaram artifak-artifak seramik di dalam kolam nyahgaram

KAJIAN LANJUTAN


Sumbangan kepakaran pelbagai bidang sangat membantu dalam kajian lanjutan bagi arkeologi bawah air sangat besar impaknya. Kajian lanjutan dalam bidang arkeologi bawah air moden memerlukan kombinasi pelbagai disiplin ilmu bagi merungkai misteri dan sejarah sesuatu jumpaan arkeologi bawah air. Sebagai contoh serpihan kayu daripada tapak Kapal Karam Bidong (Rajah 7) telah digunakan bagi menentukan usia kayu melalui teknik pentarikan radiokarbon. Pentarikan radiokarbon telah memberikan usia kayu yang digunakan untuk pembuatan Kapal Karam Bidong di antara 1437 dan 1522 Masihi. Sampel-sampel kayu yang dijumpai turut digunakan bagi menentukan jenis pokok yang telah digunakan dalam pembuatan Kapal Karam Bidong. Berdasarkan analisis yang dijalankan, dua jenis pokok telah dikenal pasti dalam pembinaan kapal karam Bidong iaitu Giam (*Hopea spp.*) dan Meranti Temak Nipis (*Shorea roxburghii*). Dapatan daripada pelbagai analisa akan memberikan maklumat yang lebih meyakinkan.



Rajah 7 Sampel kayu yang digunakan untuk penentuan jenis pokok yang digunakan untuk analisa makmal (Sumber: Kamarul et al., 2024)



Rajah 8 Kayu daripada pokok jenis Giam (*Hopea spp.*) ini telah digunakan dalam pembuatan Kapal Karam Bidong (Sumber: Kee et al., tidak diterbitkan)



Rajah 9 Kayu pokok jenis Meranti Temak Nipis (*Shorea roxburghii*) telah digunakan dalam pembuatan Kapal Karam Bidong (Sumber: Kee et al., tidak diterbitkan)

Manakala pembangunan teknologi terkini telah membolehkan penentuan komposisi kimia sesuatu artifak logam atau seramik dapat dilakukan dengan menggunakan alatan Pendarfluor sinar-X (XRF). Analisa ini penting kerana ianya tidak melibatkan kerosakan kepada artifak, namun, dapatan daripada alatan XRF hanya boleh dikategorikan sebagai kualitatif. Seperti di Rajah 10, komposisi bahan kimia bagi logam cair yang melekat kepada pasu seramik kecil dapat ditentukan tanpa merosakkan artifak tersebut. Selain itu kaedah pentarikan Thermoluminescence (TL) juga dapat digunakan untuk menentukan tarikh pembuatan sesuatu bahan seramik dengan mengambilkira suhu panas yang telah digunakan dalam pembuatan sesuatu bahan seramik yang dikaji. Penglibatan pelbagai disiplin ini dalam kajian arkeologi bawah air adalah selari dengan garis panduan daripada UNESCO (2001).



Rajah 10 Sampel logam yang diperolehi daripada tapak arkeologi Kapal Karam Bidong

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penglibatan pelbagai disiplin ilmu dalam arkeologi menawarkan pendekatan yang konstruktif dan transformatif untuk memahami kerumitan tamadun purba dan interaksi mereka dengan alam sekitar. Penglibatan pelbagai disiplin ilmu ini berlaku secara organik daripada peringkat pra-eskavasi, ketika berlangsungnya eskavasi dan pasca-eskavasi. Dengan integrasi kepakaran daripada pelbagai disiplin ilmu seperti antropologi, biologi, geologi, kimia, teknologi digital dan banyak lagi, penyelidikan arkeologi mampu untuk memberikan satu dapatan yang berimpak besar kepada nilai khazanah negara. Kerjasama ini membolehkan ahli arkeologi mentafsir penemuan dengan lebih komprehensif, membina semula naratif sejarah dengan lebih tepat, dan menangani cabaran masyarakat kontemporari yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan dan identiti budaya. Akhirnya, sinergi antara pelbagai bidang mampu memperkaya pemahaman kita tentang sejarah peradaban manusia dan memupuk penghargaan yang lebih holistik terhadap warisan budaya yang mengikat kita dengan masa lalu secara kolektif.

RUJUKAN

- Kamarul, R. M., Baharim, M., Rafidah, R., Saiffuddin, A.H., Ideris, F., Minhat, F.I., Jeofry, M.H., Hamza, M.I., Ali, A., Rashid, A.A., Kiawmas, A., Rahothan, W., Sukkham, A. dan Shaari, H. (2024) The Preliminary Dating of the Bidong Shipwreck, Malaysia. *International Journal of Nautical Archaeology*.
- Kamus Dewan. *Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Muhamad, A. dan Shaari, H. (2018) Maritime Archaeology in Bidong Island, Terengganu Waters. *Voyages of Discovery* 7. Universiti Malaysia Terengganu, September: 8–11.
- Plets, R., Quinn, R., Forsythe, W, Westley, K., Bell, T., Benetti, S., McGrath, F. dan Robinson, R. (2011) Using Multibeam Echo-Sounder Data to Identify Shipwreck Sites: archaeological assessment of the Joint Irish Bathymetric Survey. *International Journal of Nautical Archaeology*, 40:87–98.
- Sjostrand, S., Taha, A. dan Sahar, S. (2006) *Mysteries of Malaysian Shipwrecks*. Ministry of Culture, Arts and Heritage Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Tian, W.M.M. (2010) Side-scan sonar technique for the characterization of physical properties of artificial benthic habitats. *Brazilian Journal of Oceanography* 59 (SPE1):77-90.
- UNESCO (2001) Convention on the Protection of the Underwater Cultural Heritage, Paris, 2001. Electronic, <http://www.unesco.org/new/en/unesco/themes/underwater-cultural-heritage/the-2001-convention/official-text/> [accessed 31 May 2016].
- Zainuddin, B. and Stephen, C. (2020) *Penyelidikan arkeologi bawah air di Semenanjung Malaysia (1902–2015)*. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33(1): 49–63.



RUZAIRY ARBI
Bahagian Daftar Warisan
Jabatan Warisan Negara

RUZAIRY BIN ARBI dilahirkan pada tahun 11 Mei 1975 di Kuala Lumpur. Beliau merupakan Pengarah Bahagian Warisan Negara. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sosiologi dan Antropologi (kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau mula berkhidmat dalam sektor awam sebagai Kurator di Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 2001 dan kini sebagai Pengarah Bahagian Daftar Warisan di Jabatan Warisan Negara. Beliau juga berpengalaman dalam bidang Daftar Warisan Negara (Inventori), konservasi dan arkeologi. Sepanjang 23 tahun pengalaman di Jabatan Warisan Negara, beliau juga sering membentangkan kertas kerja dalam seminar, kursus dan bengkel, antaranya ialah Kursus Selaman dan Inventori Relik Arkeologi Bawah Air Bidong Wreck - 2009, Kursus Konservasi dan Analisis Rangka Manusia Purba 2022, USM 2002, 37th SEAMO SPAFA *Governing Board Meeting*, Melaka 2002, *2nd Asian Regional Workshop on Protection Underwater Cultural Heritage 2002* dan *Asean Seminar On Preservation And Protection of The Underwater Cultural Heritage 2021*. Penulisan beliau pernah diterbitkan dalam pelbagai bahan ilmiah seperti *Jurnal Warisan Edisi Khas Arkeologi Jilid 1 Bil.4/2021* “Menyingkap Kehidupan Etnik Bonggi di Sabah: Satu Kajian dari Perspektif Etnoarkeologi 2021”, *Jurnal Warisan Edisi Khas Arkeologi Jilid 2 Bil.4/2021* “Orang Kanaq, Melayu Proto Terkecil: Satu Tinjauan Etnoarkeologi 2021” serta *Maritime Institute of Malaysia (MIMA) - A Book Chapter* “Malaysia: A Maritime Nation - “*Underwater Cultural heritage in Malaysia: The Role of Legal Aspects*” 2020 dan lain-lain. Di samping itu, beliau juga sering dirujuk oleh pihak lain seperti perunding, calon pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana dan sebagainya bagi prosedur pewartaan dan penguatkuasaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*] dan hal-hal lain yang berkaitan dengan warisan yang lain.

PENGUATKUASAAN WARISAN AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 [AKTA 645]

Ruzairy Arbi
Pengarah, Bahagian Daftar Warisan
Jabatan Warisan Negara


Abstrak

Penguatkuasaan warisan merujuk kepada kawalan, pemantauan dan perlindungan tapak dan objek warisan agar sentiasa berada di dalam keadaan baik, terjaga dan selamat dengan pematuhan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Melalui Akta 645, sebarang kesalahan akan disiasat untuk proses pendakwaan sekiranya berlaku apa-apa kesalahan bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang merangkumi kesalahan di bawah seksyen 112 untuk tapak warisan, seksyen 113 untuk objek warisan dan seksyen 114 untuk Warisan Kebangsaan. Daftar Warisan merupakan salah satu bahagian penting dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya menurut peruntukan dan keperluan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] iaitu penetapan dan pendaftaran tapak, objek dan warisan kebudayaan bawah air sebagai Warisan. Selain itu, berperanan dalam mewartakan apa-apa butiran warisan dan Orang Hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan. Di samping itu, sebarang permohonan berkaitan warisan akan dinilai dan diproses di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 seperti lesen penggalian objek warisan, eksport dan import butiran asing, salvaj dan penggalian warisan kebudayaan bawah air dan peniaga butiran warisan. Setiap permohonan kebenaran yang dirancang di tapak Warisan dan tapak Warisan Kebangsaan perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 40. Pendaftaran butiran warisan merupakan matlamat penting agar rekod warisan negara diwujudkan dan dilindungi undang-undang. Penilaian bagi menentukan signifikansi dan keaslian mana-mana butiran perlu dibuat bagi menjamin integriti sesuatu butiran yang diangkat sebagai Warisan. Mana-mana butiran yang mempunyai nilai warisan yang sangat tinggi dicadangkan kepada Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia untuk dinobatkan sebagai Warisan Kebangsaan. Bagi memastikan proses pewartaan dapat dilaksanakan dengan teratur, penyelidikan dan penilaian terhadap tapak kebudayaan (bangunan/monumen), tapak semula jadi dan objek ketara perlu dijalankan secara komprehensif. Tujuan penyelidikan dan penilaian dijalankan adalah untuk menentukan mana-mana butiran dalam senarai inventori dan pencalonan mempunyai signifikansi dan keaslian warisan untuk pertimbangan kewajaran warisan oleh Jawatankuasa Pakar Warisan. Butiran warisan yang telah diwartakan akan didaftarkan ke dalam Daftar Warisan Kebangsaan.



PENGUATKUASAAN WARISAN

AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 [AKTA 645]



Ruzairy Arbi
Bahagian Daftar Warisan
Jabatan Warisan Negara

AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 [AKTA 645]

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi **pemuliharaan** dan **pemeliharaan**

- i. Warisan Kebangsaan
- ii. Warisan Semula Jadi
- iii. Warisan Kebudayaan Ketara
- iv. Warisan Kebudayaan Tidak Ketara
- v. Warisan Kebudayaan Di Bawah Air
- vi. Harta Karun
- vii. Dan Bagi Perkara-perkara Yang Berkaitan

BAHAGIAN XIV KUASA YANG BERHUBUNG DENGAN PENGUATKUASAAN, PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.

Seksyen 97	Pelantikan pegawai penguat kuasa
Seksyen 98	Kuasa untuk menyiasat
Seksyen 99	Kad kuasa
Seksyen 100	Pengegedahan dan penyitaan dengan waran
Seksyen 101	Pengegedahan dan penyitaan tanpa waran
Seksyen 102	Pemeriksaan orang
Seksyen 103	Penyitaan



Seksyen 104	Notis penyitaan
Seksyen 105	Kuasa penangkapan
Seksyen 106	Menghalang pengegedahan
Seksyen 107	Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
Seksyen 108	Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
Seksyen 109	Kebolehterimaan pernyataan orang tertuduh
Seksyen 110	Pelucuthakan benda, dsb yang disita
Seksyen 111	Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan



HAD KUASA PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

Kesalahan-kesalahan yang disiasat di bawah Akta ini adalah;

1. Seksyen 26. Pemeriksaan tapak;
2. Seksyen 33. Pesuruhjaya boleh membuat Perintah Perlindungan Interim;
3. Seksyen 35. Kerja-kerja yang dibenarkan semasa Perintah Perlindungan Interim;
4. Seksyen 40. Permohonan bagi kebenaran merancang bagi tapak warisan;
5. Seksyen 41. Perintah Pemeliharaan Monumen;
6. Seksyen 47. Penjumpaan objek
7. Seksyen 56. Penjualan atau pelupusan objek warisan
8. Seksyen 58. Pertukaran pemunya objek warisan
9. Seksyen 59. Pemuliharaan objek warisan
10. Seksyen 61. Penjumpaan warisan kebudayaan di bawah air

Contoh kad kuasa polis



Kuning
- Pangkat bawah
- Tidak berkuasa
keluarkan kompaun

Biru
- Pangkat inspektor atau ke atas
- Berkuasa keluarkan kompaun

HAD KUASA PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

Kesalahan-kesalahan yang disiasat di bawah Akta ini adalah;

1. Seksyen 26. Pemeriksaan tapak;
2. Seksyen 33. Pesuruhjaya boleh membuat Perintah Perlindungan Interim;
3. Seksyen 35. Kerja-kerja yang dibenarkan semasa Perintah Perlindungan Interim;
4. Seksyen 40. Permohonan bagi kebenaran merancang bagi tapak warisan;
5. Seksyen 41. Perintah Pemeliharaan Monumen;
6. Seksyen 47. Penjumpaan objek
7. Seksyen 56. Penjualan atau pelupusan objek warisan
8. Seksyen 58. Pertukaran pemunya objek warisan
9. Seksyen 59. Pemuliharaan objek warisan
10. Seksyen 61. Penjumpaan warisan kebudayaan di bawah air

Contoh kad kuasa polis



Kuning
- Pangkat bawah
- Tidak berkuasa
keluarkan kompaun

Biru
- Pangkat inspektor atau ke atas
- Berkuasa keluarkan kompaun

11. Seksyen 62. Milikan, jagaan atau kawalan warisan kebudayaan di bawah air boleh alih
12. Seksyen 64. Zon yang dilindungi
13. Seksyen 65. Kerja salvaj dan penggalian hendaklah dilesenkan
14. Seksyen 66. Pemunyaan warisan kebudayaan di bawah air yang dijumpai semasa pengukuran, salvaj atau penggalian
15. Seksyen 81. Kesalahan – Harta Karun
16. Seksyen 83. Lesen untuk mengeksport
17. Seksyen 86. Penggalian objek warisan
18. Seksyen 91. Peniaga berdaftar butiran warisan
19. Seksyen 92. Maklumat mengenai butiran warisan yang dicuri
20. Seksyen 93. Laporan penjualan atau pembelian butiran warisan



21. Seksyen 106. Menghalang pengeledahan, dsb.
22. Seksyen 112. Kesalahan berkenaan dengan tapak warisan
23. Seksyen 113. Kesalahan berkenaan dengan objek warisan
24. Seksyen 114. Kesalahan berkenaan dengan Warisan Kebangsaan
25. Seksyen 124. Peraturan-peraturan

SULIT
JABATAN WARISAN NEGARA
HARTA KERAJAAN MALAYSIA
KERTAS SIASATAN

BI: _____

1. Pegawai Penyiasat _____	2. Negeri _____ Daerah _____
3. Bil. Timbalan Pendakwa Raya _____	
4. Bilal Polis _____ Bil. Aduan _____ Tarikh dan Jam Aduan _____ Tempat Kejadian _____	5. Bil. Kes _____ (Majistret) (Sesyen) (Mahkamah Tinggi) (Mahkamah Rayuan) Tuduhan (Sebut Seksyen) _____ Tarikh sidang di Mahkamah _____ Tanggapan _____ Tarikh Bicara/PE _____
Tarikh Kejadian _____ Kesalahan _____ Nama dan Alamat Pengadu _____	
6. Nama Orang yang dituduh / Alamat _____	Bute-butir Orang yang dituduh (K/P, Keluaran, Jantina dan Umur) _____
	Hukuman-hukuman Lain (Jika Ada) _____
BI: _____	

SULIT

* Gunakan lampiran tambahan dan jadikan satu (folio) di dalam Kertas Siasatan ini, sekiranya tempat ini tidak mencukupi untuk menuliskan hukuman-hukuman yang lalu.

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

BIL.	Kesalahan Boleh Dikompan	Kompan
1	Seksyen 40(6)	Permohonan bagi kebenaran merancang bagi tapak warisan Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan
2	Seksyen 58(3)	Pertukaran pemunya objek warisan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
3	Seksyen 59(3)	Pemuliharaan objek warisan Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.
4	Seksyen 61(4)	Penjupaan warisan kebudayaan di bawah air (4) Mana-mana orang yang tidak memberikan notis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan. 8

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

BIL.	Kesalahan Boleh Dikompan	Kompan
5	Seksyen 62(4)	Milikan, jagaan atau kawalan warisan kebudayaan di bawah air boleh alih Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana kehendak di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.
6	Seksyen 91(2)	Peniaga berdaftar butiran warisan Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.
7	Seksyen 92(4)	Maklumat mengenai butiran warisan yang dicuri (4) Mana-mana peniaga berdaftar yang tidak memberikan maklumat yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. 9

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

BIL.	Kesalahan Boleh Dikompaun	Kompaun
8	Seksyen 93(3) dan	Laporan penjualan atau pembelian butiran warisan (3) Mana-mana peniaga berdaftar yang, tanpa alasan yang munasabah, tidak mematuhi perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
9	Seksyen 112(2)	Kesalahan berkenaan dengan tapak warisan (2) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

10

KESALAHAN Seksyen 112-Kesalahan berkenaan dengan tapak warisan

(1) Tiada seorang pun boleh, **tanpa kelulusan Pesuruhjaya secara bertulis**—

(a) mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur atau mendeosit tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan;

(b) meroboh, mengganggu, menghalang, mengubah suai, menanda, meruntuhkan atau mengalih mana-mana monumen di mana-mana tapak warisan;

(c) mendirikan apa-apa bangunan atau struktur bersebelahan dengan suatu monumen di dalam mana-mana tapak warisan;

(d) memusnahkan perhubungan antara suatu bangunan dengan alam sekitarnya yang tidak selaras dengan ciri-ciri kejiranan di mana-mana tapak warisan;

11

(e) membersihkan mana-mana kawasan atau mengganggu, memusnahkan atau mengalih mana-mana pokok, tumbuhan bawah, rumpai, rumput atau tumbuh-tumbuhan di mana-mana tapak warisan; atau

(f) melakukan apa-apa aktiviti atau tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada tanah yang bersempadanan dan tanah di sekitarnya yang telah didaftarkan sebagai suatu tapak warisan.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila **lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya**. disabitkan **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi**

12

KESALAHAN Seksyen 113- Kesalahan berkenaan dengan objek warisan

Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, mencacatkan, melupuskan atau mengubah sesuatu warisan kebudayaan ketara, tanpa suatu permit yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya**.

13

KESALAHAN Seksyen 114- Kesalahan berkenaan dengan Warisan Kebangsaan

- (1) Tiada seseorang pun boleh, **tanpa kelulusan bertulis Pesuruhjaya**, memindahkan, merobohkan, mengalihkan, mengubah, mengubah elok, mengeksport, menambah kepada atau menguruskan mana-mana Warisan Kebangsaan kecuali dalam hal keperluan yang segera dan serta-merta bagi keselamatan orang atau harta.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya**.

14



Pemeriksaan aduan dan siasatan di lokasi kejadian

15

PENALTI AM

- (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang **tiada penalti diperuntukkan secara nyata** boleh apabila disabitkan :

Kesalahan Pertama
Denda : Tidak melebihi RM50,000 atau
Penjara: selama tempoh tidak 5 tahun atau kedua-duanya
Kesalahan kedua atau berikutnya
Denda: Tidak melebihi RM100,00 atau
Penjara: Selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

16

- (2) Jika kesalahan yang dilakukan mengakibatkan kerosakan kepada atau perobohan atau pembinasaan sesuatu butiran warisan, mahkamah boleh memerintahkan orang itu membayar, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan di bawah subseksyen (1), kos pembaikan, pembaikpulihan atau pembinaan semula butiran warisan itu.



17

PENGGOMPAUNAN KESALAHAN

(1) Pesuruhjaya boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau manamana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang **tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu**, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.



PENGUATKUASAAN

1. Seksyen 39- Pemeriksaan tapak warisan


- Pemeriksaan tapak warisan adalah merupakan pemeriksaan tahunan yang dirancang bagi setiap tapak warisan.
- Pemeriksaan ini dilakukan bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan keadaan semasa tapak tersebut.
- Pemeriksaan ini juga bagi memastikan kelangsungan hayat bagi sesebuah tapak warisan.
- Taklimat Akta 645 turut disampaikan kepada pemunya / penjaga tapak semasa pemeriksaan ini dijalankan.



19

2. Seksyen 59- Pemuliharaan objek warisan

- ❑ Pemunya atau penjaga objek warisan hendaklah menyimpan harta warisan itu dalam keadaan yang baik dan di tempat yang selamat.
- ❑ Oleh demikian, mulai tahun 2021, pemeriksaan objek merupakan pemeriksaan tahunan yang dirancang bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan keadaan semasa objek tersebut.



Pemeriksaan Objek Warisan – Tikar Rompok
15 September 2022

20



Pemeriksaan Objek Warisan – Tikar Rompok
15 September 2022

21

3. Taklimat Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]

- Dilaksanakan secara berperingkat kepada pihak berkuasa tempatan mahupun agensi-agensi yang berkepentingan.

4. Program kesedaran masyarakat umum –

- Dilaksanakan sepanjang tahun mengikut peruntukan semasa bagi memberi khidmat nasihat melalui program-program yang dirancang oleh pihak JWN

22

5. Seksyen 40 - Permohonan bagi kebenaran merancang bagi tapak warisan

- Penguatkuasaan turut dilaksanakan melalui seksyen 40 iaitu Pesuruhjaya hendaklah menelaraskan dan menasihati pihak berkuasa perancang tempatan sebelum apa-apa kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan tapak warisan diberikan.
- Pesuruhjaya hendaklah menasihati pihak berkuasa perancang tempatan supaya mengenakan syarat-syarat apabila memberikan kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan suatu tapak warisan
- Ia juga memastikan setiap permohonan kemajuan di tapak warisan sentiasa mendapat perhatian sewajarnya.

23

6. Pelesenan

- ❑ Penguatkuasaan Akta 645 juga dilaksanakan melalui pelesenan.
- ❑ Pelesenan yang terlibat dibawah akta ini adalah:
 - 1- Seksyen 65 – Kerja salvaj dan penggalian
 - 2- Seksyen 86 – Penggalian objek warisan
 - 3- Seksyen 83 - Lesen untuk Mengeksport Apa –Apa Butiran Warisan
- ❑ **Seksyen 84 –pengimportan** butiran warisan asing, seseorang yang berniat untuk mengimport apa-apa butiran warisan asing hendaklah memberitahu Pesuruhjaya dengan dokumen yang memperakukan bahawa butiran warisan asing itu telah dibawa keluar dari suatu negara asing secara sah.

24



25



AKTIVITI PENGUATKUASAAN

SERBUAN





RAKAM PERCAKAPAN



PEMERIKSAAN DI LOKASI ADUAN



30

BAHAN SITAAN



31

Senarai Permohonan Lesen 2021 - 2023

Tahun 2021 (8 Permohonan)

BIL.	PEMOHON	KAWASAN PENGGALIAN	TEMPOH LESEN
1.	Puan Farizah Binti Ideris Jabatan Warisan Negara	Penjom, Lipis, Pahang	15.2.2021-24.2.2021
2.	Encik Ruzairy Bin Arbi Jabatan Warisan Negara	Pulau Melaka Dan Persisiran Pantai, Syahbandar, Melaka Raya	25.3.2021-31.3.2021
3.	Drs. Mohamad Nasruddin bin Rahman PERZIM	Pulau Melaka, Melaka	19.6.2021-18.9.2021 (Batal – PKP)
4.	Profesor Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin Universiti Sains Malaysia	Kompleks Arkeologi Sungai Batu, Kedah	1.9.2021-31.8.2022 (Batal – Pemohon Berpencen)
5.	Puan Bharathi A/P Suppiah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	Tapak Arkeologi Guar Kepah, Pulau Pinang	27.9.2021-27.12.2021
6.	Drs. Mohamad Nasruddin Bin Rahman PERZIM	Kerja-Kerja Penyelamatan Artifak Berdekatan Pulau Melaka	4.10.2021-2.12.2021
7.	Prof Madya Dr. Zuliskandar Ramli UKM	Tapak Gua Kambing, Gua Pulai, Baling, Kedah	1.1.2022- 28.2.2022
8.	Puan Haryany Binti Mohamad Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	Kerja-Kerja Restorasi dan Baik Pulih Bangunan Muzium Di Lebuah Farquhar Dan Bangunan No. 57 Jalan Macalister	25.11.2021-31.12.2021

32

Senarai Permohonan Lesen 2021 - 2023

Tahun 2022 (8 Permohonan)

BIL.	PEMOHON	KAWASAN PENGGALIAN	TEMPOH LESEN
1.	Prof. Madya Dr.Zuliskandar Bin Ramli UKM	Gua Kambing, Kedah	1.1.2022-28.2.2022
2.	Encik Muhammad Termizi Bin Hasni JWN	Gua Semadong, Perlis	1.3.2022-1.4.2022
3.	Encik Muhammad Termizi Bin Hasni JWN	Bukit Keteri. Perlis	1.3.2022-1.4.2022
4.	Prof. Madya Dr.Zuliskandar Bin Ramli UKM	Gua Tembus dan Gua Kelambu, Baling, Kedah	20.3.2022-30.4.2022
5.	Dr. Suresh A/L Narayanan USM	Tapak Arkeologi Bukit Komel Dan Bukit Karom, Pahang	1.6.2022-30.11.2022
6.	Datin Bharathi A/P Suppiah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	Tapak Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah, Seberang Perai	1.8.2022-31.10.2022
7.	Encik Mohammad Zamri Bin Ibrahim TNB	Ekskavasi Menyelamat Kawasan Lembah Nenggiri, Gua Musang, Kelantan	26.9.2022-29.2.2023
8.	Encik Ruzairy bin Arbi JWN	Kompleks Gua Batu Kapur Merapoh, Kuala Lipis, Pahang	24.9.2022- 30.9.2022

33

Senarai Permohonan Lesen 2021 - 2023

Tahun 2023 (5 Permohonan)

BIL.	PEMOHON	KAWASAN PENGGALIAN	TEMPOH LESEN	TEMPOH PELANJUTAN LESEN
1.	Encik Mohammad Zamri Bin Ibrahim Tenaga Nasional Berhad	Ekskavasi Menyelamat Kawasan Lembah Nenggiri, Gua Musangz, Kelantan	26.9.2022-29.2.2023	1.3.2023-31.12.2023
2.	Prof Dr. Stephen Chia Ming Soon PPAG, USM	Tapak Bukit Choras, Kedah	25.8.2023-25.2.2024	-
3.	Dr. Haji Mohamad Hilmi Bin Mat Said PSK, UMP	Tapak Perkuburan Permatang Pasir, Pekan, Pahang	20.8.2023-20.10.2023	-
4.	Mejar Johizan Bin Halid Muzium Tentera Darat, PD	Tapak Kubur Perang, Kpg Langkap, Negeri Sembilan	5.9.2023-10.9.2023	-
5.	Prof. Madya Dr. Hasrizal Bin Shaari UMT	Pulau Bidong, Terengganu	1.6.2023-31.12.2023	-

34

Senarai Aduan

Tahun 2021 (13 aduan)

Bil.	Kes	Tarikh Aduan
1	Aduan berkaitan penjumpaan kapal di Kampung Pagar, Penjom, Kuala Lipis, Pahang.	14 Jan 2021
2	Aduan berkaitan Projek Pembinaan Kampus FRIM	27 Jan 2021
3	Aduan berkaitan kehilangan objek jumpaan Meriam di Pahang (Aduan No.26/2020 adalah berkaitan)	9 Feb 2021
4	Aduan berkaitan kebenaran merancang tetuan En. Khoo Choi Poh. Laporan HIA tanpa keizinan S.I Heng Architect •Konservator Berdaftar	18 Mac 2021
5	Aduan berkaitan perlesenan dan ekskavasi pihak Persatuan Ekskavasi dan Akreditasi Warisan Malaysia (PEDAWAM)	16 April 2021
6	Maklumat berkaitan penyerahan butiran warisan asing Afghanistan	18 Mei 2021
7	Aduan berkaitan jumpaan alat batu zaman prasejarah secara atas talian oleh pegawai Muzium Perak.	29 Jul 2021

35

Senarai Aduan

Tahun 2021

Bil	Kes	Tarikh Aduan
8	Aduan berkaitan kehilangan plak warisan di Bangunan Gereja St. Paul.	6 Ogs 2021
9	Aduan berkaitan pembangunan di dalam Gua Pelangi, Negeri Sembilan	22 Sept 2021
10	Aduan berkaitan projek baikpulih di UPSI Kerja mengecat tidak mematuhi kaedah yang ditetapkan	1 Okt 2021
11	Maklumat berkaitan penggalian tanah bagi pemasangan kabel elektrik di Istana Tetamu semasa Pemeriksaan tapak warisan di bawah S39, A645.	27 Okt 2021
12	Maklumat berkaitan kerja-kerja naiktaraf Galeri TM Point di Muzium Telekom semasa Pemeriksaan tapak warisan di bawah S39, Akta 645.	28 Okt 2021
13	Aduan berkaitan jumpaan relik kapal di Penjom, Pahang	22 Dis 2021

36

Senarai Aduan

Tahun 2022 (7 Aduan)

Bil.	Kes	Tarikh Aduan
1	Aduan Penjumpaan Objek Perahu Lama, Sungai Ketil, Kuala Pegang, Kedah	4/2/2022
2	Aduan Penjumpaan Objek Dipercayai Perahu Jalur, Tanjong Puteri, Pasir Gudang, Johor.	8/2/2022
3	Aduan Ketidakpatuhan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan – Projek Kerja-Kerja Pemuliharaan dan Pembaikan Bangunan Annex Serta Kerja Berkaitan Di Muzium Diraja, Kuala Lumpur	26/10/2022
4	Aduan Ketidakpatuhan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan - Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Di Galeri Demang Abdul Ghani, Merlimau, Melaka	4/11/2022

37

Senarai Aduan

Tahun 2022

Bil	Kes	Tarikh Aduan
5	Aduan Ketidakpatuhan Terhadap Ulasan Yang Dikeluarkan Oleh JWN - Kerja-Kerja Pemasangan Panel Info Geotapak Teres Kuno Sg. Perak Di Tapak Arkeologi Bukit Jawa, Lenggong, Perak	8/11/2022
6	Aduan Jumpaan Objek Dipercayai Duit Syiling Emas	4/11/2022
7	Aduan Ketidakpatuhan Terhadap Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan - Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Ubahsuai Bangunan Perpustakaan Lama (White House) Untuk Dijadikan Pejabat Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) Dan Pejabat Setiausaha Dewan Keadilan Dan Undang Negeri Sembilan	29/11/2022

38

Senarai Aduan

Tahun 2023 (7 aduan)

Bil.	Kes	Tarikh Aduan
1	Aduan Berkenaan Pencerobohan Leboh Cator, Sekolah Warisan - SMK Anderson Ipoh	24/2/2023
2	Aduan Berkaitan Pemecahan Marble-PNM	17/3/2023
3	Aduan Berkenaan Jumpaan Artifak Di Halaman Media Sosial	17/3/2023
4	Aduan Berkenaan Jumpaan Seramik Lama Di Tapak Baru Syahbandar, Melaka Dan Pengambilan Seramik Tersebut Oleh Orang Awam.	26/3/2023
5	Salvagers at Wreck Site HMS Prince of Wales	18/5/2023
6	Aduan Berkaitan Kemusnahan Tapak Bersejarah Kota Bukit Meriam, Kuala Muda, Kedah	4/10/2023
7	Aduan Jumpaan Yang Tidak Dilaporkan	24/10/2023

39

Senarai Pemantauan dan Pemeriksaan

Tahun 2021 (5 pemeriksaan tapak)

BIL	BANGUNAN/ TAPAK	NEGERI	STATUS			
			WARTA		PEMERIKSAAN	
			W	WK	TARIKH	MASA
1	Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Al-Hidayah) Ampang Pecah, 44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor	Selangor	/		26 Okt	11.00 pagi
2	Bangunan Carcosa Taman Tasik Perdana, 50480 Kuala Lumpur	WP. Kuala Lumpur	/	/	27 Okt	10.00 pagi
3	Istana Tetamu	WP. Kuala Lumpur	/			
4	Bangunan Muzium Telekom Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur	WP. Kuala Lumpur	/		28 Okt	10.00 pagi
5	Pustaka Peringatan P. Ramlee	WP. Kuala Lumpur	/		2 Dis	10.00 pagi

40

Senarai Pemantauan dan Pemeriksaan

Tahun 2022 (8 pemeriksaan tapak & 2 objek)

BIL	BANGUNAN/ TAPAK	NEGERI	STATUS				
			WARTA		PEMERIKSAAN		
			W	WK	TARIKH	MASA	CATATAN
1	Rumah Tele Perkarangan Muzium Negeri Terengganu, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu	Terengganu	/		23 Feb	10.00 pagi	Selesai
2	Rumah Bujang Perkarangan Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu	Terengganu	/				Selesai
3	Jambatan Sultan Ismail Kuala Krai	Kelantan	/		24 Feb	11.00 tengahari	Selesai
4	Bangunan Pejabat Kerajaan Muar Jalan Petri, 84000 Muar, Johor Nama lain : Bangunan Sultan Abu Bakar	Johor	/		22 Mei	10.00 pagi	Selesai
5	Sekolah Tinggi Muar Jalan Tanjung Emas, Muar Nama lain : Sekolah Menengah Tinggi Muar, jalan Mariam	Johor	/		23 Mei	10.00 pagi	Selesai
6	Sekolah Tinggi Batu Pahat Jalan Zaharah, Batu Pahat	Johor	/		24 Mei	10.00 pagi	Selesai
7	Mahkamah Johor Bahru Jalan Bukit Timbalan, Johor Bahru	Johor	/		25 Mei	10.00 pagi	Selesai
8	Stesen Keretapi Johor Bahru Jalan Tun Abdul Razak, 80000 Johor Bahru	Johor	/		26 Mei	10.00 pagi	Selesai

41

BIL	OBJEK	NEGERI	STATUS			
			WARTA		PEMERIKSAAN	
			W	WK	TARIKH	MASA
1	Tikar Rompok (Upacara Adat Perpatih)	Negeri Sembilan	/	/	15 Sept	10 pagi
2	Tilam Pandak (Upacara Adat Perpatih)	Negeri Sembilan	/			

42

Senarai Pemantauan dan Pemeriksaan

Tahun 2023 (6 pemeriksaan tapak & 4 objek)

BIL	BANGUNAN/ TAPAK	NEGERI/ ZON	STATUS			
			WARTA		PEMERIKSAAN	
			W	WK	TARIKH	MASA
1	Menara Jam Besar	Pulau Pinang/ZU	/		2 Ogos (Rabu)	9.00 pagi
2	Kota Cornwallis Jalan Tun Syed Sheh Barakbah	Pulau Pinang/ZU	/	/ Dalam proses		10.30 pagi
3	Bangunan Residen JKR 132, Bukit Residen, Kuala Lipis, Pahang	Pahang/ZT	/		26-27 Sept (Selasa-Rabu)	10.00 pagi hingga selesai
4	Muzium Warisan Lipis (dahulunya dikenali sebagai Bekas Rumah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, No. 177, Jalan Bukit Bius) Kuala Lipis, Pahang	Pahang/ZT	/			
5	Kota Tampan Lenggong	Perak/ZTgh	/	/	30-31 Okt (Isnin-Selasa) Ditunda	10.00 pagi
6	Tapak Arkeologi Bukit Jawa Kampung Gelok, Lenggong, Perak	Perak/ZTgh	/	/		2.30 petang

43

BIL	OBJEK	NEGERI/ ZON	STATUS			
			WARTA		Pemeriksaan	
			W	WK	TARIKH	MASA
1	Batil (Persembahan Awang Batil)	Perlis/ZU		/	3 Ogos (Khamis)	10.00 pagi
2	Rebana (Persembahan Awang Batil)	Perlis/ZU		/		
3	Serunai (Persembahan Awang Batil)	Perlis/ZU		/		
4	Topeng Hulubalang dan Topeng Wak Nujum (Persembahan Awang Batil)	Perlis/ZU		/		

44

PERMOHONAN LESEN EKSKAVASI

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN UNTUK LESEN MENGGALI MANA-MANA TANAH BAGI MAKSUD MENJUMPAI OBJEK WARISAN (BORANG F)

1. Sesuatu permohonan lesen untuk menjalankan penggalian hendaklah dalam Borang F , Permohonan Untuk Lesen Menggali Mana-mana Tanah Bagi Maksud Menjumpai Objek Warisan.
 2. Borang F, Permohonan Lesen Untuk Menggali boleh didapati daripada Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara atau melalui laman web Jabatan Warisan Negara tanpa dikenakan apa-apa bayaran.
 3. Mengemukakan borang permohonan F yang telah diisi dengan menyertakan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara seperti berikut:
 - CV pemohon dan ahli kumpulan penyelidik (pengalaman kerja lapangan penggalian/ekskavasi, penerbitan, pakar runding dan sebagainya).
 - Kertas cadangan penyelidikan yang lengkap termasuk tujuan, kaedah ekskavasi, analisis, interpretasi dan rujukan
 - Dokumen-dokumen bagi hasil survei
 - Pelan lokasi tapak penggalian/ekskavasi
 - Surat kebenaran daripada pemilik tanah jika pemilik tanah Kerajaan Negeri
 - Senarai institusi (institusi Malaysia atau selainnya) yang akan bergabung dan/atau bekerjasama dengan anda
 - 2 keping gambar pemohon berukuran pasport
 - Salinan kad pengenalan atau pasport
 - Bayaran Bank Deraf, sebanyak RM 250.00 dibayar kepada Jabatan Warisan Negara setelah permohonan diluluskan (jangan menghantar Bank Deraf semasa menghantar borang permohonan).
- Maklumat tambahan jika menjalankan konservasi/DEIA:
- Salinan Perakuan Syarikat (Company Profile)
 - Salinan Surat Perlantikan dari Syarikat yang melantik
4. Pesuruhjaya Warisan boleh pada bila-bila masa meminta pemohon supaya memberi kepadanya apa-apa butiran lain sebagaimana yang difikirkan perlu.
 5. Permohonan lesen lanjutan untuk menggali boleh dibuat oleh pemohon sebelum tamat tempoh Lesen Untuk Menggali dengan mengemukakan Permohonan Melanjutkan Tempoh Lesen Untuk Menggali berserta salinan asal lesen.
 6. Permohonan boleh dilanjutkan oleh Pesuruhjaya Warisan bagi apa-apa tempoh selanjutnya yang difikirkan munasabah pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh lesen tersebut.

7. Pesuruhjaya Warisan boleh mengikut budi bicaranya meluluskan atau menolak apa-apa permohonan bagi lesen untuk menggali.
8. Pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan akan membuat pemeriksaan dari masa ke semasa.

BORANG F
PERMOHONAN UNTUK LESEN MENGGALI MANA-MANA TANAH BAGI
MAKSUD MENJUMPAI OBJEK WARISAN
 [SEKSYEN 87 AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005]

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama:
2. Nama Syarikat/Organisasi:
3. No. Pendaftaran (jikasyarikat) :
4. No. Kad Pengenalan/Pasport: 5. Tarikh lahir :
6. Alamat:
7. Bandar : 8. Poskod..... 9. Negeri:
